

# KOLEKSI PERTANYAAN, JAWAPAN DAN UCAPAN DEWAN NEGARA

# 2024



Mesyuarat Pertama, Kedua  
Dan Ketiga, Penggal Ketiga,  
Parlimen Kelima Belas  
Tahun 2024





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**KOLEKSI  
PERTANYAAN, JAWAPAN DAN UCAPAN**

**MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA,  
PENGKAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**UNIT PARLIMEN  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Aras 3, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya

**SIDANG REDAKSI:**

- Penasihat : Puan Fazidah binti Mustafa
- Ketua Editor : Puan Che Hazwani binti Che Mansor
- Editor : Encik Abdul Syafiq bin Abdul Samat
- : Encik Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf
- Bacaan Pruf : Puan Akmal Khairani binti Kassim
- : Puan Nurshamimi binti Hussain

**Bahagian Perancangan Strategik  
Cetakan Pertama 2025**

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1.	Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Pertanyaan dan Jawapan bagi Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024	5
2.	Analisis Jumlah Pertanyaan dan Jawapan Berdasarkan Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi bagi Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024	6
3.	Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024	7
3.1	Aturan Urusan Mesyuarat	8 - 20
3.2	Pertanyaan dan Jawapan bagi Pertanyaan Lisan	21 - 102
3.3	Pertanyaan dan Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	103 - 120
3.4	Petikan Hansard Sesi Penggulangan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja	122 - 130
3.5	Petikan Hansard Sesi Penggulangan Perbahasan Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 – Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga	145 - 156
4.	Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024	157
4.1	Aturan Urusan Mesyuarat	158 - 170


4.2	Pertanyaan dan Jawapan bagi Pertanyaan Lisan	172 - 258
4.3	Pertanyaan dan Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	260 - 266
5.	Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024	267
5.1	Aturan Urusan Mesyuarat	268 - 279
5.2	Pertanyaan dan Jawapan bagi Pertanyaan Lisan	281 - 351
5.3	Pertanyaan dan Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	353 - 362
5.4	Petikan Hansard Sesi Penggulangan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2025	364 - 377
6.	Urus Setia Parlimen Kementerian Pendidikan Tinggi, Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024	378 - 379

**KATEGORI ISU KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
BERDASARKAN PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA,  
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI ISU</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Akademik dan Program Pengajian	17
2.	Naik Taraf dan Penubuhan IPT Baharu	10
3.	Kebajikan dan Hal Ehwal Pelajar	9
4.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi	9
5.	Lain-Lain	8
6.	PTPTN	8
7.	Data Pendidikan Tinggi	7
8.	Kemasukan Pelajar Ke IPT	7
9.	Pengangguran dan Kebolehpasaran Graduan	7
10.	Reformasi dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi	6
11.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	4
12.	Hal Ehwal Ahli Akademik dan Tenaga Pengajar	4
13.	Biasiswa dan Penajaan	3
14.	Kualiti dan Ranking IPT	3
15.	Autonomi Universiti dan AUKU	2
16.	TVET	2
17.	Hospital Pengajar Universiti (HPU)	2
18.	Penyelidikan dan Pembangunan	1
19.	Peruntukan Kepada IPT	1
20.	Hal Ehwal Pelajar OKU	1

# Analisis Jumlah Pertanyaan dan Jawapan Berdasarkan Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi Bagi Mesyuarat Pertama, Kedua Dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024

JUMLAH PERTANYAAN DAN JAWAPAN



**MESYUARAT PERTAMA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**[18 MAC HINGGA 4 APRIL 2024]**

# ATURAN URUSAN MESYUARAT

## DEWAN NEGARA

### MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

18 MAC HINGGA 4 APRIL 2024

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA  
[18 MAC 2024 (ISNIN) – 21 MAC 2024 (KHAMIS)]

#### 18 MAC 2024 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	5	PN-1531-L10852 <b>Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan berapakah peratusan keberhasilan program pembiayaan MyBrain15 yang dilaksanakan dalam RMKe-10 dan apakah sasaran pihak Kerajaan dalam pelaksanaan program MyBrain 2.0 yang bakal dibuka nanti.
2.	17	PN-1531-L11090 <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sejauh manakah strategi bersepadu dan langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kementerian untuk mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kurikulum universiti di Malaysia demi memastikan kita bersedia dengan kemahiran AI yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan pasaran kerja global dan sekali gus memajukan ekosistem inovasi negara.

**19 MAC 2024 (SELASA) - 4 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	20	PN-1531-L10985 <b>Senator Tuan Amir bin Md Ghazali</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam merapatkan jurang antara pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan komuniti bagi melahirkan generasi rabbani yang cakna dan berdaya tahan tinggi.
2.	31	PN-1531-L10660 <b>Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menanam enam nilai-nilai teras MADANI kepada pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang lebih banyak terpengaruh dengan dakyah songsang membenci Kerajaan atas sentimen agama yang tidak berasas.
3.	33	PN-1531-L10853 <b>Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah perkembangan terkini pihak Kerajaan dalam usaha mewujudkan institusi pendidikan yang berkonsepkan Wakaf seperti yang dilaksanakan di kebanyakan universiti di negara Timur Tengah.
4.	39	PN-1531-L11097 <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan strategi Kementerian untuk memastikan kurikulum universiti lebih selaras dengan keperluan industri dan usaha-usaha yang diambil untuk mengurangkan jurang kemahiran graduan dengan keperluan industri demi meningkatkan kesesuaian graduan untuk pasaran kerja.

**20 MAC 2024 (RABU) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	27	PN-1531-L11357 <b>Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan kualiti graduan dalam sektor berteknologi tinggi bagi mengelakkan keperluan untuk mengambil graduan asing bekerja di masa hadapan.
2.	28	PN-1531-L10986 <b>Senator Tuan Amir bin Md Ghazali</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah mekanisme Kementerian untuk memperkasa kebolehlaksanaan TVET dalam kalangan komuniti bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.
3.	48	PN-1531-L11105 <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan strategi yang telah atau akan diperkenalkan oleh Kementerian untuk mengalakkan dan memfasilitakan kerjasama antara universiti-universiti awam sesama sendiri dan bersama swasta di Malaysia agar menggabungkan sumber daya mereka, baik dari segi kemudahan, akademik, penyelidikan dan teknologi.

**21 MAC 2024 (KHAMIS) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	5	PN-1531-L11429 <b>Senator Datuk Bobbey bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina politeknik atau kolej komuniti baharu di kawasan luar bandar di Sabah bagi memenuhi keperluan belia mengikuti bidang pendidikan TVET sekaligus dapat menyediakan sumber tenaga separa mahir bagi mengisi keperluan industri pembuatan di Sabah.
2.	29	PN-1531-L10758 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah yang diambil untuk tidak mengenakan beban kepada tenaga akademik di universiti yang dituntut mendapatkan sejumlah dana tertentu menurut taraf mereka (Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan) agar perhatian mereka lebih tertumpu pada tugas akademik.

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA**  
**[25 MAC 2024 (ISNIN) – 27 MAC 2024 (KHAMIS)]**

**25 MAC 2024 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	39	PN-1531-L10942 <b>Senator Puan Noorita binti Sual</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah status terkini masalah air yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk membantu menyelesaikan masalah ini.
2.	55.	PN-1531-L11430 <b>Senator Datuk Bobbey Bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah status semasa projek solusi masalah air di UMS dan apakah jaminan Kementerian agar masalah ini dapat diatasi di semua kampus-kampus termasuk di semua asrama Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh Sabah.

**26 MAC 2024 (SELASA) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	21	PN-1531-L11287 <b>Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan berapakah jumlah tokoh belia yang dilibatkan dalam Lembaga Pengarah Universiti di universiti-universiti awam di Malaysia.
2.	65	PN-1531-L10824 <b>Senator Tuan Abun Sui Anyit</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu pengajian di universiti-universiti tempatan agar setanding dan mampu meletakkan diri dalam 10 universiti terkemuka dunia.

**27 MAC 2024 (RABU) - 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	69	PN-1531-L10966 <b>Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan pelan integrasi pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan pengajian akademik di peringkat pengajian tinggi bagi memastikan graduan TVET dapat meneruskan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA**  
**[1 APRIL 2024 (ISNIN) – 4 APRIL 2024 (KHAMIS)]**

**1 APRIL 2024 (ISNIN) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	52	PN-1531-L10967 <b>Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan status terkini enrolmen pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini serta apakah pelan tindakan Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai pelajar asing mengikuti pengajian tinggi di negara ini.
2.	57	PN-1531-L11216 <b>Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-  (a) apakah isu pengangguran dalam kalangan graduan pengajian tinggi termasuk lepasan PhD; dan  (b) usaha Kerajaan bagi menyesuaikan kurikulum pengajian tinggi dengan matlamat melahirkan graduan yang mampu mencipta peluang pekerjaan dan bukan hanya sekadar memenuhi pasaran kerja.
3.	70	PN-1531-L10908 <b>Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan berapakah jumlah bilangan tawaran Ijazah Sarjana Muda dan Diploma di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah dibuka pada tahun 2023 mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar serta berapakah pelajar yang telah menerima tawaran tersebut mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar.

## 2 APRIL 2024 (SELASA) - 8 PERTANYAAN

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	12	PN-1531-L11362 <b>Senator Datin Ros Suryati binti Alang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan mekanisme khusus yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan sebagai jaminan kualiti pendidikan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta adalah setanding dengan Eropah dan United Kingdom.
2.	15	PN-1531-L10766 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah bagi mengaktifkan semula kursi- kursi Pengajian Melayu yang pernah ditubuhkan seperti di Leiden, Wellington, Beijing, Korea dan kemungkinan menubuhkan Kursi Pengajian Melayu yang baharu di tempat lain yang sesuai.
3.	37	PN-1531-L11338 <b>Senator Datuk Razali bin Idris</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani isu kekurangan dan kesukaran menyediakan penginapan mahasiswa di semua IPTA yang menjejaskan keselamatan dan kebajikan pelajar.
4.	48	PN-1531-L10982 <b>Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi para pelajar yang mengikuti bidang perubatan (kedokteran) di pusat pengajian swasta yang dimiliki oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana pada masa ini, pinjaman hanya sekadar yuran IPTA sahaja.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
5.	51	PN-1531-L11078 <b>Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pelajar asing di IPTA dan IPTS di seluruh negara serta apakah langkah-langkah yang perlu dijangka semula agar Malaysia menjadi tumpuan dan pilihan utama bagi pelajar antarabangsa bersesuaian dengan kos sara hidup dan struktur akreditasi MQA.
6.	55	PN-1531-L11170 <b>Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan ketersediaan Hospital Universiti Sains Malaysia dari aspek tenaga buruh, kepakaran dan fasiliti hospital dalam merawat pesakit kanser ekoran pengumuman Menteri untuk memendekkan tempoh menunggu bagi pesakit kanser.
7.	60	PN-1531-L11069 <b>Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Teknologi mengikut perincian IPTA atau IPTS di seluruh negara dan apakah fokus terhadap kebolehpasaran bakal graduan kursus-kursus kritikal ini.
8.	68	PN-1531-L10897 <b>Senator Datuk Lim Pay Hen</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kementerian akan menambah bilangan universiti teknikal bagi membuka peluang yang lebih besar kepada graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), memandangkan pada masa kini terdapat empat Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia yang menerima pelajar Diploma Vokasional untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu UTHM, UniMAP, UTeM dan UMP.

### **3 APRIL 2024 (RABU) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	5	PN-1531-L10924 <b>Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah perancangan yang akan diambil dalam menghadapi cabaran teknologi termasuk Artificial Intelligence (AI) yang dilihat semakin meluas supaya ia dapat memberi manfaat yang positif kepada masyarakat.
2.	46	PN-1531-L11062 <b>Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah lantikan terkini profesor adjung di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang terdiri dalam kalangan profesional syarikat tempatan beserta tanggungan kewangan bulanan universiti bagi pembayaran emolumen serta apakah jaminan setiap pelantikan itu relevan terhadap pembangunan akademik dan intelektual sesebuah fakulti di universiti antarabangsa tersebut.
3.	54	PN-1531-L11313 <b>Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan perancangan pemerkasaan perkhidmatan perubatan di Hospital USM Kubang Kerian.

#### **4 APRIL 2024 (KHAMIS) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	11	PN-1531-L11148 <b>Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk membenarkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mempunyai dokumentasi maklumat lengkap menuntut pengajian di peringkat universiti termasuk golongan yang tiada kewarganegaraan serta anak terbiar yang dijaga oleh keluarga angkat atau Non-Governmental Organization (NGO).
2.	19	PN-1531-L10965 <b>Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-  (a) adakah kursus Kecerdasan Buatan ( <i>Artificial Intelligence</i> ) di universiti tempatan akan dijalankan sepenuhnya oleh Kementerian atau akan bekerjasama dengan universiti dari negara Jepun; dan  (b) berapakah jangka masa yang ditetapkan untuk mewujudkan kursus tersebut di universiti tempatan.

## PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

### 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	91	PN-1531-T01997 <b>Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pemohon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ingin meneruskan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta, berapakah jumlah pelajar yang berjaya mendapatkan tempat dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas mengikut bangsa, institusi pengajian awam, swasta dan matrikulasi. Adakah benar pernyataan bahawa pelajar tidak berminat untuk meneruskan pengajian tinggi.
2.	115	PN-1531-T02018 <b>Senator Dato' Haji Husain bin Awang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan statistik dan kadar kebolehpasaran para graduan lepasan institusi pengajian tinggi di Malaysia daripada tahun 2013 hingga 2023.
3.	121.	PN-1531-T02027 <b>Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah keberkesanan usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi dilakukan untuk menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
4.	132	PN-1531-T02038 <b>Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan perancangan strategik bagi menjamin prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
5.	137.	PN-1531-T02043 <b>Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah benar kualiti graduan universiti di negara ini telah merosot. Jika benar, apakah puncanya.
6.	142.	PN-1531-T02047 <b>Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan status terkini pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

**MESYUARAT PERTAMA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI PERTANYAAN LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA  
BIN MD RAMLI**

**TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 5**

**SOALAN**

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan keberhasilan program pembiayaan MyBrain15 yang dilaksanakan dalam RMKe-10 dan apakah sasaran pihak Kerajaan dalam pelaksanaan program MyBrain 2.0 yang bakal dibuka nanti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program MyBrain15 merupakan program penajaan di peringkat sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di dalam pelbagai bidang yang telah dilaksanakan pada 1 Disember 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Di antara objektif utama program MyBrain15 adalah untuk meningkatkan jumlah pemegang ijazah lanjutan untuk memenuhi keperluan modal insan intelektual dan kepakaran tempatan bagi menyokong pembangunan negara.

2. Sepanjang tempoh pelaksanaan Program MyBrain15 dari tahun 2011 hingga 2016, KPT telah berjaya menaja seramai 56,910 orang pelajar iaitu sebanyak 87% berbanding dengan jumlah sasaran 65,500 orang pelajar melalui tiga jenis penajaan iaitu MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industri dengan perbelanjaan tajaan sebanyak RM1.08 bilion.
3. Laporan Kajian Impak MyBrain15 (2011-2015) menunjukkan peratus graduan yang mendapat pekerjaan berbanding pelajar yang telah bergraduat di bawah Program MyBrain15 adalah sebanyak 72.6% bagi peringkat Sarjana dan 78.1% di peringkat PhD. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44.5% graduan MyMaster memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM3,000 manakala 61.5% graduan MyPhD memperoleh pendapatan bulanan lebih daripada RM5,000. Laporan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan MyBrain15 telah membuka peluang kepada graduan meningkatkan kesediaan kemajuan kerjaya dan pekerjaan yang lebih baik selari dengan peningkatan kelayakan akademik.
4. Mengambil kira potensi program MyBrain15 dalam menghasilkan intelektual dan pakar bagi menyokong matlamat kesejahteraan pembangunan negara, KPT telah mengambil inisiatif untuk menambah baik program ini dan dijenamakan semula sebagai Program MyBrain 2.0. Program ini akan dilaksanakan mulai tahun 2024.
5. Program ini mensasarkan penerima di kalangan orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap dan pensyarah Institut Pendidikan Tinggi Swasta bagi melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah pada setiap tahun. Pelaksanaan program ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM22.925 juta bagi setiap ambilan.
6. Antara instrumen penting di bawah Program MyBrain 2.0 adalah untuk meningkatkan bilangan pemegang ijazah lanjutan dalam negara daripada kalangan orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap serta pensyarah IPTS bagi memenuhi

keperluan modal insan intelektual. Sehubungan itu, Program MyBrain 2.0 merupakan salah satu platform bagi melahirkan graduan yang mempunyai nilai kebolehsasaran yang tinggi selari dengan keperluan industri sekaligus dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup graduan.

7. Justeru itu, antara cadangan penambahbaikan bagi memantapkan pelaksanaan MyBrain 2.0 adalah mekanisme pemilihan pelajar yang lebih ketat iaitu saringan kelayakan akademik, ujian psikometrik dan temu duga. Langkah ini akan membolehkan pemilihan calon dilakukan secara lebih telus bagi menghasilkan graduan yang lebih berkualiti. KPT akan turut memperkukuh kaedah pemantauan prestasi pelajar dengan lebih menyeluruh bersama pihak Universiti bagi memastikan pelajar bergraduasi dalam tempoh pengajian (*Graduate On Time - GOT*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 17**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah strategi bersepadu dan langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kementerian untuk mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kurikulum universiti di Malaysia demi memastikan kita bersedia dengan kemahiran AI yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan pasaran kerja global dan sekali gus memajukan ekosistem inovasi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM20 juta dalam Belanjawan Tahun 2024 kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, melalui Jabatan Pendidikan Tinggi bagi tujuan penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) pertama di Malaysia bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur.

2. Susulan itu, bagi tujuan mengintegrasikan elemen AI ke dalam kurikulum universiti di Malaysia secara menyeluruh, pembangunan Program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) dengan Kepujian telah dilaksanakan serta diluluskan di peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) pada Januari 2024. Bagi memastikan negara bersedia dengan Kemahiran AI yang diperlukan, UTM akan melaksanakan pengambilan pelajar kohort pertama pada Oktober tahun ini.
3. Penubuhan Fakulti AI ini melibatkan konsortium pakar-pakar bidang AI dari Universiti Awam (UA) dan Swasta, serta dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) agar pembangunan program serta kurikulum AI menepati keperluan industri seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 MOSTI. Malah, Kementerian telah membuat perancangan penubuhan sebuah Konsortium AI sebagai strategi bersepadu dalam memastikan keperluan bakat AI negara dapat dipenuhi seterusnya memacu perkembangan AI di Malaysia.
4. Justeru, Kementerian berharap supaya langkah-langkah yang dilaksanakan ini akan menjadi titik permulaan kepada lebih banyak inisiatif memperkasa keperluan tuntutan pasaran kerja global dalam bidang AI sekaligus memajukan ekosistem inovasi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN AMIR BIN MD GHAZALI**

**TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 20**

**SOALAN**

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam merapatkan jurang antara pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan komuniti bagi melahirkan generasi rabbani yang cakna dan berdaya tahan tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selari dengan hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), beberapa inisiatif program berkonsepkan pembelajaran berasaskan khidmat komuniti diperkenal bagi memberi pengalaman yang progresif untuk menangani keperluan komuniti yang sebenar mengikut terma pelaksanaan di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
2. Pelbagai program pembangunan komuniti ini dilaksanakan melibatkan akademia, industri, agensi dan masyarakat. Program khidmat komuniti ini diperkenal untuk memperkasa kepimpinan mahasiswa sebagai agen nukleus yang berperanan memberdaya komuniti dalam pelbagai bidang tujahan dan kepakaran Universiti.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah memperkenalkan inisiatif *Service Learning Malaysia – University for Society* (SULAM) yang merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pedagogi pembelajaran khidmat bakti. SULAM juga merupakan pendekatan pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat masyarakat untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang pragmatik dan progresif sambil memenuhi keperluan masyarakat.
4. SULAM adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), melalui Lonjakan Pertama di bawah Inisiatif A1 yang menggariskan agar pementapan kurikulum dapat dilaksanakan dengan IPT menerima guna *High-Impact Educational Practices* (HEIPs). HEIPs menggabungkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan penyerapan keusahawanan ke dalam kurikulum seperti *Service/ Community Based Learning* (SL).
5. Aktiviti SULAM dilihat mampu meningkatkan rasa tanggungjawab sosial dan kemahiran kewarganegaraan pelajar seperti toleransi agama dan kaum, disamping membangun kemahiran abad ke-21 antaranya kebolehan bekerjasama dengan baik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, memimpin dan berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat.
6. Selain itu, SULAM juga mampu membantu komuniti membangun dengan limpahan ilmu dan teknologi terkini dari IPT. Pihak komuniti juga berpeluang bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan bagi merancang aktiviti yang berstruktur dan mampan bagi meningkatkan sosioekonomi mereka.
7. IPT yang melaksanakan SULAM pula mampu meningkatkan kualiti graduan dengan memperkasa pembangunan modal insan secara menyeluruh dan bersepadu, selain membuka peluang menyalurkan kepakaran dan teknologi bagi membangunkan masyarakat.

8. Antara inisiatif lain yang diperkenalkan adalah Semarak Siswa MADANI berpaksikan 6 Teras Pembangunan Komuniti seperti khidmat sosial, pengurusan kemanusiaan, pendidikan berkualiti, advokasi kepimpinan, kesihatan dan kesejahteraan serta kelestarian alam sekitar.
9. Selain dapat melahirkan bakat negara bercirikan *Excellence with Soul*, impak yang lebih luas ke arah pemeraksanaan komuniti melalui silang persekitaran (*Outbound - Inbound*), mengurangkan defisit kepercayaan komuniti terhadap agenda nasional serta usaha ke arah sifar kemiskinan dalam komuniti dapat direalisasikan.
10. Selain itu, program komuniti sedemikian didapati berupaya menanamkan semangat kemasyarakatan dan kesukarelawanan dalam kalangan para pelajar IPT. Menerusi program komuniti, para pelajar yang terlibat akan berpeluang meningkatkan kemahiran praktikal dengan menggunakan ilmu dan kemahiran teori yang dipelajari di IPT di komuniti secara langsung. Ia juga secara tidak langsung akan mempertingkatkan daya tahan para pelajar IPT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF**

**TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 31**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menanam enam nilai-nilai teras MADANI kepada pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang lebih banyak terpengaruh dengan dakyah songsang membenci Kerajaan atas sentimen agama yang tidak berasas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat menitikberatkan kepentingan dan keperluan pendedahan konsep MADANI kepada pelajar-pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi memastikan mahasiswa memahami dan menjiwai 6 teras konsep madani.
2. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah melaksanakan pelbagai program untuk memberi pendedahan serta menerapkan konsep MADANI kepada pelajar-pelajar di IPT. Antara program yang telah dilaksanakan adalah program-program berbentuk wacana dan

khidmat komuniti seperti Program Pemukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA), Konvensyen Pemeraksanaan UNDI 18 IPT, Semarak Kampus Madani, Semarak Siswa Madani dan Bakti Madani.

3. Selain itu, terdapat juga program yang dilaksanakan di peringkat Universiti Awam yang mendedahkan konsep MADANI seperti Program Wacana Madani UTeM, Wacana 18: Politik Anak Muda Nusantara USM, dan Wacana Serantau UMPA dalam menghayati nilai rukun negara.
4. Fokus pembangunan pelajar dalam semua program ini adalah sebagaimana enam (6) elemen madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan yang boleh membentuk karakter seseorang mahasiswa.
5. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah menjalinkan kolaborasi bersama Jawatankuasa Hal-Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (JAHEIS) bagi merangka hala tuju, inisiatif dan program yang bersesuaian bagi memberi peluang kepada mahasiswa berdiskusi dan berkongsi pendapat serta pandangan dalam menjayakan 6 teras madani yang diperkenalkan oleh kerajaan. Kementerian juga merangka penglibatan tokoh dan figura tersohor sebagai ahli panel dalam program berbentuk wacana yang akan dijayakan di kampus.
6. JAHEIS berperanan untuk memelihara kesucian, keluhuran Islam dan kebajikan warga Universiti Awam dan Universiti Swasta. JAHEIS juga berperanan untuk menjaga dan memastikan agar aspek kemandirian para mahasiswa berteraskan agama dapat dipantau seterusnya diperkasakan lagi khususnya berkaitan hal-ehwal islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA  
BIN MD RAMLI**

**TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 33**

**SOALAN**

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan terkini pihak Kerajaan dalam usaha mewujudkan institusi pendidikan yang berkonsepkan Wakaf seperti yang dilaksanakan di kebanyakan universiti di negara Timur Tengah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Kementerian pada masa ini tidak berhasrat untuk menubuhkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) khususnya Universiti Awam (UA) baharu melalui peruntukkan Pembangunan Kerajaan (DE) mahupun melalui dana wakaf. Sebaliknya, KPT akan memberi keutamaan dalam membaik pulih bagi mengoptimumkan penggunaan fasiliti sedia ada dalam meningkatkan pengambilan pelajar di UA.

3. Namun demikian, untuk makluman, aktiviti kutipan dana wakaf amat aktif di UA melalui penubuhan Majlis Wakaf, Endowmen dan Zakat (MAWEZ) UA pada 23 Ogos 2023 yang lalu dalam menyokong penjanaaan pendapatan UA menerusi saluran ketiga seperti yang terdapat di dalam *UniTP Purple Book - Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf*.
4. MAWEZ juga merupakan platform untuk UA mengadakan perbincangan dan berkongsi amalan terbaik bagi memperkasakan kutipan dana wakaf UA dalam menjaga kebajikan pelajar.
5. Pada masa yang sama, pihak Kementerian juga terbuka dalam menyantuni sebarang cadangan dari Ahli- Ahli Yang Berhormat dan akan membincangkannya di Mesyuarat Jemaah Menteri bagi diputuskan sama ada penubuhan UA baharu tersebut mempunyai asas pertimbangan yang kukuh serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 39**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi Kementerian untuk memastikan kurikulum universiti lebih selaras dengan keperluan industri dan usaha-usaha yang diambil untuk mengurangkan jurang kemahiran graduan dengan keperluan industri demi meningkatkan kesesuaian graduan untuk pasaran kerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan kurikulum yang ditawarkan di Universiti Awam (UA) adalah selaras dengan keperluan industri, seterusnya dapat melahirkan graduan yang memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara.
2. Di peringkat UA, analisis keperluan (*need assessment*) perlu dilaksanakan melalui Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) yang dibangunkan

oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran. Ini adalah selari dengan ketetapan standard dalam COPPA.

3. Antara langkah yang diambil untuk memastikan program pengajian di UA kekal relevan adalah:
  - i. Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik.
  - ii. Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPTA.
  - iii. Memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif PdP; dan Pentaksiran Holistik.
  - iv. Memperkukuhkan inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i.
4. Bagi kursus-kursus pengajian yang bernaung di bawah badan-badan profesional, penawaran kursus pengajian yang berkaitan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
5. Walau bagaimanapun, Kementerian masih memberi fleksibiliti bagi UA untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.
6. Kementerian juga menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**

**TARIKH : 20 MAC 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 27**

**SOALAN**

**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan kualiti graduan dalam sektor berteknologi tinggi bagi mengelakkan keperluan untuk mengambil graduan asing bekerja di masa hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kualiti graduan dalam semua bidang termasuk sektor berteknologi tinggi yang ditawarkan di Universiti Awam (UA) agar dapat melahirkan graduan yang memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara selaras dengan keperluan pasaran buruh.
2. Dalam konteks ini, UA perlu menjalankan analisis keperluan (*need assessment*) melalui Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) yang dibangunkan

oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran. Ini adalah selari dengan ketetapan standard COPPA.

3. Antara langkah yang diambil untuk memastikan program pengajian di UA kekal relevan adalah:
  - i. Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;
  - ii. Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPTA;
  - iii. Memperkenal Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik, Penyampaian Transformatif PdP dan Pentaksiran Holistik; dan
  - iv. Memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i.
4. Bagi kursus-kursus pengajian yang bernaung di bawah badan profesional, penawaran kursus pengajian yang berkaitan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
5. Walau bagaimanapun, Kementerian tetap memberi fleksibiliti kepada UA untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.
6. Kementerian turut menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

7. Dalam usaha merealisasikan agenda negara ke arah membangunkan bakat mahir yang memenuhi keperluan industri semasa dan graduan yang kalis masa hadapan, KPT juga telah membangunkan Kerangka Pembangunan Program Teknologi Tinggi Bernilai Tinggi (HT-HV).
8. Kerangka ini dibangunkan dengan tujuan utama untuk menghasilkan graduan yang mampu mendepani landskap pekerjaan yang sentiasa berubah dan penuh persaingan terutamanya dalam era Revolusi Perindustrian 4.0. (IR 4.0). Kerangka ini juga diharapkan supaya menjadi penanda aras bagi pembangunan program di masa akan datang ke arah melahirkan graduan berkualiti setanding dengan graduan di negara berasaskan teknologi yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN AMIR BIN MD GHAZALI**

**TARIKH : 20 MAC 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 28**

**SOALAN**

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah mekanisme Kementerian untuk memperkasa kebolehlaksanaan TVET dalam kalangan komuniti bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti telah melaksanakan pelbagai program pembangunan komuniti yang berasaskan TVET melibatkan akademia, industri, agensi dan masyarakat.
2. Program komuniti yang dijalankan adalah berdasarkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) selaras dengan program pemindahan dan perkongsian ilmu atau *Knowledge Sharing and Transfer Programme* (KSTP).

3. Di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui kolej komuniti, penawaran Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada komuniti rentan dinamakan sebagai Program Upaya Bakat 2024. Program ini merupakan salah satu usaha memperkasa kebolehlaksanaan TVET dalam kalangan komuniti bagi meningkatkan tahap sosioekonomi komuniti seterusnya meningkatkan kemahiran sedia ada dan mempelbagai kemahiran baharu selaras dengan keperluan semasa.
4. Menerusi Belanjawan 2024, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini melalui gabungan latihan kemahiran TVET dan keusahawanan dengan penerapan elemen teknologi digital. Kumpulan sasar program ini ialah komuniti rentan seperti wanita, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), orang miskin dan belia.
5. Program Upaya Bakat 2024 ini telah dilaksanakan bermula Februari sehingga Disember 2024 oleh 105 buah kolej komuniti di seluruh Malaysia dengan sasaran penyertaan 5,000 komuniti rentan. Hasrat pelaksanaannya adalah agar kumpulan sasar berupaya menjana pendapatan seterusnya meningkatkan sosioekonomi mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 20 MAC 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 48**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang telah atau akan diperkenalkan oleh Kementerian untuk mengalakkan dan memfasilitikan kerjasama antara universiti-universiti awam sesama sendiri dan bersama swasta di Malaysia agar menggabungkan sumber daya mereka, baik dari segi kemudahan, akademik, penyelidikan dan teknologi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengatur strategi dan usaha-usaha untuk melaksana dan memperkasa program penyelidikan kolaboratif (*collaborative research*) dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.
2. Antaranya, **Program Dana Penyelidikan Padanan Antarabangsa (*Malaysia Partnership and Alliances in Research - MyPAiR*)** yang bertujuan mempertingkatkan kerjasama penyelidikan antara

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan industri serta agensi tempatan/antarabangsa, dalam bidang strategik.

3. MyPAiR diperkenalkan untuk mengukuh keupayaan dan memacu kecemerlangan penyelidikan di Malaysia menerusi perkongsian dan kerjasama strategik. Perkongsian dan kerjasama penyelidikan tidak terhad kepada kepakaran sahaja tetapi turut merangkumi konteks yang lebih luas seperti perkongsian infrastruktur dan peralatan.
4. Skop penyelidikan bagi MyPAiR adalah dalam bidang berkepentingan dan bertepatan dengan agenda negara seperti Tenaga, Perubatan dan Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) dan sebagainya.
5. Selain itu, **Program Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) KPT** sangat berkait rapat dengan ahli akademik yang merupakan golongan penyelidik di IPT baik awam mahupun swasta. Penyelidikan Fundamental ini menjadi tunjang kepada penerokaan idea, konsep atau teori baharu. Skop penyelidikan fundamental merangkumi keseluruhan rantai nilai dari peringkat pra-penyelidikan dan pembangunan (pra-R&D), penyelidikan dan pembangunan (R&D) sehingga peringkat pra-pengkomersialan.
6. Menerusi program ini, kerjasama pelbagai hala antara IPT di Malaysia mahupun negara-negara rakan kerjasama dapat dikukuhkan dalam bidang penyelidikan dan pendidikan tinggi.
7. KPT turut menggalakkan **kerjasama sesama universiti awam dan bersama universiti swasta melalui penubuhan konsortium universiti** di mana universiti-universiti yang mempunyai pengetahuan atau kepakaran dalam bidang yang sama bergabung untuk melaksanakan sesuatu program atau inisiatif.
8. Sebagai contoh, *Consortium Malaysian University* (CMU) yang terdiri daripada 10 buah universiti (terdiri daripada *Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia,*

*Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antrabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Kuala Lumpur*) telah ditubuhkan pada tahun 2023 dan telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)*, *Turkish Aerospace (TUSAS) Malaysia* dan *TUSAS Akademi* untuk bekerjasama terutamanya dalam pembangunan bakat dan penyelidikan bidang aeroangkasa.

9. Selain itu, melalui ***MOHE Research & Industry Infused Incubator (MRI3) Programme***, sebuah Konsortium Elektrik & Elektronik (E&E) Universiti Malaysia yang terdiri daripada 19 universiti awam (kecuali Universiti Malaysia Kelantan) juga telah ditubuhkan pada tahun 2023. Melaluinya, 27 MOU dengan syarikat daripada sektor E&E telah dimeterai untuk membangunkan bakat dengan kemahiran *sharp skill* dan *smart skill* yang bertepatan dengan keperluan industri E&E yang merangkumi bakat bermula daripada ijazah pertama sehingga pasca-siswazah.
10. Pada tahun 2024, ***Industry-MTUN Cybersecurity Consortium*** yang merangkumi 4 universiti daripada *Malaysian Technical University Network (MTUN)* iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Tun Hussein Onn dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah ditubuhkan bagi memberdaya kemahiran dan kemampuan pelajar-pelajar MTUN dalam bidang *cybersecurity* bagi memenuhi hasrat negara dengan untuk membekalkan tenaga kerja dalam bidang ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK BOBBEY BIN SUAN**

**TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 5**

**SOALAN**

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina politeknik atau kolej komuniti baharu di kawasan luar bandar di Sabah bagi memenuhi keperluan belia mengikuti bidang pendidikan TVET sekaligus dapat menyediakan sumber tenaga separa mahir bagi mengisi keperluan industri pembuatan di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik cadangan dan sokongan Ahli Yang Berhormat dalam meningkatkan taraf pendidikan tinggi negara khususnya di luar bandar. Seperti yang telah dinyatakan semasa sesi Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 pada 12 Januari 2024 yang lalu, ekosistem yang kondusif di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sangat terkait rapat dengan konteks keberadaannya di sesebuah lokasi agar ia tidak terpisah dengan alam dan masyarakatnya.

2. Kewujudan sesebuah institusi pendidikan adalah umpama sebuah nukleus yang mampu merubah dan mengangkat tahap pemikiran, sosio-ekonomi serta sosio-budaya masyarakat setempat. Ia juga selari dengan hasrat Kementerian dalam memperkasa prestasi pendidikan tinggi negara seperti yang digariskan dalam melalui Landasan ke-4 iaitu:

*“...sektor pendidikan tinggi bukan hanya untuk meningkatkan kapasiti individu dan membuka peluang untuk mempertingkatkan tahap sosioekonomi keluarga, malah juga sebagai penggerak ekonomi negara melalui inovasi, penyelidikan dan pembangunan kompetensi bakat negara.”*

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 20 buah Universiti Awam, 36 buah Politeknik dan 105 buah Kolej Komuniti yang terdapat di setiap negeri.
4. Di Sabah terdapat tiga (3) politeknik iaitu Politeknik Kota Kinabalu, Politeknik Sandakan Dan Politeknik Tawau, dan bagi kolej komuniti pula, terdapat lapan (8) kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Kota Marudu, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Penampang, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Tambunan dan Kolej Komuniti Tawau.
5. Buat masa ini, Institusi Pendidikan Tinggi TVET di bawah KPT, telah pun meliputi lebih kurang 44% kawasan Parlimen di Sabah, tidak termasuk Institusi TVET daripada Kementerian-Kementerian lain.
6. KPT juga telah memperkenalkan dasar pengajian anjal yang membenarkan pelajar hanya mengikut pengajian secara fizikal pada tahun pertama dan terakhir sahaja, sebagai salah satu cara meningkatkan jumlah akses kemasukan ke beberapa buah IPT, bermula pada tahun ini.

7. Maka, ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai bagi menampung keperluan belia mengikuti bidang pendidikan TVET serta dapat menyediakan sumber tenaga separa mahir bagi mengisi keperluan di Sabah. Ianya juga menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di Sabah.
8. Kementerian juga akan menimbang untuk penambahan politeknik atau kolej komuniti sekiranya terdapat keperluan yang benar-benar mendesak bagi bidang-bidang tertentu dalam menyokong hala tuju negara. Ianya akan diberikan perhatian untuk dimasukkan ke dalam RMK-13 kelak untuk pertimbangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 29**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil untuk tidak mengenakan beban kepada tenaga akademik di universiti yang dituntut mendapatkan sejumlah dana tertentu menurut taraf mereka (Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan) agar perhatian mereka lebih tertumpu pada tugas akademik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum akan kebimbangan YB Senator berhubung beban tugas para pensyarah dalam mendapatkan sejumlah dana tertentu menurut gred jawatan mereka.
2. Pihak KPT pada tahun 2016 telah menerbitkan sebuah buku rujukan iaitu *University Transformation Programme UniTP* (UniTP) Buku Jingga: Memperkukuhkan Laluan Kerjaya Akademik dan Pembangunan Kepemimpinan.

3. Buku ini berperanan sebagai garis panduan kepada Universiti Awam (UA) dalam menentukan laluan kerjaya para pensyarah di universiti masing-masing sebagai langkah menyokong pemberian autonomi kepada UA.
4. Pihak UA boleh mengenalpasti dan mencadangkan kepada para pensyarah untuk memilih empat (4) laluan kerjaya daripada rangka kerja yang dibangunkan berasaskan empat (4) tanggungjawab serta peranan utama akademik iaitu, pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan dan pengurusan/ kepimpinan yang akan menyumbang kepada KPI universiti.
5. Pihak UA juga bertanggungjawab untuk membahagikan tugas untuk mendapatkan dana berdasarkan kepakaran mengikut laluan kerjaya masing-masing. Dalam hal ini, pihak UA telah membangunkan garis panduan kenaikan pangkat berdasarkan kluster yang ditetapkan.
6. Kriteria-kriteria kenaikan pangkat termasuk perolehan geran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah antara syarat utama yang perlu dipenuhi oleh pensyarah sebelum dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PUAN NOORITA BINTI SUAL**

**TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 39**

**SOALAN**

**Senator Puan Noorita Binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini masalah air yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk membantu menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil berat dan komited bagi menyediakan serta menaik taraf infrastruktur melibatkan penyelesaian masalah bekalan air yang dihadapi oleh UMS. Kementerian juga berhasrat membantu menambah kapasiti bekalan dan reservoir air di UMS bagi menampung keperluan penggunaan air dalam kalangan kakitangan dan pelajar di Kampus Induk UMS.
2. Untuk makluman, KPT sedang melaksanakan projek pembinaan tangkiimbangan air UMS yang telah diluluskan di bawah *Rolling*

*Plan* Pertama Tahun 2021, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12).

3. Selain itu, projek pencarian sumber air alternatif melalui pembinaan *tube well* air bawah tanah di UMS juga sedang dalam pelaksanaan melibatkan pembinaan 8 buah *tube well* bersekali dengan sistem penapisan dan perpaipan.
4. KPT juga sedang melaksanakan penggantian paip infra serta pembinaan tangki bekalan air bagi storan air tambahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK BOBBEY BIN SUAN**

**TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 55**

**SOALAN**

**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status semasa projek solusi masalah air di UMS dan apakah jaminan Kementerian agar masalah ini dapat diatasi di semua kampus termasuk di semua asrama Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil berat dan komited bagi menyediakan dan menaik taraf infrastruktur bagi menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh Universiti Maalaysia Sabah (UMS). Dalam konteks ini, KPT berusaha sebaiknya membantu menambah kapasiti bekalan dan reservoir air di UMS bagi menampung keperluan penggunaan air oleh kakitangan dan para pelajar di Kampus Induk UMS.
2. Untuk makluman, KPT sedang melaksanakan projek pembinaan tangkiimbangan air UMS yang telah diluluskan di bawah *Rolling*

*Plan* Pertama Tahun 2021, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12).

3. Selain itu, projek pencarian sumber air alternatif melalui pembinaan *tube well* air bawah tanah di UMS juga sedang dalam pelaksanaan melibatkan pembinaan 8 buah *tube well* bersekali dengan sistem penapisan dan perpaipan. Selain itu, KPT turut dalam proses menggantikan paip infra serta pembinaan tangki bekalan air bagi simpanan air tambahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**

**TARIKH : 26 MAC 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 21**

**SOALAN**

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah tokoh belia yang dilibatkan dalam Lembaga Pengarah Universiti di universiti-universiti awam di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil berat akan tata kelola yang dijalankan di peringkat Universiti Awam (UA) terutamanya dalam perihal pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah atau Gabenor Universiti (LPU/LGU).
2. Pelantikan-pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah atau Gabenor Universiti adalah tertakluk kepada kuasa Menteri Pendidikan Tinggi berdasarkan Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1970 yang memperuntukkan "*Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula*".

3. Dalam hal ini, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta A1602) menetapkan had umur belia pada 30 tahun, akan dikuatkuasakan bermula 1 Jan 2026. Had umur belia yang berkuat kuasa ketika ini adalah 40 tahun.
4. Melalui semakan pihak KPT, berdasarkan kepada pelantikan terkini, sebanyak 4% Ahli LPU atau LGU adalah terdiri daripada golongan belia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

**TARIKH : 26 MAC 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 65**

**SOALAN**

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu pengajian di universiti-universiti tempatan agar setanding dan mampu meletakkan diri dalam 10 universiti terkemuka dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian telah mengenal pasti beberapa strategi dalam meningkatkan mutu serta mengekalkan kedudukan universiti-universiti Malaysia ke kedudukan 10 universiti terkemuka dunia, antaranya melalui:
2. **Pelaburan (dana) penyelidikan yang berterusan** daripada Kerajaan melalui permohonan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) yang mengandungi:
  - i. Dana Penyelidikan Fundamental (DPF),

- ii. Dana Pengukuhan dan Pemerksaan Universiti Penyelidikan (RU),
  - iii. Dana Suntikan Pemerksaan Bidang Nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Malaysia (HICoE), dan
  - iv. Dana Padanan Penyelidikan Antarabangsa (MyPAiR).
3. KPT terus berusaha untuk mengukuhkan kedudukan UA di peringkat antarabangsa dengan **memperbanyak program kerjasama (*partnership*) dan mengadakan kolaborasi dengan institusi atau universiti terkemuka dunia** seperti *Top 100 or Top 50* universiti melalui **skim Dana Padanan Penyelidikan Antarabangsa (MyPAiR)**. Antara program yang terlibat ialah dengan menjalankan kerjasama penyelidikan dengan negara-negara seperti Jepun, United Kingdom, Sepanyol dan Perancis.
  4. KPT juga telah membangunkan **sistem penilaian di peringkat nasional untuk mengukur peningkatan kualiti IPT dari aspek penyelidikan** iaitu ***Malaysia Research Assessment (MyRA)***. Sistem penilaian ini memberikan daya saing di peringkat IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa.
  5. Melalui usaha-usaha ini, diharapkan sebuah universiti tempatan akan tersenarai dalam kedudukan 25 teratas di Asia, 2 universiti dalam senarai 100 teratas di dunia dan 4 universiti dalam senarai 200 teratas di dunia menjelang tahun 2025 seperti mana yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12).
  6. Langkah ini secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara agar setanding dengan universiti tersohor di peringkat dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SNATOR DATO' DR. NELSON A/L  
RENGANATHAN**

**TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 69**

**SOALAN**

**Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan integrasi pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan pengajian akademik di peringkat pengajian tinggi bagi memastikan graduan TVET dapat meneruskan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan akses pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) khususnya dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditingkatkan dari semasa ke semasa. Komitmen ini termasuklah memastikan graduan TVET berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.

2. Secara dasarnya, graduan TVET di peringkat Ijazah Sarjana Muda terbuka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dan Kedoktoran di mana-mana universiti dalam negara asalkan memenuhi syarat kemasukan yang telah ditetapkan.
3. Oleh itu, graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang TVET yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat pasca siswazah bukan sahaja berpeluang menyambung pengajian di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), sebaliknya turut mempunyai pilihan untuk menyambung pengajian di mana-mana universiti lain yang menawarkan program dalam bidang Teknologi atau Kejuruteraan yang berkaitan dengan bidang pengajian yang dipelajari.
4. Untuk makluman, KPT juga sedang menyemak cadangan pembangunan Kerangka TVET Tahap 7 (Ijazah Sarjana) dan Tahap 8 (Ijazah Kedoktoran) dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Pembangunan Kerangka TVET Tahap 7 dan 8 merupakan salah satu inisiatif yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional atau *National Review Committee on Higher Education Policy* (NRC) yang dilaksanakan oleh Kementerian ini pada tahun 2023.
5. Melalui usaha ini, Kementerian akan mempertimbangkan keperluan menyediakan akses pendidikan TVET yang lebih luas agar setanding dengan program akademik di IPT dengan strategi melahirkan bakat TVET yang berkemahiran dalam penyelidikan industri. Ini disebabkan penawaran program TVET di Tahap 7 dan 8 amat diperlukan dalam menyediakan bakat berkemahiran dan berteknologi tinggi bagi menyokong dan memenuhi keperluan industri daripada aspek mereka bentuk dan membangunkan inovasi.
6. Selain itu, KPT telah memperkenalkan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET bagi memperkukuh sistem akreditasi program TVET yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Pelaksanaan ini melibatkan kerjasama antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), iaitu agensi di bawah KPT dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah

Kementerian Sumber Manusia (KSM). Perkara ini telah dipersetujui semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019.

7. Antara fokus utama pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET adalah penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET melalui Prinsip Artikulasi TVET.
  
8. Melalui Prinsip Artikulasi TVET, Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET dapat menambah fleksibiliti laluan pendidikan graduan aliran TVET sehingga ke peringkat Kedoktoran (PhD), memperkukuh laluan pendidikan sepanjang hayat melalui pengiktirafan pengalaman kerja dan seterusnya memperkukuh reputasi laluan TVET agar setanding dengan laluan akademik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' DR. NELSON A/L  
RENGANATHAN**

**TARIKH : 1 APRIL 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 52**

**SOALAN**

**Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini enrolmen pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini serta apakah pelan tindakan Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai pelajar asing mengikuti pengajian tinggi di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga Disember 2023, terdapat seramai **115,203 orang pelajar asing di Malaysia** yang terdiri daripada **48,295 pelajar di Universiti Awam (UA)** dan **66,908 pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)**. Daripada jumlah tersebut, lima (5) buah negara dengan bilangan pelajar asing tertinggi di Malaysia adalah China, Indonesia, Bangladesh, India dan Sri Lanka.
2. Sehingga Disember 2023 juga, terdapat seramai **12,260 orang pelajar asing telah menyertai program mobiliti pelajar ke**

**Malaysia** seperti pertukaran pelajar atau staf, program akademik dan pendidikan, serta lawatan akademik. Lima (5) buah negara dengan jumlah mobiliti pelajar ke Malaysia tertinggi adalah Indonesia, China, India, Jepun, Perancis.

3. Dalam usaha menggalakkan lebih ramai pelajar asing mengikuti pengajian tinggi di negara ini, KPT telah memperkenalkan **Pelan Tindakan *National Higher Education Review Committee (NRC)*** yang merangkumi inisiatif-inisiatif bagi **penambahbaikan pengurusan visa pelajar antarabangsa** iaitu:
  - i. Pelaksanaan pas secara *one-off* mengikut tempoh pengajian pelajar antarabangsa,
  - ii. Mempermudah polisi keluar negara bagi pelajar program Mobiliti jangka panjang dan pelajar antarabangsa yang perlu bertukar kursus atau institusi,
  - iii. Perluasan kebenaran bekerja sambilan kepada pelajar antarabangsa, dan
  - v. Pengenalan pas lawatan sosial bagi graduan untuk tujuan mencari pekerjaan dan meningkatkan tahap pengajian selama setahun.
4. Selain itu, Pelan Tindakan NRC KPT juga telah menggariskan pelaksanaan **inisiatif-inisiatif penggalakan pengantarabangsaan lain** termasuk memudah cara proses audit pembaharuan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa di IPTS, pemanjangan tempoh pemberian kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa di IPTS daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta penambahan metrik pengukuran penarafan SETARA dan MyQuest untuk mencerminkan keupayaan pengurusan pelajar antarabangsa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan.

5. Di samping itu, KPT juga sedang melaksanakan inisiatif **Way Forward for Private Higher Education Institutions (PHEIs)** dengan Pengantarabangsaan sebagai salah satu fokus utamanya melalui *Technical Working Group 4*, Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS sebagai Industri (PEMUDAH IPTS). Inisiatif ini adalah bagi menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa menyambung pendidikan tinggi di IPTS tempatan. Malah, usaha meningkatkan aktiviti promosi di luar negara serta menarik minat pelajar antarabangsa dari pasaran baru juga merupakan sebahagian daripada inisiatif ini.
6. KPT turut mempergiat inisiatif untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan dan pendidikan dengan penambahan bilangan rakan sepadan bagi **Program Edutourism**. Terdapat sebanyak 168 pakej di bawah Program Edutourism yang melibatkan 37 rakan sepadan (20 UA dan 17 IPTS). Bagi tahun 2024, KPT telah menetapkan sasaran sebanyak 50 rakan sepadan dan sehingga tahun 2028, sasaran ditambah sebanyak 65 rakan sepadan.
7. Sementara itu, KPT melalui Pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara dan Education Malaysia Global Services (EMGS) sentiasa menjalankan **pelbagai usaha pemasaran dan promosi pendidikan tinggi berimpak tinggi secara berterusan di peringkat global** termasuklah penglibatan dalam pameran pendidikan tinggi antarabangsa, promosi pendidikan tinggi secara dalam talian dan kerjasama dengan agensi promosi pendidikan tinggi luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 1 APRIL 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 57**

**SOALAN**

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) Apakah isu pengangguran dalam kalangan graduan pengajian tinggi termasuk lepasan PhD; dan
- (b) Usaha Kerajaan bagi menyesuaikan kurikulum pengajian tinggi dengan matlamat melahirkan graduan yang mampu mencipta peluang pekerjaan dan bukan hanya sekadar memenuhi pasaran kerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, data kadar kebolehpasaran graduan mengikut peringkat pengajian tahun 2020 hingga 2022 menerusi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) adalah:

- (i) peringkat **PhD**, meningkat kepada 94.7% pada tahun 2022 berbanding 91.2% pada tahun 2021 dan 89.8% pada tahun 2020,
  - (ii) peringkat **Sarjana**, meningkat kepada 95.4% pada tahun 2022 berbanding 92.9% pada tahun 2021 dan 90.5% pada tahun 2020,
  - (iii) peringkat **Ijazah Pertama**, meningkat kepada 89.8% pada tahun 2022 berbanding 84.5% pada tahun 2021 dan 82.1% pada tahun 2020,
  - (iv) peringkat **Diploma Pascasiswazah**, meningkat kepada 92.4% pada tahun 2022 berbanding 89.1% pada tahun 2021 dan 91.5% pada tahun 2020,
  - (v) peringkat **Diploma Lanjutan**, meningkat kepada 93.2% pada tahun 2022 berbanding 85% pada tahun 2021 dan 87.7% pada tahun 2020, dan
  - (vi) peringkat **Diploma**, meningkat kepada 89.2% pada tahun 2022 berbanding 85.4% pada tahun 2021 dan 85.6% pada tahun 2020, dan
2. Berdasarkan data tersebut, peratus kebolehpasaran graduan berada dalam trend meningkat bagi semua peringkat pengajian. Namun begitu, masih terdapat beberapa isu asas bagi kebolehpasaran graduan yang menjadi cabaran telah dikenal pasti dan dinyatakan di dalam Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 - 2025. Antaranya adalah seperti berikut:

**a. Ketidaksediaan ekosistem serta pasaran buruh negara**

Kebolehpasaran graduan amat bergantung pada kehadiran ekosistem kondusif yang dijanakan oleh peranan, sokongan dan kesediaan pemegang taruh berteraskan model hubungan *Triple/ Quadruple Helix*. Setiap pemegang taruh perlu

memainkan peranan masing-masing dan perlu menyokong satu sama lain dalam merealisasikan agenda pembangunan mapan negara. Kerjasama dan kolaborasi akademia-industri termasuk penyelidikan, pembangunan dan inovasi masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Antara lain, penciptaan pekerjaan berkemahiran sederhana dan tinggi juga adalah rendah berbanding dengan pengeluaran graduan setiap tahun.

**b. Ketidaksediaan graduan**

Peralihan daripada alam pembelajaran di IPT kepada alam pekerjaan memerlukan graduan bersedia dari segi mental, fizikal, emosi dan juga keterampilan. Selain daripada kemahiran asas dan akademik, graduan sebagai bakal pekerja perlu mempunyai kemahiran insaniah dan juga teknikal.

**c. Dinamika Ekonomi Global.**

Sektor teknologi merupakan segmen terbesar dalam pasaran dalam tempoh sedekad ini. Kewujudan syarikat gergasi teknologi telah mendominasi ekonomi dunia seterusnya mempengaruhi kehendak dan corak pasaran tenaga kerja sama ada di peringkat nasional atau global. Oleh yang demikian, perubahan trend pekerjaan di Malaysia juga adalah sejajar dengan trend global dan ke arah digitalisasi teknologi tinggi (*World Economic Forum, 2020*). Laporan yang sama turut menjangkakan terdapat peningkatan pekerjaan sebanyak 33% yang melibatkan bidang teknikal dan kompleks.

3. Oleh yang demikian, bagi menangani isu dan cabaran tersebut KPT telah melaksanakan inisiatif secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi talents and skills*) dapat diberikan kepada mereka. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
  - a) Pelaksanaan semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berkala dalam tempoh tiga (3) sehingga lima (5) tahun bagi

memastikan kurikulum yang ditawarkan memenuhi keperluan industri dan sejajar dengan kemajuan teknologi IR4.0 supaya pelajar yang mengambil bidang berkenaan mempunyai daya saing serta kebolehpasaran yang tinggi sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian;

- b) Pengukuhan sinergi kerjasama bersama industri dalam usaha untuk memperkasakan graduan melalui pelaksanaan program-program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, *Industry on Campus* (IOC), *Industry Education Centre*, 2u2i, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri. Program-program ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa;
  - c) Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan IPT dengan kerjasama PERKESO menerusi portal MyFutureJobs juga diteruskan bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka; dan
  - d) Membangunkan Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau GREaT yang boleh dicapai di laman web Kementerian, satu modul *JobMatching@GREaT* telah dibangunkan bagi melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini.
4. KPT juga telah mengambil langkah-langkah bagi menerapkan elemen keusahawanan dalam pendidikan melalui Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE). EIE ini berfungsi sebagai rujukan dan garis panduan bagi semua IPT di Malaysia untuk memacu program dan aktiviti keusahawanan selaras dengan aspirasi KPT untuk melahirkan graduan yang holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang.
5. EIE dapat menerapkan ilmu keusahawanan yang sempurna dalam kurikulum pendidikan di IPT melalui proses pembudayaan

keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan menumpukan perubahan dalam kurikulum yang akan memperkuat pelajar dari sudut keilmuan, kemahiran, pemikiran, tingkah laku dan berani untuk melibatkan diri dalam penjanaaan perniagaan baharu dan aktiviti-aktiviti keusahawanan lain. Di samping itu, semua pelajar di Universiti Awam juga perlu mengambil Kursus Asas Keusahawanan yang akan turut membina budaya keusahawanan dalam diri graduan.

6. Melalui EIE dan Kursus Asas Keusahawanan adalah dijangkakan IPT dapat menjalankan pendidikan keusahawanan komprehensif dan bersepadu serta melahirkan siswazah yang dinamik dan cekal dalam menjalankan perniagaan semasa mereka berada dalam kampus atau selepas tamat pengajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L DATO'  
SERI R. ARUNASALAM**

**TARIKH : 1 APRIL 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 70**

**SOALAN**

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah bilangan tawaran Ijazah Sarjana Muda dan Diploma di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah dibuka pada tahun 2023 mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar serta berapakah pelajar yang telah menerima tawaran tersebut mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian ini berperanan **menyelaras** kemasukan pelajar **Lepasan SPM dan STPM/Setaraf** ke program sijil, asasi, diploma dan sarjana muda di Institusi Pendidikan Tinggi awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Ia dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum 10% **tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.**

2. Melalui UPUOnline®, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi **namun kejayaan** calon mendapat tempat di Universiti Awam (UA) bukanlah mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar tetapi melihat kepada **pencapaian akademik, kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, bilangan tempat yang disediakan serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.**
3. Bagi memastikan setiap pemohon yang layak mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mendapat tempat pengajian, UPUOnline® membenarkan calon membuat sehingga **maksimum 12 pilihan** program pengajian berdasarkan kelayakan mereka. **Penawaran pula akan diberikan berdasarkan kepada pilihan yang dibuat oleh calon sahaja.**
4. Tiga (3) negeri dengan penawaran tertinggi (tawaran perdana dan rayuan) secara keseluruhan kepada **pelajar lepasan SPM** bagi program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma di IPTA pada sesi akademik 2023/ 2024 adalah negeri Selangor dengan 32,047 tawaran, diikuti Johor sebanyak 18,628 tawaran, dan Sabah sebanyak 11,392 tawaran.
5. Tiga (3) negeri dengan penawaran tertinggi (tawaran perdana dan rayuan) secara keseluruhan kepada **pelajar lepasan STPM** bagi program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma di IPTA pada sesi akademik 2023/ 2024 adalah negeri Selangor dengan 13,862 tawaran, diikuti Sabah sebanyak 7,810 tawaran, dan Kelantan sebanyak 7,088 tawaran dikeluarkan.
6. Secara kesimpulannya, Kementerian sentiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi, konsisten mempergiat dan menyebarkan akses ke pendidikan tinggi termasuk bantuan kepada pelajar yang menerima tawaran ke IPT.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATIN ROS SURYATI BINTI  
ALANG**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 12**

**SOALAN**

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme khusus yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan sebagai jaminan kualiti pendidikan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta adalah setanding dengan Eropah dan United Kingdom.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk memastikan program yang ditawarkan adalah berkualiti dan sentiasa menepati kehendak semasa, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) dan dokumen jaminan kualiti sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk membangunkan program yang memenuhi aspek kualiti yang ditetapkan.

2. Pembangunan setiap dokumen jaminan kualiti ini mengambil kira penglibatan dan input pakar akademia, profesional serta pengamal industri.
3. Selain itu, ia turut ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa bagi memastikan setiap dokumen jaminan kualiti MQA yang menjadi panduan kepada IPT dan kurikulum yang dibangunkan adalah seiring dengan perkembangan semasa serta menepati kehendak industri.
4. Antara dokumen jaminan kualiti yang terlibat adalah:
  - i. **Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*)** yang merupakan rujukan standard dalam penilaian akreditasi. Antara standard yang ditetapkan di dalam COPPA ialah keperluan IPT untuk menjalankan analisis keperluan (*need assessment*) dan kajian pasaran sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran.
  - ii. **Kod Amalan Akreditasi Program TVET (*Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA*)** bagi memastikan penawaran program TVET yang berkualiti berasaskan kepada standard dan amalan industri.
  - iii. **Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice For Programme Accreditation: Open and Distance Learning, COPPA-ODL*)** sebagai panduan dalam melaksanakan pengendalian program secara dalam talian.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Proses jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh MQA juga meliputi penilaian peringkat akreditasi sementara, akreditasi penuh dan audit pematuhan ke atas program atau kelayakan yang ditawarkan.

6. Setiap program pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh IPT perlu melalui proses penilaian akreditasi sementara oleh MQA sebelum diluluskan oleh Kementerian untuk penawaran.
7. IPT kemudiannya bertanggungjawab mengemukakan permohonan akreditasi penuh kepada MQA setelah pelajar kohort pertama berada di tahun akhir pengajian.
8. Program yang telah lulus akreditasi penuh ini akan disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) untuk rujukan pihak berkepentingan.
9. Bagi memastikan kualiti program yang telah diakredit sentiasa dipelihara dan ditambah baik, MQA akan melaksanakan semakan kualiti terhadap program di IPT secara berkala antara tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi memastikan program yang ditawarkan dikemaskini berdasarkan kepada perkembangan dan kebolehpasaran semasa.
10. MQA dan KPT secara berterusan berusaha memastikan jaminan kualiti pendidikan tinggi di IPT Awam mahupun Swasta adalah setanding dengan luar negara dan seterusnya menjadikan Malaysia antara hab Pendidikan tinggi terbaik global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 15**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah bagi mengaktifkan semula kursi- kursi Pengajian Melayu yang pernah ditubuhkan seperti di Leiden, Wellington, Beijing, Korea dan kemungkinan menubuhkan Kursi Pengajian Melayu yang baharu di tempat lain yang sesuai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Matlamat penubuhan Kursi Akademik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Luar Negara adalah untuk menyebarkan luas Pengajian Melayu termasuk sejarah, kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik di Malaysia dan telah bermula sejak tahun 1980 di Amerika Syarikat.
2. Seterusnya penubuhan Kursi ini diteruskan di Belanda (1989), New Zealand (1996), Korea Selatan (2005) dan China (2007). Penubuhan Kursi ini juga berperanan sebagai satu platform

kepada profesor-profesor tempatan untuk menempa nama di negara luar.

3. Ketidakaktifan Kursi-Kursi tersebut sejak tahun 2018 adalah disebabkan oleh faktor kewangan yang tidak mampan pada ketika itu.
4. Namun demikian, bermula tahun 2022, KPT telah mengambil inisiatif untuk mengaktifkan semula Kursi-Kursi tersebut. Usaha ini dijalankan melalui satu Kajian Hala Tuju Baharu Pelaksanaan Kursi Akademik Luar Negara bagi menyemak dan menilai semula tahap relevan Kursi Akademik Luar Negara. Melalui kajian tersebut, Model Baharu Kursi Akademik Luar Negara telah berjaya diperkenalkan.
5. Justeru, melalui kaedah pelaksanaan terbaharu, KPT telah melantik Universiti Awam (UA) sebagai rakan strategik KPT bagi Kursi-Kursi tersebut iaitu:
  - (i) **Universiti Teknologi Mara (UiTM)** bagi Kursi Tun Abdul Razak di Ohio University, Amerika Syarikat (1980),
  - (ii) **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** bagi Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di Leiden University, The Netherlands (1989),
  - (iii) **Universiti Malaya (UM)** bagi Kursi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington, New Zealand (1996),
  - (iv) **Universiti Sains Malaysia (USM)** bagi Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University, Republik Rakyat China (2007), dan
  - (v) Untuk Kursi Pengajian Melayu di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea Selatan (2005), hala tuju Kursi masih dalam perbincangan.

6. Susulan daripada pelantikan tersebut, Memorandum Persefahaman (MoU) antara rakan strategik dan universiti hos di luar negara telah dimeterai secara khususnya bagi:
  - (i) MoU Kursi Pengajian Melayu antara USM dan Beijing Foreign Studies University, Republik Rakyat China pada **9 Ogos 2023**,
  - (ii) MoU Kursi Pengajian Malaysia antara UM dan Victoria University of Wellington, New Zealand pada **14 Disember 2023**,
  - (iii) MoU Kursi Tun Abdul Razak antara UiTM dan Ohio University, Amerika Syarikat pada **24 Januari 2024**, dan
  - (iv) Pemetraian MoU bagi Kursi Eropah melibatkan Pengajian Melayu di Leiden University, The Netherlands, dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini.
7. Bermula tahun 2024 juga, KPT akan memulakan proses pemilihan dan pelantikan penyandang bagi pengisian Kursi-Kursi tersebut melalui Jawatankuasa yang telah ditubuhkan.
8. Mengenai kemungkinan menubuhkan Kursi Pengajian Melayu yang baharu, KPT berpandangan peluang ini boleh diterokai dari semasa ke semasa bersama pihak Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan memandangkan mereka turut mempunyai Kursi Pengajian Melayu sendiri.
9. Malah, kajian Hala Tuju Baharu Pelaksanaan Kursi Akademik Luar Negara pada tahun 2022 turut mencadangkan beberapa lokasi baharu untuk diterokai seperti:
  - (i) Mohammed V University, Rabat, Morocco,
  - (ii) Australian National University, Australia,
  - (iii) University of Auckland, dan University of Otago, New Zealand, dan

(iv) Goethe University, Frankfurt, Jerman.

Sekian, terima kasih.

**MBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK RAZALI BIN IDRIS**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 37**

**SOALAN**

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani isu kekurangan dan kesukaran menyediakan penginapan mahasiswa di semua IPTA yang menjejaskan keselamatan dan kebajikan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM) sedang dalam tindakan membangunkan **Dasar Penginapan Mahasiswa di Universiti Awam (UA)** untuk diguna pakai dalam penetapan dasar dan polisi serta rujukan pihak-pihak yang berkepentingan bagi penyediaan serta pengurusan kolej kediaman di UA.
2. Selain itu, antara inisiatif lain menangani isu kekurangan penginapan mahasiswa di dalam kampus Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) adalah seperti **pembukaan dorm tambahan di**

**kolej kediaman dalam kampus serta penambahan kapasiti pelajar di dalam setiap unit bilik di kolej kediaman.**

3. Kementerian juga telah melancarkan inisiatif **Rumah Siswa** pada tahun 2021 yang turut merangkumi elemen penubuhan Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus (UPLK), pembangunan Garis Panduan Pengurusan Pelajar Luar Kampus di semua UA dan Portal Rumah Sewa Siswa (RSS).
4. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah menyarankan agar pihak UA menerusi UPLK terus menyantuni pelajar yang berkeperluan di luar kampus agar sebarang cabaran terutama berkenaan dengan kos sara hidup yang dihadapi mereka dapat diringankan. Pelajar dinasihatkan untuk berhubung dengan pihak UPLK di UA masing-masing bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dalam mendepani cabaran ini.
5. Dalam konteks **peruntukan pembangunan (DE)**, sebanyak 371 program atau projek baharu dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM4.127 billion telah diluluskan kepada KPT melibatkan 165 buah projek Baharu, 169 projek sambungan dan 36 projek *Public Private Partneship* (PPP) di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMKe-12). Daripada jumlah tersebut, **terdapat tiga (3) buah projek sambungan dalam pelaksanaan di bawah peruntukan pembangunan tahun 2024 telah diperuntukkan bagi tujuan pembinaan kolej kediaman pelajar.**
6. Malah, Kementerian juga telah mendapat **kelulusan peruntukan di bawah RP4 RMKe-12 bagi projek melibatkan kerja-kerja baik pulih atau naik taraf berkaitan kolej kediaman atau asrama di IPTA termasuk peruntukan khusus di bawah *One Line Item* berjumlah RM300 juta di bawah belanjawan tahun 2024** bagi melaksanakan projek naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti IPTA.

7. KPT sememangnya akan terus komited dalam perkara ini agar pelajar luar kampus sentiasa mendapat kediaman yang selamat, mampu milik dan kondusif selari dengan aspirasi menjamin kesejahteraan pelajar di IPT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' DR. NELSON A/L  
RENGANATHAN**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 48**

**SOALAN**

**Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi para pelajar yang mengikuti bidang perubatan (kedokteran) di pusat pengajian swasta yang dimiliki oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana pada masa ini, pinjaman hanya sekadar yuran IPTA sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pinjaman PTPTN ditawarkan kepada pelajar-pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang ditakrifkan di bawah Akta PTPTN (Akta 566) sebagaimana berikut:
  - (a) sesuatu institusi pengajian yang menyediakan pendidikan yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau yang setaraf dengan diploma atau ijazah yang ditubuhkan di bawah

- i. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30],
    - ii. Akta Institut Teknologi MARA 1976 [Akta 173], dan
    - iii. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].
  - (b) Politeknik yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], dan
  - (c) mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 dan yang ditentukan oleh Menteri sebagai suatu Institusi Pendidikan Tinggi bagi maksud Akta 566.
2. Daripada segi jumlah pinjaman pula, penentuan adalah berdasarkan jenis IPT, sama ada IPTA atau IPTS, serta peringkat pengajian yang diikuti oleh peminjam.
  3. Berbalik kepada pertanyaan mengenai kadar atau jumlah pinjaman bagi para pelajar yang mengikuti bidang perubatan (kedokteran) di pusat pengajian swasta yang dimiliki oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), jumlah pinjaman yang diberikan adalah tertakluk kepada jenis IPT (pengendali program) yang berdaftar dengan PTPTN. Dalam hal ini, dia merujuk kepada IPTA di mana kadar atau jumlah pembiayaan yang boleh diluluskan adalah pada kadar IPTA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 51**

**SOALAN**

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar asing di IPTA dan IPTS di seluruh negara serta apakah langkah-langkah yang perlu dijangka semula agar Malaysia menjadi tumpuan dan pilihan utama bagi pelajar antarabangsa bersesuaian dengan kos sara hidup dan struktur akreditasi MQA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga Disember 2023, terdapat seramai 115,203 orang pelajar asing di Malaysia yang terdiri daripada 48,295 pelajar di Universiti Awam (UA) dan 66,908 pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Daripada jumlah tersebut, lima (5) buah negara telah dikenal pasti mempunyai bilangan pelajar asing paling ramai ke Malaysia iaitu China, Indonesia, Bangladesh, India dan Sri Lanka.
2. Sehingga Disember 2023 juga, terdapat seramai 12,260 orang pelajar asing telah menyertai program mobiliti pelajar ke Malaysia seperti pertukaran pelajar atau staf, program akademik dan

pendidikan, serta lawatan akademik. Lima (5) buah negara dengan jumlah mobiliti pelajar ke Malaysia yang tertinggi adalah Indonesia, China, India, Jepun, Perancis.

3. Bagi menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang dalam tindakan membangunkan Garis Panduan Permohonan Pengambilan dan Pengurusan Pelajar Antarabangsa yang Mengikuti Pengajian Secara *Open and Distance Learning* (ODL) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia. Perkara ini dilaksanakan melalui *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dengan penglibatan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
4. Kebolehsesuaian program pengajian ODL yang fleksibel untuk pelajar antarabangsa belajar tanpa mewajibkan kehadiran fizikal mereka di negara ini pastinya menjadi daya tarikan bagi pelajar antarabangsa untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pendidikan mereka sekaligus meningkatkan potensi negara sebagai hab pendidikan global.
5. Penawaran program pengajian ODL serta penambahbaikan tatacara pengambilan dan pengurusan pelajar antarabangsa yang mengikuti program pengajian ODL di IPT Malaysia adalah usaha KPT bagi menarik minat pelajar antarabangsa menyambung pengajian di IPT tempatan dengan jaminan kualiti pendidikan tinggi menerusi kos sara hidup minimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI  
BIN CHE SALLEH**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 55**

**SOALAN**

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan ketersediaan Hospital Universiti Sains Malaysia dari aspek tenaga buruh, kepakaran dan fasiliti hospital dalam merawat pesakit kanser ekoran pengumuman Menteri untuk memendekkan tempoh menunggu bagi pesakit kanser.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rawatan bagi penyakit kanser adalah salah satu kepakaran yang terdapat di Hospital USM Kubang Kerian, Kelantan dan juga di Pusat Perubatan USM (PPUSM) di Bertam, Pulau Pinang.
2. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Hospital USM Kubang Kerian khususnya bagi rawatan Radioterapi, bukan sahaja melibatkan pesakit dari negeri Kelantan malahan pesakit yang dirujuk dari hospital negeri Terengganu.

3. Ini disebabkan Hospital USM adalah satu-satunya hospital awam di negeri Kelantan dan Terengganu yang memiliki mesin radioterapi untuk merawat pesakit kanser.
4. Dalam aspek ketersediaan fasiliti, Hospital USM mendapat kelulusan peruntukan untuk perolehan Klinik Bergerak khusus bagi tujuan saringan awal kanser bernilai RM2 juta dalam tahun 2023.
5. Dalam aspek tenaga pakar, terdapat dua (2) orang Pakar Perubatan Nuklear yang sedang berkhidmat di Hospital USM. Manakala tiga (3) orang Pakar Onkologi sedang berkhidmat di PPUSM Bertam turut dipanggil ke Hospital USM secara berkala mengikut jadual.
6. Kementerian ini menerusi Hospital USM sentiasa bersedia untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencapai objektif memendekkan tempoh menunggu bagi pesakit kanser. Walau bagaimanapun, KPT berpandangan bahawa fasiliti dan kepakaran yang dimiliki oleh Hospital USM perlu dipertingkatkan terlebih dahulu agar selari dengan objektif yang ingin dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 60**

**SOALAN**

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Teknologi mengikut perincian IPTA atau IPTS di seluruh negara dan apakah fokus terhadap kebolehpasaran bakal graduan kursus-kursus kritikal ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah program **Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Teknologi** bagi keseluruhan **Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** adalah sebanyak **1,035 program**.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 882 program melibatkan pengajian peringkat Sarjana Muda atau Ijazah Pertama di Universiti Awam, 92 program pengajian peringkat Diploma di Universiti Awam dan 61 program diploma di Politeknik dan Kolej Komuniti.
3. Berdasarkan Sistem e-IPTS pula, jumlah program **Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Teknologi** di

**Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** adalah sebanyak **2,052 program**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 966 program melibatkan pengajian peringkat Sarjana Muda dan 1,086 program Diploma di IPTS.

4. Untuk makluman Yang Dipertua dan Ahli Dewan, kadar kebolehpasaran graduan bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi terus mencatatkan peratus yang semakin meningkat sepanjang tahun 2020 hingga 2022 iaitu 85.7% pada tahun 2020, 87% pada tahun 2021 dan 91.5% pada tahun 2022.
5. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam melahirkan generasi graduan yang berdaya saing. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan bermatlamat untuk menyokong dan memastikan graduan IPT memenuhi kriteria kebolehpasaran selaras dengan keperluan industri semasa.
6. Dalam memenuhi kehendak industri semasa, aspek kebolehpasaran seperti kemahiran *soft skills*; pemikiran kritikal dan analitikal; kemahiran penyelesaian masalah; dan komunikasi berkesan menjadi elemen penting kepada graduan sebagai persediaan bagi transisi ke pasaran pekerjaan.
7. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah:
  - a) **Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)**. Program ini dirangka bagi memberikan nilai tambah daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri, dan sahsiah untuk membantu graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran (kadar kebolehpasaran 50% ke bawah).
  - b) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan

Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Perneriksaan Hubungan Industri.

- c) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO** dalam memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Portal *MYFutureJobs* atau Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh IPT dan PERKESO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK LIM PAY HEN**

**TARIKH : 2 APRIL 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 68**

**SOALAN**

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan menambah bilangan universiti teknikal bagi membuka peluang yang lebih besar kepada graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), memandangkan pada masa kini terdapat empat Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia yang menerima pelajar Diploma Vokasional untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu UTHM, UniMAP, UTeM dan UMP.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberi ruang dan peluang kepada graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).
2. Berdasarkan maklumat penawaran bagi lepasan DVM ke MTUN bagi sesi akademik 2022/2023 yang lalu, sebanyak 494 tawaran dikeluarkan, manakala bagi sesi akademik 2023/2024, sebanyak 811 tawaran dikeluarkan.

3. Berdasarkan **rekod kemasukan dan penawaran kepada pelajar Lepas DVM bagi Sesi Akademik 2023/2024 mengikut kemasukan ke setiap MTUN:**
  - i. penawaran ke **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)** adalah sebanyak **185** tawaran berbanding **40** permohonan layak,
  - ii. penawaran ke **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)** adalah sebanyak **171** tawaran berbanding **85** permohonan layak,
  - iii. penawaran ke **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** adalah sebanyak **212** tawaran berbanding **138** permohonan layak, dan
  - iv. Penawaran ke **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** pula adalah sebanyak **243** tawaran berbanding **357** permohonan layak bagi sesi akademik 2023/2024.
4. Melihat kepada jumlah penawaran ini, KPT yakin dengan kemampuan empat (4) MTUN sedia ada iaitu UMP, UTHM, UniMAP dan UTeM untuk menampung jumlah pelajar ini dan tiada keperluan untuk menambah bilangan universiti teknikal buat masa sekarang.
5. Komitmen KPT pada masa ini adalah amat jelas dengan memberi tumpuan penuh kepada penambahbaikan peranan IPTA yang terdiri daripada 20 buah Universiti Awam (UA), 36 buah Politeknik dan 105 buah Kolej Komuniti (KK) serta memberi akses pendidikan tinggi yang terbaik kepada para pelajar.
6. KPT akan turut memberi **keutamaan dalam membaik pulih bagi mengoptimumkan penggunaan fasiliti sedia ada dalam meningkatkan pengambilan pelajar di UA serta memberi tumpuan kepada bidang-bidang kepakaran baharu bagi memenuhi keperluan industri seperti Kecergasan Buatan (AI), *Data Analytic* dan TVET dalam memenuhi tren kebolehpasaran graduan (GE).**

7. Pada masa yang sama, pihak Kementerian juga terbuka dalam menyantuni sebarang cadangan dari Ahli- Ahli Yang Berhormat dan akan membincangkannya di Mesyuarat Jemaah Menteri bagi diputuskan sama ada penubuhan UA baharu tersebut mempunyai asas pertimbangan yang kukuh serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD**

**TARIKH : 3 APRIL 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 5**

**SOALAN**

**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan yang akan diambil dalam menghadapi cabaran teknologi termasuk *Artificial Intelligence* (AI) yang dilihat semakin meluas supaya ia dapat memberi manfaat yang positif kepada masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2023, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melantik Akademi Sains Malaysia (ASM) untuk menyediakan satu kertas posisi bertajuk *A New Horizon for Science, Technology and Innovation – A Strategy to Enhance Higher Education in Malaysia*. Tujuan pembangunan dokumen tersebut adalah bagi menilai secara khusus dan mendalam berkenaan kesan dan strategi dalam menguruskan pelbagai gangguan teknologi (*technological disruptions*) yang sedang dan akan dihadapi melibatkan pengajaran, pembelajaran dan tatakelola Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

2. Dalam usaha merangka analisis dan strategi bagi kajian ini, sebanyak 66 sesi libat urus yang melibatkan 1,500 orang pemegang taruh telah dilaksanakan. Selain itu, penandaarasan ke atas 6 buah negara, iaitu Amerika Syarikat, Korea Selatan, Switzerland, Denmark, Jepun dan New Zealand merentasi 3 kluster, iaitu tadbir urus, penyelidikan dan akademik juga telah dilaksanakan.
3. Hasil dapatan kajian tersebut mencadangkan beberapa strategi yang boleh diadaptasi oleh Kerajaan bagi menguruskan pelbagai *technological disruptions* dalam ekosistem pendidikan tinggi, antaranya:
  - i. Pembangunan Dasar yang melibatkan Perkongsian Sumber dan Infrastruktur,
  - ii. Pembangunan Dasar yang melibatkan Teknologi Pendidikan Terbuka,
  - iii. Peningkatan Ekosistem TVET,
  - iv. Memperkembang Dasar Kebangsaan ke atas Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE), dan
  - v. Mengadaptasi Pendekatan Kolaboratif Seluruh Malaysia (*all-of-Malaysia-approach*).
4. Sebagai langkah mendepani cabaran teknologi baharu ini, kerajaan telah memperkenalkan *National Artificial Intelligence (AI) Roadmap 2021-2025* bagi membangunkan ekosistem inovasi kepintaran buatan bagi pembangunan AI yang memanfaatkan kolaborasi *quadruple helix* berpandukan prinsip AI yang bertanggungjawab. Dokumen ini menyasarkan penghasilan 200,000 bakat masa depan dalam bidang AI.
5. Untuk makluman Ahli Dewan ini, di peringkat global, Malaysia berada di tangga ke-23 daripada 193 negara dalam Laporan *Government AI Readiness Index 2023* yang diterbitkan oleh *Oxford Insights*. Laporan tersebut menilai 39 indikator merentasi 10 dimensi yang dikategorikan dalam tiga (3) aspek bagi setiap

negara, iaitu inisiatif Kerajaan, kesediaan teknologi dan data & infrastruktur. Pencapaian Malaysia adalah:

<b>Aspek</b>	<b>Markah</b>
Inisiatif Kerajaan	79.99
Kesediaan Teknologi	54.13
Data & Infrastruktur	72.00
<b>Jumlah</b>	<b>68.71</b>

6. Ini agak membanggakan kita. Kita berada di tangga ke-23 daripada 193 negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR**

**TARIKH : 3 APRIL 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 46**

**SOALAN**

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah lantikan terkini profesor adjung di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang terdiri dalam kalangan profesional syarikat tempatan beserta tanggungan kewangan bulanan universiti bagi pembayaran emolumen serta apakah jaminan setiap pelantikan itu relevan terhadap pembangunan akademik dan intelektual sesebuah fakulti di universiti antarabangsa tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelantikan profesor adjung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah dari kalangan tokoh-tokoh terkemuka dari industri dan organisasi bukan akademik yang berpengalaman luas untuk memberikan syarahan kepakaran dan seminar kepada staf dan pelajar serta berperanan sebagai penghubung dengan industri. Seseorang yang dilantik sebagai profesor adjung juga diminta memberi nasihat dan bimbingan berguna kepada

fakulti/pusat/institut dengan tujuan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman untuk manfaat dan faedah Universiti.

2. **Jumlah lantikan terkini profesor adjung di UIAM adalah seramai 9 orang.** Secara umumnya, profesor adjung dilantik secara *pro bono*. Sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap khidmat mereka, fakulti/universiti boleh memutuskan untuk pembayaran dalam bentuk honorarium pada kadar RM1000 sebulan tertakluk kepada ketersediaan bajet.
3. Pelantikan professor adjung di UIAM sangat relevan dalam pembangunan akademik dan intelektual khususnya melalui perkongsian pengalaman professional serta industri yang dapat dimanfaatkan secara langsung antara lainya dalam:
  - i. Memperkayakan pembelajaran dan pengajaran bagi mempersiapkan pelajar-pelajar bagi memenuhi keperluan industri.
  - ii. Memperluaskan serta memperkukuhkan jalinan industri bagi membuka peluang kerjasama penyelidikan antara universiti dan industri.
  - iii. Mempertingkatkan kolaborasi serta program kerja-sama melalui penempatan industri untuk pelajar dan staf bagi memberi pendedahan kepada pengalaman industri dan pembangunan profesional.
  - iv. Memperkukuhkan hubungan dengan komuniti tempatan dan industri sekaligus dapat menaikkan imej universiti serta membantu negara ke arah kecemerlangan global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ**

**TARIKH : 3 APRIL 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 54**

**SOALAN**

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan pemerkasaan perkhidmatan perubatan di Hospital USM Kubang Kerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital USM telah memulakan operasinya sejak tahun 1983. Ini bermaksud menjelang tahun 2024, Hospital USM sudahpun melewati usia 41 tahun.
2. Dalam aspek fizikal, Hospital USM telah menerima kelulusan projek di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) *Rolling Plan* 4 tahun 2019 untuk Menaiktaraf, Membaikpulih dan Mengubahsuai Infrastruktur dan Kemudahan Hospital dengan kos keseluruhan berjumlah RM18.5 juta.
3. Projek ini telah bermula pada 3 Disember 2020 dan dijangka siap dalam bulan Oktober 2024.

4. Dari aspek pemeraksanaan perkhidmatan pula, Hospital USM telah mendapat kelulusan peruntukan untuk melaksanakan program jangkauan perubatan kepada komuniti sekitar (*medical outreach*) berjumlah RM5.58 juta bagi tahun 2021 dan 2022.
5. Manakala pada tahun 2023, Hospital USM telah menerima kelulusan peruntukan untuk perolehan Klinik Bergerak khusus untuk saringan awal kanser bernilai RM2 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI HAJAH ZURAINAH  
BINTI MUSA**

**TARIKH : 4 APRIL 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 11**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk membenarkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mempunyai dokumentasi maklumat lengkap menuntut pengajian di peringkat universiti termasuk golongan yang tiada kewarganegaraan serta anak terbiar yang dijaga oleh keluarga angkat atau *Non-Governmental Organization* (NGO).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk memastikan pelajar lepasan sekolah menengah mempunyai akses bagi melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Pada masa kini, kemasukan ke universiti terhad kepada pelajar yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah sahaja sama ada kad pengenalan bagi warganegara Malaysia dan pasport bagi bukan warganegara Malaysia.

2. Manakala bagi golongan yang tiada kewarganegaraan, dasar semasa KPT bagi pelarian atau anak-anak seorang pelarian yang terpakai adalah:
  - i. Pelarian dan anak-anak seorang pelarian boleh mendapatkan akses kepada kemudahan pendidikan IPTS yang berdaftar dengan Kerajaan tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa Kerajaan serta syarat yang ditetapkan oleh institusi yang berkenaan,
  - ii. Pelarian dan anak-anak seorang pelarian perlu dianggap sebagai pelajar bukan warganegara dan tertakluk kepada syarat pelajar mempunyai pas pelajar serta tertakluk kepada kuota pengambilan pelajar antarabangsa yang dibenarkan oleh dasar semasa Kerajaan, dan
  - iii. Semua permohonan untuk mendapatkan akses pendidikan tinggi daripada pelarian dan anak-anak pelarian perlu diproses secara *case-by-case basis* berdasarkan undang-undang yang berkaitan.
3. Semua permohonan bagi pemohon bukan warganegara termasuk pelarian perlu dianggap sebagai pelajar antarabangsa dan tertakluk kepada peraturan semasa Jabatan Imigresen Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**

**TARIKH : 4 APRIL 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 19**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

- (a) adakah kursus Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) di universiti tempatan akan dijalankan sepenuhnya oleh Kementerian atau akan bekerjasama dengan universiti dari negara Jepun; dan
- (b) berapakah jangka masa yang ditetapkan untuk mewujudkan kursus tersebut di universiti tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- 1. Untuk makluman, pembangunan Program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) dengan Kepujian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah siap sepenuhnya dan pengambilan pelajar kohort pertama adalah pada Oktober 2024.
- 2. Proses pembangunan program sarjana muda ini telah melibatkan tenaga pakar dalaman UTM dan setelah mendapat nasihat

daripada *Board of Study* serta Panel Penasihat Industri yang mana salah seorang daripada ahli panel tersebut adalah dari sebuah universiti di Jepun.

3. UTM juga telah melaksanakan perbincangan berkenaan pembangunan Program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan (AI) melalui *Malaysia Japan International Institute of Technology* yang mempunyai rangkaian dengan 29 buah universiti di Jepun.
4. Program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan (AI) ini telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi pada Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI HAJAH ZURAINAH  
BINTI MUSA**

**NO. SOALAN : NO. 91**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pemohon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ingin meneruskan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta, berapakah jumlah pelajar yang berjaya mendapatkan tempat dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas mengikut bangsa, institusi pengajian awam, swasta dan matrikulasi. Adakah benar pernyataan bahawa pelajar tidak berminat untuk meneruskan pengajian tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, di peringkat kementerian ini bagi tempoh empat (4) tahun terkini, berlaku trend peningkatan kemasukan pelajar ke Universiti Awam dan juga Politeknik.
2. Bilangan penawaran tempat untuk Lulusan SPM ke IPTA dan ILKA mengikut sesi akademik adalah:
  - i. sebanyak 160,737 penawaran dibuat pada bagi Sesi Akademik 2023/2024,

- ii. sebanyak 146,091 penawaran dibuat bagi Sesi Akademik 2022/2023,
  - iii. sebanyak 141,390 penawaran dibuat bagi Sesi Akademik 2021/2022, dan
  - iv. sebanyak 121,354 penawaran dibuat bagi Sesi Akademik 2020/2021.
3. Walaupun berlaku trend peningkatan kemasukan, setiap tahun Kementerian tetap berusaha untuk menarik minat pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi dengan pelbagai cara seperti melalui Program Jom Masuk U (JMU), Program *Outreach*, Promosi melalui Media Sosial, penyediaan Dermasiswa B40 TVET, Projek SULUNG dan banyak lagi.
  4. Secara kesimpulannya, Kementerian sentiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi, konsisten mempergiat dan menyebarkan akses ke pendidikan tinggi termasuk bantuan kepada pelajar yang layak setelah menerima tawaran ke IPT.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**

**NO. SOALAN : NO. 115**

**SOALAN**

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik dan kadar kebolehpasaran para graduan lepasan institusi pengajian tinggi di Malaysia daripada tahun 2013 hingga 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik dan kadar kebolehpasaran para graduan Lepasannya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia daripada tahun 2013 hingga 2022 adalah seperti berikut:
  - i. Tahun 2022 ialah 90.2%,
  - ii. Tahun 2021 ialah 85.5%,
  - iii. Tahun 2020 ialah 84.4%,
  - iv. Tahun 2019 ialah 86.2%,
  - v. Tahun 2018 ialah 80.2%,
  - vi. Tahun 2017 ialah 79.1%,
  - vii. Tahun 2016 ialah 77.3%,
  - viii. Tahun 2015 ialah 76.1%,
  - ix. Tahun 2014 ialah 75.1%, dan
  - x. Tahun 2013 ialah 75%.

2. Untuk makluman, Kementerian sedang dalam peringkat memuktamadkan data kebolehpasaran graduan bagi tahun 2023 dan data tersebut akan diumumkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF**

**NO. SOALAN : NO. 121**

**SOALAN**

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah keberkesanan usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi dilakukan untuk menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Antara langkah-langkah segera dan jangka masa panjang yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian ini adalah melalui:
  - i. **Program Jom Masuk U** melibatkan zon terpilih seluruh Negara yang menasaskan pelajar, kaunselor sekolah, guru-guru dan ibu bapa serta masyarakat. Program ini merupakan program signature kementerian yang dilaksanakan setiap tahun.
  - ii. **Program Outreach** melibatkan lokasi terpilih di seluruh Malaysia yang menasaskan pelajar di sekolah luar bandar, B40 dan Orang Asli.

- iii. **Promosi melalui saluran media sosial rasmi KPT** antaranya melalui platform *Facebook, Instagram, Youtube* dan *TikTok*. Kementerian sentiasa berusaha dalam menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.
2. **Di peringkat pemilihan pelajar** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan ILKA pula, terdapat 4 Laluan Khas bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lulusan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Laluan Khas bagi kategori B40, Laluan Khas bagi kategori Orang Asli dan Atlet.
3. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah memperkenalkan sistem **pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal**. Pelajar akan diberi pilihan untuk mengikuti pengajian dari rumah atau dari kampus tanpa perlu hadir secara fizikal di kelas. Melalui inisiatif ini, mahasiswa boleh menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel. Sebanyak **95** Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada **19 UA** telah melaksanakan pembelajaran anjal **bermula Oktober 2023** bagi kemasukan **Sesi Akademik 2023/2024**.
4. **Dalam konteks pembiayaan dan insentif** pula Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar dari segi kewangan untuk persediaan awal **sebelum mendaftarkan diri ke IPT**.
5. KPT juga telah mengurangkan tempoh pengajian sebahagian **Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada empat (4) tahun** kepada hanya **tiga (3) tahun** sahaja. Setakat ini, sebanyak **44** program pengajian dari sembilan (**9**) **UA** yang telah dikenalpasti. Melalui inisiatif ini, perbelanjaan dari segi yuran pengajian dan kos sara hidup pelajar dapat dikurangkan. Malah, pelajar boleh memohon pekerjaan dengan lebih awal dan dapat membantu membangunkan sosioekonomi keluarga.
6. **KPT juga meneruskan Program SULUNG kepada 20 UA** yang menyediakan peluang kepada anak-anak **golongan B40 yang**

**cemerlang dan pertama dalam keluarga** berjaya memasuki mana-mana bidang pengajian di Universiti Awam. Calon yang terpilih akan menerima pelbagai manfaat seperti pengecualian yuran pengajian dan penginapan serta turut diberi peluang mengikuti program-program yang memberikan nilai tambah kemahiran insaniah mereka sehingga tamat pengajian di UA.

7. Melalui inisiatif kerajaan (JPA), KPT juga telah melaksanakan **Program Dermasiswa B40 TVET** bagi pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022.
8. Secara keseluruhannya, KPT akan terus memberi perhatian kepada perkara ini dan mencari jalan untuk terus menarik minat pelajar lepasan sekolah agar mereka teruja untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Pendidikan Tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ**

**NO. SOALAN : NO. 132**

**SOALAN**

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan strategik bagi menjamin prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2013, Kementerian Pendidikan Tinggi telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) untuk mentransformasi sistem pendidikan tinggi Malaysia daripada dua (2) aspek iaitu transformasi untuk keseluruhan sistem yang memfokuskan kepada akses, kualiti, kesaksamaan, perpaduan dan kecekapan; dan transformasi pelajar dengan memfokuskan kepada etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, jatidiri kebangsaan, kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan.
2. Untuk itu, Kementerian komited dengan 10 Lonjakan yang akan memacu kecemerlangan pendidikan tinggi berdasarkan aspirasi sistem dan pelajar ini. Empat lonjakan pertama memfokuskan keberhasilan bakat bagi pihak berkepentingan dalam sistem

pendidikan tinggi, termasuk pelajar sama ada dalam laluan akademik mahupun TVET, komuniti akademik, serta rakyat Malaysia yang terlibat dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. Enam lonjakan seterusnya memberikan tumpuan kepada pemangkin ekosistem tinggi seperti pendanaan, tadbir urus, inovasi, pengantarabangsaan, pembelajaran dalam talian dan kaedah penyampaian.

3. Memandangkan tempoh dokumen PPPM(PT) akan tamat pada tahun 2025, pada tahun ini, KPT sedang merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia yang baharu sebagai lanjutan dan kesinambungan pelan tersebut. Pelan baharu yang akan dibangunkan ini akan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan melalui sesi libat urus yang menyeluruh yang akan dilaksanakan pada tahun ini.
4. Dokumen pelan yang baharu akan memeta hala tuju pendidikan tinggi untuk 10 tahun akan datang dengan mengambil kira laporan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional (*National Review Committee - NRC*), Transformasi Politeknik 2023-2030 dan laporan Kertas Posisi "*New Horizon For Science, Technology And Innovation – A Strategy To Enhance Higher Education In Malaysia*" yang dibangunkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM).
5. Manakala untuk perancangan bagi tahun 2024, sebagaimana yang telah dikongsikan dalam Majlis Landasan Hala Tuju KPT 2024 pada 12 Januari 2024, perancangan Kementerian lebih menjurus ke arah lima (5) fokus utama iaitu:
  - i. Penyediaan bakat terbaik negara,
  - ii. Pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi,
  - iii. Pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan perkongsian ilmu,
  - iv. Pengantarabangsaan pendidikan tinggi, dan
  - v. Pemantapan ekosistem pemboleh daya.

6. Kesemua lima fokus ini akan didasari oleh 20 landasan yang akan memacu kebolehlaksanaan iaitu:

- i. Pembentukan otak dan watak, iaitu kecemerlangan akademik dan keterpujian sahsiah,
- ii. Keseimbangan antara paksi teknologi dan paksi kemanusiaan, iaitu kecemerlangan dengan jiwa atau roh,
- iii. Kemenjadian pelajar dan mahasiswa yang bitara,
- iv. Penggerak ekonomi negara,
- v. Penguasaan multibahasa dan kemampuan mengartikulasi idea,
- vi. Pengukuhan pembangunan dan penyampaian kurikulum,
- vii. Pengukuhan akhlak dan integriti akademik,
- viii. Keupayaan menangani keangkuhan intelektual,
- ix. Penyemaian nilai dan budaya ilmu serta kesarjanaan,
- x. Jalinan kerjasama industri dan kebolehpasaran pelajar,
- xi. Pemberdayaan komuniti dan industry,
- xii. Ketangkasan mengejar dan mendakap perubahan,
- xiii. Pengukuhan dan pemerksaan TVET serta pembelajaran berasaskan kerja,
- xiv. Hab pendidikan serantau dan antarabangsa,
- xv. Strategi pengantarabangsaan yang lebih menyeluruh dan berdaya saing,
- xvi. Keupayaan menimbang keutamaan,
- xvii. Perubahan menangani kerenah birokrasi,
- xviii. Pewujudan budaya kecemerlangan prestasi,
- xix. Pembangunan kerjasama pintar dan perkongsian kepakaran, dan
- xx. Inklusif dan terbuka kepada semua kelompok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI  
ABD GHAFFAR**

**NO. SOALAN : NO. 137**

**SOALAN**

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah benar kualiti graduan universiti di negara ini telah merosot. Jika benar, apakah puncanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan graduan yang dilahirkan dapat memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara dan mengurangkan jurang antara kemahiran yang dimiliki oleh graduan dengan keperluan pihak industri.
2. Untuk makluman, data kebolehpasaran graduan warganegara Malaysia di seluruh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah KPT dari tahun 2020 sehingga 2022 menunjukkan peningkatan iaitu 84.4% pada tahun 2020, 85.5% pada tahun 2021 dan 90.2% pada tahun 2022.

3. Berdasarkan data kebolehpasaran tersebut, secara tidak langsung ia menggambarkan bahawa pernyataan kualiti graduan di universiti telah merosot adalah tidak benar.
4. Antara langkah yang diambil untuk memastikan graduan yang dilahirkan berkualiti tinggi adalah:
  - i. **Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;**

Proses semakan ini penting untuk memastikan kurikulum yang ditawarkan adalah relevan dan terkini serta selaras dengan kemajuan teknologi IR4.0. Melalui proses ini juga, Institut Pendidikan Tinggi (IPT) telah mengenal pasti program-program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan industri serta sejajar dengan keperluan IR4.0.

- ii. **Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT;**

Pihak IPT mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada di kalangan IPT, implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa.

**iii. Memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i;**

Program 2u2i adalah program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*) di mana pendekatan ini menggabungkan pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman di industri. Program ini ('u' mewakili semua IPT, 'i' merujuk kepada industri) menggunakan pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, dan 2u1i di mana tempoh pembelajaran berlaku di dalam dunia pekerjaan sebenar (industri) adalah sekurang-kurangnya 1 tahun.

**iv. Memperkenal inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)*;**

Kerangka transformasi program akademik ini mengintegrasikan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperoleh dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

**v. Mempregiat kolaborasi merentas Kementerian, agensi dan industri.**

Kolaborasi/ perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan Kementerian/ Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Ekonomi (KE) bagi membantu menangani isu kekurangan tenaga kerja, jurang kemahiran pekerja, ketidaksepadanan pekerjaan dan pelbagai lagi. Antara lain, kerjasama bersama pihak industri turut diperkukuhkan melalui memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam pelbagai aspek antaranya tadbir urus, perkongsian maklumat, perkongsian teknologi dan pembangunan program. Penglibatan dan input industri juga diterapkan melalui

pelantikan *Industry Advisory Council (IAC)*, Jawatankuasa Penasihat Industri dalam pembangunan kurikulum serta penglibatan industri di dalam kampus melalui penubuhan *Industry on Campus (IOC)*;

5. Selain itu, pelaksanaan program dan aktiviti pelajar yang dijalankan di IPT sentiasa menitikberatkan penerapan elemen pembinaan watak mahasiswa sebagai pemimpin masa depan yang punya kualiti keilmuan, keterampilan dan kompetensi akademik melalui kemahiran insaniah, jati diri serta atribut generik pelajar.
6. Antara program-program pembangunan mahasiswa yang membentuk nilai-nilai murni tersebut adalah melalui aktiviti atau program berbentuk kepimpinan, pengucapan awam atau perbahasan; kebudayaan dan kesenian; keusahawanan, kesukarelawanan dan khidmat komuniti, program pengantarabangsaan pelajar, inovasi, teknologi dan robotik, serta program-program sukan dan rekreasi. Antara aktiviti atau program yang dinyatakan di atas sebahagiannya adalah program *signature* Kementerian seperti:
  - a. Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri
  - b. Pidato Kebangsaan Bahasa Melayu Piala Menteri Pendidikan Tinggi
  - c. Debat Diraja Antara IPT
  - d. Semarak Patriotik IPT
  - e. Kembara Siswa Patriotik
  - f. Program Kebudayaan Bahtera Madani
  - g. Parlimen Mahasiswa Kebangsaan
  - h. Robocon Malaysia Peringkat Kebangsaan
  - i. Semarak Siswa Madani
  - j. Keusahawanan Sosial dan Digital
  - k. Sangkutan Industri di Universiti/Industri
7. Tambahan lagi, KPT sentiasa menjalinkan kerjasama erat dengan pihak industri demi melahirkan graduan *industry ready graduates* yang kalis masa hadapan bagi memacu pembentukan masyarakat

serta negara madani. Antara usaha Kementerian adalah kerjasama strategik dengan pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menerusi MoU yang telah ditandatangani pada 10 April 2023 lepas bagi penyediaan bakat baharu dalam pasaran modal negara.

8. Program kerjasama dengan pihak industri ini serta usaha dan inisiatif yang dilaksanakan mampu meningkatkan kualiti graduan di masa hadapan dan sekaligus membuktikan bahawa usaha berterusan daripada pihak Kementerian terhadap aspirasi negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**

**NO. SOALAN : NO. 142**

**SOALAN**

**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri Pendidikan Tinggi telah membentangkan Rang Undang-Undang ini untuk Bacaan Kali Yang Kedua di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2024 lalu. Seramai 23 orang pembahas telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar dan jawatankuasa RUU ini. RUU ini telah diluluskan sebulat suara oleh Dewan Rakyat.
2. Seterusnya, RUU ini akan dibentangkan untuk Bacaan Kali Kedua di Dewan Negara dijangka pada 2 April 2024. Sebagai pemakluman awal kepada Yang Berhormat, tujuan utama RUU ini adalah untuk melengkapkan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa dengan memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada mahasiswa Universiti Awam. Cadangan RUU ini melibatkan lima (5) fasal yang melibatkan empat (4) seksyen berikut:

- i. Seksyen 15A - Kebenaran untuk memungut wang oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Badan Pelajar Lain,
  - ii. Seksyen 16B – Pertukaran Pihak Berkuasa Tatatertib kepada suatu Jawatankuasa,
  - iii. Seksyen 48(4) & 48(4A) – Pertukaran kalendar pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar mengikut kalendar akademik,
  - iv. Seksyen 48(11A) & 48(11B) – Kebenaran kepada Majlis Perwakilan Pelajar untuk menyenggara kumpulan wang,
  - v. Seksyen 48(12A) – Pewujudan Peraturan-Peraturan pemungutan dan penerimaan wang atau sumbangan lain, dan
  - vi. Seksyen 49(2) - Pemakaian peruntukan-peruntukan Majlis Perwakilan Pelajar kepada Perkara Badan Pelajar Lain.
3. Akhir kata, Kementerian percaya RUU ini akan diterima baik oleh keseluruhan ahli-ahli Yang Berhormat apabila dibentangkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**UCAPAN PENGULUNGAN**

**PETIKAN HANSARD  
SESI PENGGULUNGAN  
PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH  
KE ATAS TITAH DIRAJA  
OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI  
27 MAC 2024 (RABU)**

---

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Pertamanya, saya menjunjung kasih dan merafak sembah setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan perkara-perkara dan isu-isu yang berada di bawah tanggungjawab kementerian semasa sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melahirkan bakat masa hadapan yang cecal, mampan, berkeupayaan dan berdaya saing untuk mengharungi cabaran era pada masa kini, pastinya Kementerian Pendidikan Tinggi memainkan peranan yang amat penting dan signifikan. Perubahan serta perkembangan teknologi yang kian pesat berlaku tentu sahaja memberi impak kepada sektor pendidikan negara. Oleh itu, KPT perlu sentiasa memastikan kewujudan ekosistem pendidikan tinggi negara, sentiasa relevan, kondusif serta aktif.

Justeru, lima dimensi utama bersama 20 buah landasan telah digariskan sebagai fokus utama KPT- selari dengan matlamat dan hasrat yang

dirangkumkan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025 untuk memastikan kecemerlangan pendidikan tinggi negara dapat dikecap. Pihak kementerian juga sentiasa menitikberatkan aspek kebajikan warga institusi pendidikan tinggi terutamanya para pelajar dan kakitangan akademik serta bukan akademik di IPT.

Kementerian percaya aspek kebajikan adalah mustahak untuk dititikberatkan dalam kita sibuk mengejar kecemerlangan. Dengan memberi keutamaan kepada aspek kebajikan, kelangsungan pelajar turut diutamakan agar wujud keseimbangan dan ekosistem pendidikan tinggi negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pada tahun ini terdapat beberapa buah dasar dan pelan yang akan dibangunkan dan diluncurkan bagi memastikan kelestarian serta kecemerlangan pendidikan tinggi negara. Antaranya, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035, Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024-2030, Pelan Induk dan Pelan Tindakan Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2024-2030, Pelan Transformasi Politeknik 2023-2030 dan Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2024-2030.

Tuan Yang di-Pertua, kini izinkan saya untuk mengulas serta mencerakinkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah dibangkitkan sepanjang minggu perbahasan di Dewan yang mulia ini mengikut persoalan yang dibangkitkan daripada setiap Ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad yang telah mengutarakan berkenaan inisiatif KPT dalam membantu mahasiswa khususnya golongan B40 yang berada di universiti. Pihak kementerian sememangnya sentiasa cakna dengan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa, termasuklah para pelajar golongan B40.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa bermula bulan Januari 2024, yuran bagi tujuan pendaftaran masuk pelajar ke universiti awam mula

dihadkan agar tidak melebihi RM1,500. Inisiatif ini adalah supaya jumlah yuran pendaftaran masuk ke universiti awam adalah selari dengan nilai pemberian wang pendahuluan pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.

Pada masa yang sama, pelajar sedia ada yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak akan disekat untuk mendaftar subjek pada setiap semester dan bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek. Selain itu PTPTN, turut menawarkan jumlah pinjaman pendidikan pada kadar maksimum kepada pelajar, sekiranya pelajar atau ibu bapa mahupun penjaga adalah berdaftar sebagai penerima Sumbangan Tunai Rahmah.

Dalam konteks pelaksanaan inisiatif ini, KPT juga telah menegaskan kepada semua universiti agar sebarang peraturan pembayaran oleh universiti hendaklah mengambil kira kebajikan pelajar. Pelbagai inisiatif lain yang mencakupi pelbagai aspek turut dilaksanakan bagi membantu meringankan beban kos sara hidup pelajar yang dihadapi bagi memastikan proses pengajian dan pembelajaran tidak terganggu.

Misalnya Menu Siswa Rahmah, *Food Bank* Siswa, Dapur HEP, pemberian sumbangan bantuan tajaan oleh Yayasan Perkasa Siswa, subsidi pembelian tiket kapal terbang, bantuan peranti, malah bantuan kewangan kepada mahasiswa daripada keluarga B40 iaitu penajaan yuran pengajian dan elaun sara hidup turut disediakan oleh pihak kementerian seperti bantuan kewangan pelajar kolej komuniti, bantuan kewangan asasi, program Dermasiswa B40 kepada pelajar B40.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Azhar juga turut memohon penjelasan berkenaan manfaat Program Semarak Kampus MADANI yang dilaksanakan oleh kementerian. KPT sememangnya amat komited untuk memastikan kesejahteraan warga kampus berada pada tahap terbaik.

Justeru, program Semarak Kampus Madani ini adalah program yang berkonsepkan turun padang dan dibangunkan khusus bagi membolehkan pengurusan tertinggi KPT mendekati dan menyelami kehidupan warga institusi pendidikan tinggi menerusi pengalaman sebenar tinggal dan berada di kampus.

Pendekatan 3P iaitu padang, perasaan dan penyelesaian atau 3F dalam bahasa Inggerisnya *field, feel* dan *fill* diguna pakai sebagai asas utama pelaksanaan program. Penganjuran program ini adalah bersandarkan kepada tiga objektifnya, iaitu:

- (i) mengenal pasti masalah dan isu sebenarnya di IPT melalui sesi lawatan dan libat urus bersama pemegang taruh, warga dan pelajar IPT;
- (ii) berkongsi aspirasi dan hala tuju terkini sektor pendidikan tinggi negara secara terus kepada pemegang taruh warga dan pelajar mahasiswa; dan
- (iii) menggalakkan penghasilan inovasi dan ciptaan menerusi kajian, meningkat kebolehpasaran graduan dan menyemai nilai keusahawanan di kalangan pelajar dan mahasiswa.

Penganjuran program ini adalah signifikan sebagai platform dua hala kepada pemegang taruh, warga dan pelajar di IPT untuk menonjolkan pencapaian semasa mereka mahupun menyampaikan keluh kesah secara terus kepada pengurusan tertinggi KPT. Selain itu program ini-melalui program ini KPT juga dapat mengenal pasti keperluan, kekangan dan tindakan semasa yang boleh diambil meliputi aspek seperti kemudahan fasiliti, penyelenggaraan bangunan dan keselamatan serta keselesaan pelajar di IPT.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran yang telah menyentuh berkenan kebolehpasaran graduan elemen upskilling dan reskilling di dalam silibus IPT, gaji permulaan graduan dan usaha-usaha

KPT bagi meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris serta pemeraksanaan Bahasa Melayu.

KPT sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan graduan yang dilahirkan adalah berkualiti, kalis masa hadapan atau, dengan izin, *futureproof*, holistik serta seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, data kebolehpasaran daripada sistem SKPG di peringkat kementerian menunjukkan terdapat peningkatan dalam kebolehpasaran graduan dari tahun 2020 hingga 2022. Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa graduan yang dihasilkan atau dikeluarkan oleh IPT tempatan adalah berkualiti dan *marketable*, dengan izin.

Namun begitu, KPT tetap terus komited mengambil langkah berterusan untuk memastikan graduan yang dilahirkan berkualiti tinggi. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) pelaksanaan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;
- (ii) pelaksanaan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT;
- (iii) memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian 2u2i. 2u2i bermakna dua tahun di universiti, dua tahun di industri;
- (iv) memperkenalkan inisiatif *Experiential Learning and CompetencyBased Education Landscape* (EXCEL) yang mengintegrasikan elemen industri, komuniti, pendidikan dan *flexibility* atau *personalize*.
- (v) mempergiat kolaborasi merentas kementerian, agensi dan industri.

Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran turut membangkitkan persoalan berkenaan mengapa elemen *upskilling* dan *reskilling* ini dipisahkan sebagai sijil berlainan dan tidak diterapkan di dalam silibus IPT. Universiti awam sememangnya diminta untuk menerapkan program pensijilan profesional dan kompetensi dalam program pengajian sebagai nilai tambah.

Walau bagaimanapun, terdapat sijil profesional atau kompetensi yang dikeluarkan secara berasingan dan kurang sesuai untuk diterapkan sebagai silibus IPT, tetapi pihak UA sentiasa membantu dengan melatih pelajar melalui silibus dan program khusus bagi membantu mereka bersedia menduduki persijilan tersebut.

Di samping itu, UA turut memberikan penekanan kepada elemen industri dalam memastikan graduan dapat memenuhi tuntutan pasaran tenaga kerja. Ini dilaksanakan melalui program pembelajaran berasaskan kerja atau lebih dikenali dengan *work-based learning*. Antaranya adalah melalui Program 2u2i dan Apprenticeship Degree. Usaha ini adalah sebahagian inisiatif KPT dalam menjalin kerjasama dengan akademia dan industri bagi memastikan graduan yang berkualiti tinggi dapat dihasilkan seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di politeknik dan kolej komuniti program *reskilling*, *upskilling* dilaksanakan bagi membantu penempatan graduan di industri mengikut keperluan kemahiran tambahan yang dikehendaki oleh pihak industri. Pelaksanaan program ini mampu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti untuk mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan yang setimpal. Kebanyakan program RU yang dilaksanakan di peringkat politeknik dan kolej komuniti adalah berdasarkan keperluan industri mengikut teknologi terkini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang akan saya sentuh adalah berkenaan gaji permulaan graduan yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj. Kajian daripada Khazanah Research Institute bertajuk *Shifting Tides: Charting Career Progression of*

*Malaysia's Skilled Talent*, menyatakan bahawa pertumbuhan gaji di Malaysia adalah agak perlahan sejak sedekad yang lalu.

KPT berpandangan bahawa perkara melibatkan peningkatan gaji permulaan graduan ini memerlukan usaha kolektif daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk memantau kadar gaji yang ditawarkan oleh pemain-pemain industri terutamanya kepada graduan yang mempunyai kemahiran tinggi.

Namun begitu, KPT sebagai penyedia bakat negara telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menyokong hasrat bagi meningkatkan gaji permulaan graduan. Antaranya pertama, kerjasama merentas kementerian, agensi serta industri dimantapkan menerusi beberapa memorandum persefahaman. Misalnya KPT ada menandatangani MOU bersama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia melibatkan perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan Industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul silibus dan kurikulum.

Kedua, pelaksanaan program latihan dan peningkatan kemahiran seperti program intervensi kebolehpasaran kepada pelajar tahun akhir pengajian atau graduan universiti awam, politeknik serta kolej komuniti dengan jaminan pekerjaan serta kadar gaji yang setara dengan kelayakan.

Ketiga, kerjasama dengan industri bagi memastikan institusi dan kemahiran graduan selari dengan keperluan dan perkembangan industri. Kerjasama ini merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat terhadap kandungan pengajian dan latihan, penyediaan tempat bagi latihan industri serta mengimplementasikan pendekatan work-based learning iaitu proses pembelajaran secara langsung dalam industri.

Berkenaan usaha kementerian dalam meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris pula. KPT amat komited dalam usaha memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan graduan. Usaha ini adalah selari dengan Dasar Bahasa Inggeris

Nasional iaitu *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*.

Dasar ini memberi penekanan kepada empat fokus utama iaitu kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran. Satu Jawatankuasa Pemantauan turut ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan dasar ini di peringkat UA- universiti awam, melalui Majlis Dekan Bahasa Universiti Awam.

Untuk makluman semua, UA kini menawarkan silibus baharu di institusi masing-masing selaras dengan pelaksanaan dasar ini. Selain itu, KPT juga sedang berusaha mewujudkan satu garis panduan berasaskan standard piawaian pengukuran tahap penguasaan bahasa Inggeris iaitu *Common European Framework of Reference for Languages* yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Garis panduan ini akan digunakan oleh para pensyarah dan guru bahasa di UA ataupun Universiti Awam bagi membangunkan kertas ujian penilaian dan pentaksiran Bahasa Inggeris yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar dan berlandaskan kepada standard antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sivaraj juga memberi pandangan tentang pemerkasaan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi. Perkara yang saya turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa. Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Yang Berhormat Senator atas keprihatinan terhadap kedudukan Bahasa Kebangsaan di IPT. Pihak kementerian sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap segala usaha memartabatkan Bahasa Melayu melibatkan pelaksanaan penguatkuasaan dan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini di semua IPT Malaysia. Menyedari kepentingan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT, pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan oleh KPT.

Misalnya, Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023-2030 telah diluncurkan oleh Yang Berhormat mantan Menteri Pendidikan pada 15 Jun 2023 yang lalu. Pelan tindakan yang mempunyai empat-teras utama dan 26 inisiatif ini bertujuan untuk memperkaya dan memperkasa penggunaan Bahasa Melayu di IPTA. KPT turut melaksanakan penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu secara tahunan semenjak tahun 2012 bagi mengiktiraf ahli-ahli akademik dalam pelbagai disiplin ilmu yang telah memperlihatkan dampak penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi turut melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif pemerikasaan. Penggunaan dan penghayatan bahasa dalam kalangan mahasiswa di universiti awam serta institusi pendidikan tinggi swasta, tempatan dan antarabangsa melalui program dan aktiviti pembangunan mahasiswa yang dijalankan di kampus.

Antara program pembangunan mahasiswa yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama universiti awam serta Majlis Debat Universiti Awam dalam memperkasa Bahasa Melayu melalui pengucapan awam adalah Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri, Pidato Kebangsaan Bahasa Melayu Piala Menteri Pendidikan Tinggi, Pertandingan Debat Diraja Antara IPT, Pertandingan Video Pendek Kreatif Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa.

Malah, UA dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia atau MAKUM turut menganjurkan program-program kebudayaan dan kesenian yang mengangkat dan memartabatkan Bahasa Melayu seperti berikut; Pertandingan Dikir Barat, Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli, Sayembara Puisi, Bahtera Madani dan Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia. Kesemua inisiatif yang dinyatakan usaha KPT dengan kerjasama UA untuk memperkasa dan memperkukuhkan Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa IPT. Dalam konteks melibatkan para pelajar antarabangsa di universiti awam

dan IPTS pula, mereka turut diwajibkan mengambil Kursus Bahasa Melayu Komunikasi sebagai kursus wajib.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu usaha penting kementerian dalam memperluaskan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa adalah melalui kursus akademik luar negara atau dikenali sebagai Kursi Pengajian Melayu. Antara tujuan penubuhan Kursi Akademik Luar Negara ini adalah mengembangkan Pengajian Melayu dan menyebarkan luas pengetahuan mengenai sejarah, kebudayaan, ekonomi, kehidupan sosial dan politik Malaysia. Kementerian percaya penubuhan Kursi Pengajian Melayu ini akan menjadi pemangkin kepada usaha memartabatkan Pengajian Melayu di mata dunia.

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencelah?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Menteri boleh?

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan Kursi Pengajian Melayu di luar negara, saya tahu bahawa dahulu ada empat kursi: satu, di Leiden University; dan di Wellington; di Beijing; dan di Seoul, Korea, tetapi sesudah beberapa tahun saya kira mungkin hampir 10 tahun kursi-kursi itu semua seakan-akan sudah jumud, tidak aktif.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah kementerian merancang? Sebenarnya patut sudah dihidupkan semula. Saya faham sewaktu dua, tiga tahun lepas sudah diputuskan akan dihidupkan semula bahkan akan ditubuhkan kursi di tempat-tempat yang berpotensi, termasuk Turki dan sebagainya. Jadi, saya mohon maklumat daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Terima kasih Datuk Seri Profesor Emeritus yang juga pernah kalau tidak silap saya pernah menduduki Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University. Itu satu soalan yang baik dan sememangnya dalam

perancangan kita pun saya telah pun juga mohon untuk supaya kita membuat kajian semula daripada segi kedudukan masa kini.

Sebagai contoh, dalam lawatan saya yang terbaru ke SOAS di London baru-baru ini. Saya juga telah meminta kerjasama yang diwujudkan di antara UPSI dengan SOAS yang bakal berlaku nanti dapat diperkukuhkan dalam konteks untuk memartabatkan Pengajian Melayu ini.

Mereka telah pun memulakan proses-proses ini. Ini termasuklah juga seperti yang disebutkan tadi di beberapa buah tempat yang lain yang mungkin ada potensi-potensi termasuk yang disebutkan tadi, antaranya di Turkiye. Malah, kita akan meneruskan juga kursi-kursi yang sedia ada ini termasuklah di Ohio dan pada kursi di Leiden yang kita tahu yang begitu lama sekali. Di Victoria University, New Zealand dan selain itu di Beijing dan juga di Hankuk University of Foreign Study, Korea Selatan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa. Saya ingin perelaskan tentang saranan dari Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa berkenaan penubuhan pendidikan TVET serta penubuhan Pusat Latihan TVET yang baharu. Seperti semua sedia maklum, kita mempunyai Majlis TVET Negara atau MTVET yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri I, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi. MTVET ini melihat keseluruhan ekosistem TVET negara dan saya percaya saranan Yang Berhormat Senator itu boleh dibawa untuk perhatian MTVET supaya dibincangkan dengan lebih mendalam lagi.

Selain itu, KPT juga bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menyediakan sumber-sumber bantuan kewangan bagi membantu pelajar-pelajar seperti HRD Corp, PERKESO dan PTPTN.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat tabung kemahiran yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) iaitu Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Tabung ini berperanan

untuk menyediakan dana dan pinjaman kepada penyedia-penyedia latihan awam dan swasta.

Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin. Ini nama kampung saya. Saya beralih pula kepada soalan yang dikemukakan, perkara yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Ajis berkenaan mewujudkan Pusat Latihan TVET Khas untuk anak-anak Orang Asli dalam memperkasa generasi pelapis Orang Asli yang berkelayakan sebagai sumber tenaga pengajar dan pekerja di institusi TVET.

KPT menyambut baik saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator dan kementerian sentiasa komited dalam membangunkan pusat pendidikan seperti politeknik dan kolej komuniti yang dapat membantu rakyat mendapat akses pendidikan teknikal yang berkualiti.

Bagi cadangan penubuhan pusat latihan TVET di penempatan Orang Asli yang dominan, pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti tiada halangan akan cadangan Yang Berhormat Senator dan akan meneliti semula perancangan institusi secara keseluruhan bagi memastikan penubuhan setiap institusi baharu adalah bersesuaian selain mengambil kira kerjasama perkongsian sumber dan infrastruktur bersama industri setempat dan agensi-agensi pembangunan wilayah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Ahli-ahli Dewan, bagi kawasan berdekatan dengan Daerah Lipis terdapat Kolej Komuniti Raub yang menawarkan Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Khas Jahitan Kreatif dan Kolej Komuniti Bentong yang menawarkan Sijil Pengoperasian Perniagaan, Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Teknologi Elektrik dan Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** Yang Berhormat Datuk Speaker. Mengenai dengan kolej komuniti, saya melihat bahawa ini adalah satu perkembangan yang baik. Saya cuma nak tanya, adakah akan ditambah Kolej Komuniti di mana tempattempat yang belum ada Kolej Komuniti tersebut. Terima kasih.

**Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Terima kasih Dato' Halim. Kita sedang membuat perancangan kepada jumlah yang sebenar diperlukan dalam negara kita. Ini memandangkan terdapat kolej-kolej komuniti yang sebenarnya tidak mempunyai bilangan pelajar yang mencukupi malah ada yang kita dapati mereka menukar konsepnya iaitu konsep dengan menganjurkan program-program yang lebih bersifat secara kursus-kursus tertentu sahaja untuk satu tempoh jangka pendek sahaja.

Dalam masa yang sama, kita juga menerima pelbagai permohonan termasuk kawasan-kawasan yang difikirkan mempunyai potensi untuk kita beri perhatian ini. Lantaran itu dasar Kementerian Pendidikan Tinggi ini kita tidak terus menutup sebarang permohonan terhadap keperluan kolej-kolej komuniti di kawasan-kawasan yang difikirkan boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya. Di Daerah Sungai Siput...  
*[Dicelah]*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Datuk Yang di-Pertua, mohon menanya soalan. Sekarang ini ada beberapa jumlah kolej komuniti dan berapa yang telah ditutup kerana ketidakcukupan pelajar ataupun apa-apa masalah?

**Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** ...Kita ada yang tertinggi 114, tetapi ada...

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Mic, mic. Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: ...Maklumat yang terkini yang ada pada kita ialah 104. Mungkin ada yang terbaharu kah tidak ada satu lagi?...  
*[Merujuk pegawai kementerian]*

Ya. Satu. Tambah satu lagi. Yang terbaharu 105. Kita ada 105 buah kolej komuniti kesemuanya dan sehingga kini belum ada mana-mana kolej komuniti yang akan ditutup. Namun, proses rasionalisasi perlu dilakukan dengan melihat akan keperluan-keperluan dan kedudukan kolej-kolej komuniti di kawasan-kawasan yang berkaitan.

Oleh yang demikian, saya ingin juga mengesyorkan kepada Ahli-ahli Dewan, Senator-senator yang datang daripada seluruh negara yang ada kolej-kolej komuniti di kawasan masing-masing. Sekiranya ada kolej komuniti itu yang tidak mempunyai atau tidak digerakkan, tidak diaktifkan, saya mohon supaya kita dapat membuat gerakan untuk memastikan supaya ada bilangan pelajar yang mencukupi di setiap kolej komuniti yang berkenaan. Terima kasih.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh atas keprihatinan beliau terhadap prasarana Hospital USM Kubang Kerian yang juga merupakan hospital pengajar universiti. Yang Berhormat Senator telah menyarankan agar dibina kompleks klinik pakar untuk menampung jumlah pesakit yang semakin bertambah.

KPT menyambut baik saranan tersebut dan cadangan pembinaan klinik pakar di HUSM telah diluluskan oleh kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kedua Belas, Rolling Plan 1 Tahun 2021 untuk menaik taraf, membaik pulih dan mengubahsuai infrastruktur dan kemudahan hospital...

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** *[Bangun]* Tuan Speaker, minta laluan sikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Kejam, bagi saya habis ayat sat.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Okey.

**Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** *Sorry*, bagi saya habis ayat sekejap. Ayat sat itu. Kemudahan hospital dengan kos keseluruhan berjumlah RM120 juta... *[Tepuk]*

Sekiranya tiada sebarang isu berbangkit insya-Allah projek ini akan siap sepenuhnya sebelum akhir 2026. Silakan Datuk Azhar.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Datuk Dr Zambry. Nama kampungnya ialah Menteri Ajis... [Ketawa]

Tuan Speaker, saya nak sentuh *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Hari ini kita lihat di pasaran buruh, di pasaran masa, 92.3 peratus lepasan daripada TVET- ya dulu daripada vokasional, teknik dan sebagainya memperoleh pekerjaan. Jadi, saya nak bertanya Menteri, di semua universiti awam, boleh tak kita adakan elemen-elemen yang berbentuk TVET supaya anak-anak kita nanti bila keluar daripada universiti bukan setakat akademik, teknikal juga ada ilmu mereka kompeten laku di pasaran masa?

Kedua, Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi tentang kolej komuniti. Setakat ini berapa banyak permohonan baharu yang telah dibuat kepada kementerian? Saya ingin bertanya juga, jangan marah Yang Berhormat Menteri. Dalam banyak-banyak permohonan itu ada dari Kota Bharu dan ada juga ada dari Beruas. Jadi, minta tengok. Di Beruas itu hanya ada pekan sejarah. Itu sahaja Tuan Speaker. Terima kasih.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz:** Boleh tambah sikit? Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas berita gembira yang rakyat Kelantan terima tadi.

Satu lagi berkait dengan Hospital USM ini. Kalau kita tengok kawasan Hospital USM ini dah agak padat. Boleh kata hampir tak ada tanah kecuali dibina bangunan di atasnya. Dulu ada cadangan oleh kerajaan untuk membuat pengambilan semula tanah di kawasan belakang. Cuma saya dimaklumkan ia telah dibatalkan. Saya tak tahu kenapa dibatalkan. So, saya harap kalau boleh pihak kementerian dapat lihat balik supaya pengambilan itu dilakukan. Terima kasih.

**Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Sebenarnya saya nak terang banyak lagi itu kepada Yang Berhormat. Saya ingat saya jawab dulu Yang Berhormat. Kemudian, saya pergi ke soalan daripada Datuk Azhar tadi. Ya. Berkaitan sebab saya tengah menjawab soalan daripada Senator Nik Mohamad Abduh tadi iaitu saya- ya, kita tahu

bahawa kawasan yang berkenaan memang sangat padat dan dengan permintaan-permintaan untuk penambahan bangunan-bangunan baharu. Ini menyebabkan kawasan itu agak ini sikit- terlalu padat.

Sebagai contoh, untuk ruang letak kereta. Ini antara isu yang dibangkitkan juga. *Insyah-Allah*, USM sedang mendapatkan kelulusan daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk kapasiti bagi kita membina ruang kereta sekitar 1,000 buah tempat di kawasan yang berkenaan.

Selain daripada itu juga untuk pengetahuan Yang Berhormat, HUSM juga menambah kapasiti untuk di wad ICU menerusi pembinaan ada 40 unit medical HDU-nya berbanding dengan 16 unit yang ada sekarang. Kita akan lihat kesemua permohonan ini dan ada yang telah pun kita berikan.

Maksudnya, daripada segi kapasiti kepadatan yang ada itu kita perlu rancang dengan keluasan yang ada. Kalau sekiranya tidak boleh kita buat secara- ataupun kita boleh buat secara bertingkat dengan lebih tinggi. Apa pun kajian-kajian daripada segi kedudukan tanah apa semua itu perlu dibuat secara mendalam.

Saya juga nak maklumkan di sini iaitu beberapa permohonan dan yang dibuat kepada kerajaan untuk meluluskan. Saya difahamkan juga termasuklah perkhidmatan daripada onkologinya, neurosurgerinya dan ia telah pun dibentangkan dan kita telah pun luluskan beberapa teknologi integrated by brain switch dan rawatan neurosurgeri sebagai contoh sebanyak RM40 juta kepada HUSM.

Begitu juga dengan dalam hal-hal orang-orang perubatan ini dia orang faham. Linear accelerations sebagai contoh satu lagi sebanyak RM15 juta. Ini keperluankeperluan semasa yang diperlukan oleh USM.

Dalam erti kata yang lain, kita sentiasa memberi perhatian kepada keperluan HUSM ini bagi memastikan supaya HUSM ini dapat berperanan dengan begitu baik sekali.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Yang Berhormat Menteri, perlu berapa lama lagi ya?

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Apakah dia?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Berapa lama lagi? Dekat dah *injury time* dah.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** *Injury time*. Boleh- sikit lagi boleh? Sebab saya ingat saya perlu jawab juga dengan Dr. punya kenyataan itu. Sebelum itu nak jawab juga kepada soalan yang dikemukakan oleh Datuk Azhar- tentang TVET ini betul. Kita tidak nafikan bahawa ia sangat penting dan malah universiti dan konteks MTUN kita- kita ada Majlis Teknikal Universiti kita yang juga ada empat buah universiti yang kita kategorikan sebagai universiti teknikal yang akan memberi perhatian pengkhususan kepada dalam bidang teknikal. *High technical* ini termasuklah dalam bidang *high TVET* yang kita maksudkan ini.

Program ini sedang berjalan. Program yang saya sebutkan tadi termasuklah antaranya 2u2i. Bukan 2u2i ini maksudnya dua tahun di universiti, dua tahun di industri. Selain daripada itu kita *ada work-based learning*. Selain daripada itu kita ada juga *microcredential* program yang dianjurkan oleh setiap universiti dapat meningkatkan daripada segi kapasiti mereka. Akhirnya, apabila mereka keluar nanti mereka akan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi seperti mana yang dikehendaki oleh industri-industri besar dalam negara kita ini.

Berkaitan dengan kolej komuniti yang ditanya tadi. Ya, saya masukkan- saya rakamkan permohonan-permohonan daripada Yang Berhormat Kota Bharu dan Beruas termasuk juga dan tidak dilupakan juga daripada Tebrau dan akan kita masukkan dalam pelan perancangan yang akan datang nanti, *insya-Allah... [Tepuk]* Kita doakan supaya permohonan itu diluluskan.

Baik, dengan izin Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya teruskan sedikit untuk bagi menjawab juga soalan yang dibangkitkan oleh Dr. Lingeshwaran...

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** ...Tentang kemampuan IPT negara untuk menghasilkan bilangan pakar perubatan yang mencukupi. Ini merupakan antara isu yang sedang bermain dalam kalangan banyak pihak pada hari ini.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, benarkan tambah masa, saya benarkan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Adakah ini relevan dengan isu yang ini?

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Relevan, USM Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Silakan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey, sila-sila.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya nak lontar satu idea untuk *efficiency government* ataupun kerajaan. USM ini Hospital USM adalah di Kelantan, Kubang Kerian. USM sendiri *main campus is in Penang*. Adakah tak rancangan kerajaan untuk membuka satu hospital baharu di Penang atas USM itu? Hospital USM itu diserahkan kepada UMK. UMK ada universiti, dia boleh mulakan *Medical Faculty* di sana.

Daripada segi kos, saya rasa lebih efisien sebab hari ini kita lihat ramai staf daripada HUSM, Kubang Kerian asyik berulang alik ke Penang. Dua kali kapal terbang Kota Bharu-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Penang. Tiket mahal sekarang. Kita baharu dapat taklimat, tiket cukup mahal. Jadi, adakah pada masa depan rancangan kerajaan untuk buat begitu? Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Ya, sebenarnya idea asalnya ialah mungkin datang daripada Yang Berhormat juga supaya HUSM itu diwujudkan di Kota Bharu. *Anyway*, walau bagaimanapun... *[Ketawa]* Sebenarnya, benar sebab pendekatan untuk kita menubuhkan sesuatu kampus universiti termasuklah hospitalnya bagi kita merangka pembangunan di sekitarnya. Dia akan menjadi catalyst pembangunan bagi setiap kawasan itu. Namun, mungkin dalam satu jangka masa yang panjang kita perlu memikirkan semula. Itu cadangan apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat itu merupakan satu cadangan yang baik...

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** ...Dan boleh difikirkan kalau sekiranya UMK kemudiannya nanti akan mempunyai fakulti perubatannya. Manakala, kita boleh fikirkan balik di peringkat USM pun untuk mewujudkan benda yang sama, tetapi kita perlu ingat bahawa setiap hospital universiti yang kita tubuhkan ini, mereka mempunyai niche atau kepakaran mereka sendiri dalam bidang-bidang tertentu.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Tan Sri untuk mewujudkan sebuah hospital universiti di Pulau Pinang. Sebab memang Pulau Pinang merupakan satu hablah di mana semua kepakaran kita di sana. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh *consider* sebuah universiti hospital di sana. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Ya, keperluan untuk mempunyai hospital universiti ini bukan hanya di Pulau Pinang, saya pun nak juga di Pulau Pangkor kalau boleh... *[Ketawa]* Saya terus

jawab ya... [Dichelah] Ha, orang kata Pangkor jangan main-main oh, Pangkor tempat yang paling bersih ataupun di Manjung.

Berdasarkan kepada maklumat daripada pihak Kementerian Kesihatan, KKM menyasarkan sebanyak 19,714 Pakar Perubatan diperlukan oleh negara menjelang 2030. Selaras dengan perkara ini Mesyuarat Inisiatif Meningkatkan Jumlah Slot Pengajian Kepakaran oleh pihak KKM pada 12 Oktober 2022 telah bersetuju untuk meningkatkan slot pengajian kepakaran bagi Program Sarjana Perubatan kepada 150 slot setiap tahun.

Pada masa ini, terdapat 11 buah universiti awam yang mengendalikan Program Pengajian Perubatan di Fakulti Perubatan masing-masing di mana lapan daripadanya menawarkan Program Sarjana Perubatan serta Sarjana Kedokteran Perubatan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Malaysia Sabah.

Dalam konteks ini sebanyak 24 bidang kepakaran kecuali urologi daripada keseluruhan 25 bidang kepakaran ditawarkan di universiti awam. Antaranya termasuklah rawatan neurosurgeri, obstetrik, ginekologi, onkologi, ortopedik dan sebagainya di mana Senator lebih sedia maklum tentang bidang-bidang itu. Sehingga tahun 2023, IPT tempatan telah menghasilkan seramai 7,935 orang graduan Sarjana Perubatan.

Berhubung perkara ini bagi menampung kekurangan bilangan pakar perubatan, pihak KKM juga telah memutuskan pelaksanaan latihan kepakaran *parallel pathway* dalam 14 bidang bagi menyokong pelan ke arah peningkatan pakar perubatan negara. Selain itu KPT melalui Majlis Dekan Fakulti Perubatan Awam Malaysia sedang dalam proses merangka pelan strategik latihan kepakaran perubatan bagi meningkatkan kualiti dan latihan memperkasa pengurusan program kepakaran perubatan bagi memenuhi keperluan pakar perubatan di Malaysia.

Untuk makluman, pada masa ini terdapat 95 program dengan 91 program berada di universiti awam dan baki empat program di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia dan pengiktirafan Majlis Perubatan Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran juga telah membangkitkan persoalan berkenaan latihan kepakaran kardiotorasik di bawah *parallel pathway* KKM di UiTM serta pengiktirafan UiTM sebagai pusat pengajian untuk latihan kepakaran kardiotorasik. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, terdapat dua sistem berkaitan latihan kepakaran program perubatan. *Parallel pathway* ditawarkan oleh KKM dan juga kursus-kursus sedia ada di universiti awam telah melalui proses akreditasi MQA.

Berhubung hal ini, pihak KPT sentiasa bersedia untuk memudah cara atau *facilitate* perkara-perkara yang berkaitan dengan kedua-dua sistem ini. Sebagai makluman juga, pihak Kabinet telah bersetuju hal-hal berkaitan *parallel pathway* ini diselaraskan oleh pihak KKM. Namun begitu seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, kami di KPT sentiasa bersedia untuk membantu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga UiTM juga telah menerima perakuan akreditasi sementara bagi program Sarjana Sains Surgeri dan Kedokteran Surgeri Kardiotorasik pada 13 Ogos 2020 oleh MQA. Dengan adanya kelulusan ini UiTM diiktiraf sebagai pusat pengajian tinggi untuk latihan kepakaran kardiotorasik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan, boleh mencelah. Melalui...

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Boleh.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Bukan mencelah, nak penjelasan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Penjelasan, okey. Melalui jawapan bertulis Menteri Kesihatan kepada soalan lisan saya bertarikh 20 Mac 2024 hanya terdapat empat kelayakan yang diiktiraf dalam bidang surgical cardiothoracic oleh MMC, Majlis Perubatan Malaysia dan tiada satu pun kelayakan tersebut daripada universiti tempatan termasuk UiTM.

So, bolehkah Menteri terangkan kenapa masih ada pegawai perubatan yang memasuki universiti tempatan- UiTM yang tidak diiktiraf oleh MMC? Soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Soalan itu kena ditujukan pada MMC. *Anyway*, kita faham inilah masalah yang berlaku pada hari ini dan Kabinet telah pun membincangkan- turut membincangkan hal yang sedemikian. Maka, kita telah pun membuat keputusan supaya satu Jawatankuasa dibentuk dan membuat satu keputusan tuntas bagi memastikan supaya kedua-dua bidang ini yang melibatkan parallel pathway dan juga yang dikendalikan oleh universiti-universiti awam ini dapat diselesaikan.

Kita tidak mahu, sebagai contoh apa yang berlaku pada hari ini, berlakunya masalah pengiktirafan yang hendak diberikan. Ini masalah teknikal ini berlaku begitu panjang sekali dan menyebabkan pakar-pakar yang telah pun *complete* ataupun tamat pengajian mereka tidak dapat diserap masuk disebabkan oleh masalah teknikal yang dikenakan ini. Jadi kita mengharapkan dalam tempoh yang terdekat ini, hal ini akan diselesaikan termasuklah kalau sekiranya perlu ada sedikit pindaan terhadap akta yang sedia ada. Terima kasih.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Saya setuju Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Terima kasih. Sebab Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, negara sangat memerlukan tenaga pakar ini, tetapi disebabkan oleh masalah teknikal yang begitu memanjang, kita menafikan hak-hak mereka yang telah pun menamatkan kursus-kursus yang mereka hadiri. Kursus-kursus sebagai

doktor pakar dan ini sebenarnya merugikan negara. Oleh yang demikian, kerajaan bertegas supaya masalah ini diselesaikan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi pihak kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, perhatian dan sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap usaha-usaha kita untuk memartabatkan pendidikan tinggi negara. Sudah pasti segala pandangan dan saranan, pengamatan yang dikongsikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator sekalian akan diambil perhatian serius oleh KPT demi penambahbaikan dan demi negara yang tercinta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...  
**[Tepuk]**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey, terima kasih Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi. Satu gulungan yang amat bagus dan jelas.

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar:** Tak bolehkah? Tuan Yang di-Pertua, boleh benarkan saya untuk bertanya?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Sudah habis. Sudah habis...  
**[Ketawa]**

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar:** Tak boleh dah?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Tak boleh, tak boleh...  
**[Ketawa]** Menteri dah duduk.. **[Ketawa]**

Okey, sekarang saya menjemput Menteri Kementerian Pendidikan. Menteri dengan Timbalan ada.

**PETIKAN HANSARD  
SESI PENGGULUNGAN  
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2023**

**BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA**

**OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**2 APRIL 2024 (SELASA)**

---

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Syukur alhamdulillah saya panjatkan ke hadrat Allah SWT atas perbahasan yang dapat dilaksanakan pada kali ini dan saya ucapkan terima kasih kepada seramai 18 Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya difahamkan ini adalah jumlah yang paling ramai terlibat dalam membahaskan AUKU ini...*[Tepuk]*

Ada yang bertanya sama ada ia kerana AUKU ataupun kerana yang akan menyampaikan penggulungan itu sendiri yang menjadi tarikan untuk kita bahaskan. Tetapi saya percaya bahawa isu AUKU ini adalah sebenarnya isu yang sangat dekat di hati kita sekalian.

Saya jelaskan juga dalam Dewan Rakyat yang lalu bahawa bukan hanya Tuan Haji- kalau dalam konteks kita dalam Dewan ini pula, bukan hanya dalam konteks Tuan Haji Hussin sahaja yang terlibat, yang terkena kesan daripada AUKU itu. Saya juga adalah mantan pimpinan pelajar di universiti yang juga terkesan daripada AUKU ini.

Baik, saya akan perjelaskan antara zaman idealisme kita pada waktu itu dan dengan realiti yang ada sebenarnya dalam konteks AUKU ini. Penyertaan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dalam perbahasan kali ini menunjukkan komitmen dan keprihatinan kita sekalian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, matlamat utama pindaan rang undang-undang ini adalah untuk memugar budaya berorganisasi dan menyegarkan gerakan pelajar. Ini merupakan satu usaha progresif Kerajaan Madani ke arah melahirkan mahasiswa dan pelajar yang berupaya mengurus kedewasaan dan kematangan diri. Ia bukan merupakan satu perkara ataupun harapan palsu seperti diungkapkan tadi. Ia benarbenar merupakan satu komitmen daripada kerajaan untuk kita merubah daripada segi kehidupan dan kebebasan mahasiswa kita.

Rang undang-undang in juga merupakan harapan daripada pelajar sendiri yang ingin melihat perubahan dan landskap pengurusan organisasi pelajar. Suka saya tegaskan bahawa pindaan ini buka dibuat secara sepihak. Bukan hanya disyorkan oleh pihak kerajaan tanpa melibatkan pihak-pihak yang lain khususnya di kalangan mahasiswa atau pelajar kita. Ia adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk merealisasikan harapan tersebut dengan ditandai perubahan-perubahan yang ada di sekeliling kita.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1971 sehingga kini, AUKU telah melalui tujuh fasa pindaan. Sekalipun sebahagian besar daripada peruntukkan AUKU ini menumpu- ini bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Senator Tuan Haji Hussin tadi iaitu ia mahukan supaya AUKU ini dihapuskan tetapi realitinya begini ya. AUKU ini menumpu kepada aspek takbir urus universiti awam dan hanya 16 peratus sahaja atau tujuh seksyen daripada keseluruhan 44 seksyen yang menggariskan perkara yang melibatkan pelajar.

Kerajaan tetap komited untuk melakukan anjakan bagi mengangkat martabat pelajar kita. Dalam erti kata yang lain, kita melihat kekangan-kekangan itu. Maka, kita perlu melakukan perubahan-perubahan yang diperlukan dalam konteks masa kini. Saya juga telah menyebutkan dalam pertemuan saya dengan *select committee* baru-baru ini tentang hasrat kita. Kalau ditanya pada saya secara peribadi bahawa saya ingin melihat supaya ada dua akta yang berbeza. Satu yang menumpu kepada pelajar mahasiswa dan satu lagi yang menumpukan kepada aspek organisasi kerajaan kerana itulah yang sebaik-baiknya dalam

konteks pengurusan universiti dan juga dalam konteks kebebasan mahasiswa kita.

Saya terus menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk Senator Datuk Seri Mujahid tadi antara lain beliau *quote* Shakespeare-nya, dengan Hamlet soliloquy-nya, dengan menyebut tentang, “*To be or not to be*”, *tetapi yang pastinya to be. It’s very important. That is the question* yang dalam-siapa yang membaca Hamlet itu dia kata, “*Whether there is nobler in mind of suffers are the slings and arrows of outrageous fortune.*”

Jadi, itu siapa yang membaca Hamlet itu dia tahulah apa yang dimaksudkan, tetapi yang pastinya ialah apa yang kita hendak lakukan adalah sesuatu yang berbentuk pasti, yang bukan *uncertainty*. Yang kita tidak tahu ke mana kita hendak bawa. Apa yang kita lakukan ini adalah berdasarkan kepada kepastian. Kita tahu bahawa stakeholders kita dengan izin, yang mahukan perubahan-perubahan kita lakukan. Lantaran itulah dengan hujah-hujah yang disampaikan oleh mereka kepada pihak kerajaan maka kita lakukan perubahan yang ada pada kali ini.

Meskipun kita merasakan bahawa ia mungkin tidak sempurna dari beberapa aspeknya, tetapi ia merupakan satu *journey yang not uncertain because you have to begin* dengan izin, daripada *uncertainty to certainty* kerana ia merupakan satu perjalanan. Sebab itulah kita lihat bagaimana tujuh perubahan dilakukan semenjak ia dilaksanakan dan termasuk pada kali ini kali ke-8 kita lakukan dan pastinya untuk pada masa hadapan akan ada lagi perubahan-perubahan yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan bagi menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain termasuklah daripada- kalau satu persatu, saya tak perlu sebut setiap orang. Antaranya daripada Dr. Lingesh selain daripada Dr. Mujahid, Dato’ Sivaraj, Tuan Musoddak dan lain-lain.

Antara perkara yg dibangkitkan termasuklah ketiadaan wakil pelajar dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar. Saya ingin menjelaskan bahawa cadangan untuk menambah keahlian wakil pelajar ke dalam tatatertib pelajar adalah suatu usaha yang murni. Namun, apabila diteliti dengan lebih lanjut cadangan ini bercanggah dengan prinsip keahlian jawatankuasa iaitu individu berpengalaman, individu yang lebih tinggi kategori daripada individu yang akan dituduh, individu bebas daripada sebarang kategori kelas yang akan dihakimi.

Justeru, berdasarkan prinsip atas penglibatan pelajar dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar adalah tidak sesuai atas faktor pelajar merupakan pihak yang dikawal selia dan mempunyai kepentingan dalam kes tatatertib yang dibicarakan. Dengan itu, prinsip pengasingan kuasa harus dikekalkan agar tiada konflik yang timbul antara pelajar atau mahasiswa atau kumpulan pelajar lain. Terdapat juga Ahli Yang Berhormat...

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Satu saat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak bukan, saya tidak bagi mencelah. Saya yang tak bagi kerana YB Menteri Tenaga tengah menunggu.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Ya, baik.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Di luar Dewan boleh tanya Menteri.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Kita akan ambil perhatian apa yang disyorkan nanti. Terdapat juga Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya keahlian Jawatankuasa Tatatertib Pelajar ini perlu terdiri daripada individu yang mempunyai latar belakang undang-undang dan kuota ini keahlian semasa Jawatankuasa Tatatertib Pelajar terdiri daripada wakil jabatan undang-undang universiti. Dengan itu, keperluan untuk menamakan syarat atau kriteria keahlian yang

mempunyai latar belakang undang-undang tidak lagi berbangkit kerana penglibatan jabatan undang-undang universiti adalah nyata dan termasuk dalam takrifan pekerja universiti.

Berdasarkan kepada ketetapan ini, setiap syor yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Akan disemak dan dipastikan bahawa syor berkenaan adalah teratur serta tidak bercanggah dengan peruntukan kaedah-kaedah tatatertib pelajar universiti yang dibuat menurut seksyen 16C akta ini dan undang-undang bertulis yang lain.

Untuk makluman, kes tatatertib pelajar universiti secara amnya dipecahkan kepada dua kategori seperti berikut. Sebanyak 55 peratus terdiri daripada kesalahan akademik manakala 45 peratus merupakan kesalahan am. Akta ini melalui seksyen 16B juga memperuntukkan prosedur rayuan tatatertib pelajar yang memberikan peluang kepada pelajar merayu keputusan yang telah dibuat.

Tentang peraturan kewangan termasuklah dibangkitkan oleh Dr. Azhar, Dato' Sivaraj, Dr. Mujahid, Tuan Mohd Hasbie dan Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan, berhubung dengan pertanyaan sama ada peraturan berkait dengan peraturan kewangan ini, saya suka menyatakan bahawa peraturan yang diwujudkan ini ialah sebagai panduan dan rujukan kepada MPP dan pemegang jawatannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan ini bukan merupakan satu bentuk sekatan sebaliknya perkara yang menerangkan sesuatu perkara serta mendidik pelajar dalam mengurus kewangan MPP dan persatuan mereka kelak.

Para pelajar sewajarnya diberikan panduan menerusi peraturan-peraturan yang dibangunkan oleh lembaga bagi memastikan pengurusan kewangan yang teratur serta telus dan mengikut tatacara yang betul. Peraturan pengurusan kewangan pelajar terbahagi kepada dua iaitu pengurusan dana dalam dan pengurusan dana luar untuk memandu pelajar dalam mengurus aktiviti-aktiviti dan kewangan program supaya mematuhi standard pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa. Tiga perkara yang menjadi fokus utama iaitu

pengurusan kewangan, pengurusan kebajikan dan penjanaan pendapatan oleh MPP dan badan pelajar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, seksyen 48(11A) merujuk kepada kumpulan wang MPP akaun amanah yang diurus dan disenggarakan oleh MPP tertakluk kepada peraturan kewangan universiti kerana dana tersebut berada di bawah pengawasan universiti yang tertakluk kepada auditan oleh Jabatan Audit Negara. Manakala subseksyen 48(11B) merujuk kepada kumpulan wang MPP yang diurus dan disenggarakan sepenuhnya oleh MPP. MPP dibenarkan membuka dan mengurus akaun bank mereka sendiri berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang telah dibangunkan secara bersama pihak MPP dan pengurusan universiti.

Keputusan ini hasil daripada sesi libat urus dengan Majlis Perwakilan Pelajar sendiri. MPP dan badan pelajar dibenarkan untuk membuka akaun dengan mana-mana institusi kewangan berlesen tempatan yang diluluskan oleh Bank Negara. Dalam memastikan autonomi kewangan yang diberikan kepada MPP dan badan pelajar dalam pindaan AUKU ini, peraturan pengurusan kewangan pelajar telah dibangunkan dengan mengambil kira pandangan kolektif daripada pengurusan universiti dan MPP dari semua universiti yang terlibat. Dalam erti kata yang lain kita libatkan mereka sekali dalam perbincangan itu.

Malah, pengurusan kewangan MPP dan badan pelajar akan diaudit oleh individu atau firma yang bertauliah bagi memastikan pengurusan kewangan MPP dan badan pelajar telus, berintegriti dan berwibawa untuk mengangkat mahasiswa menjadi pemimpin yang berkualiti. Setiap akaun sama ada dana dalaman atau luar akan menjalani proses pengauditan bagi suatu tempoh tahun kewangan. Proses pengauditan yang dilaksanakan ini dapat menghindar penyelewengan dan penyalahgunaan termasuklah daripada sumber-sumber yang tidak sah yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Sekiranya terdapat salah laku dalam pengurusan kewangan, proses tatatertib akan dilaksanakan seperti peraturan yang berkuat kuasa.

Berkaitan dengan bantuan dana kepada MPP, ini juga yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. MPP yang dipilih merupakan wakil pelajar dalam semua jawatankuasa terkait dengan pelajar universiti. Justeru, sebagai wakil rasmi pelajar yang diberikan kuasa oleh akta ini, MPP layak diberikan geran dana melalui yuran aktiviti pelajar bagi menggerakkan aktiviti dan pembangunan pelajar.

Sebagai contoh, MPP terlibat sebagai jawatankuasa induk minggu orientasi pelajar baru. Mereka akan menjaga kebajikan, menyampaikan informasi dan menyusun pergerakan pelajar bagi setiap aktiviti yang berkaitan akademik, kehidupan di kampus dan semua hal ehwal pelajar. Untuk itu, universiti akan memberikan latihan kepada MPP melalui sesi permukiman MPP yang meliputi latihan berorganisasi. Di samping itu, pegawai hal ehwal pelajar dan penasihat kewangan di jabatan bendahari akan ditugaskan untuk membantu MPP.

Bagi hal yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berkaitan dengan lantikan MPP oleh lembaga. Subseksyen 48(4A) adalah berkaitan dengan kuasa Lembaga dalam menentukan tempoh pemegangan jawatan MPP sama ada untuk memanjang atau memendekkan tempoh tersebut. Justifikasi pindaan adalah disebabkan perkara berikut.

Pertama, berdasarkan pengalaman semasa pandemik COVID-19, kementerian mencadangkan supaya subseksyen 48(4A) dimasukkan bagi membolehkan pihak berkuasa universiti iaitu lembaga mempunyai kuasa jelas untuk melanjutkan tempoh pemegangan jawatan MPP apabila pilihan raya kampus tidak dapat dilaksanakan pada masa tersebut.

Kedua, selain itu kemasukan subseksyen 48(4A) membolehkan Lembaga menguruskan tempoh pelantikan MPP dalam tempoh peralihan iaitu antara selepas tamat tempoh lantikan sehingga pilihan raya kampus diadakan. Ini bagi mengelakkan wujudnya kelompangan dalam pentadbiran MPP sepanjang tempoh peralihan tersebut. Justeru, subseksyen 48(4A) dibuat untuk memastikan sekiranya terdapat situasi

luar jangka pada masa hadapan seperti pandemik, darurat atau bencana besar yang menyebabkan pilihan raya kampus tidak boleh diadakan, Lembaga Pengarah Universiti boleh menguruskannya berdasarkan situasi berkenaan bersandarkan kepada kalender akademik.

Hasrat-hasrat kementerian adalah untuk memasukkan peruntukan pelanjutan sahaja. Namun, perkataan melanjutkan sahaja tidak mencerminkan konsep keseimbangan kerana lembaga boleh melanjutkan tanpa ada sebarang kuasa yang jelas untuk mengurangkan. Seperti yang telah dimaklumkan dalam teks bacaan sebentar tadi, pindaan ini juga bagi membolehkan lembaga menguruskan tempoh pelantikan MPP dalam tempoh peralihan apabila seksyen 48(4) dikuatkuasakan kelak.

Dalam hubungan ini, peralihan kepada kalender akademik seperti penganjuran pilihan raya kampus dapat diselaraskan antara universiti awam. Kementerian menegaskan bahawa Lembaga tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan peruntukan subseksyen 48(4A) kerana ia hendaklah disandarkan kepada kalender akademik.

Hanya relevan dalam keadaan tertentu apabila benar-benar diperlukan, berdasarkan justifikasi yang kukuh dan tertakluk kepada peraturan tertentu. Memandangkan pemilihan seseorang Ahli MPP adalah dibuat melalui kuasa mengundi atau voting power, dengan izin, para pelajar di universiti itu sendiri dan bukannya melalui pihak lembaga.

Kementerian juga menarik perhatian bahawa lembaga adalah terdiri daripada beberapa orang individu berpengalaman daripada latar belakang komposisi yang berbeza seperti mana yang dijelaskan dalam seksyen 13, Jadual Pertama AUKU. Komposisi tersebut antara lain merangkumi tiga orang wakil swasta, seorang wakil alumni. Ada seorang wakil alumni. Seorang wakil masyarakat dan seorang yang pada pendapat Menteri mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu lembaga serta dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam mewakili KPT dan MOF.

Dalam hal ini, sudah pasti keputusan lembaga adalah merupakan satu keputusan secara kolektif berasaskan kebijaksanaan dan kesetaraan setelah dibahaskan dalam Mesyuarat Lembaga bagi memastikan keadilan pelajar terus terpelihara. Bagi persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang di peringkat Dewan Negara yang telah mengadakan dua sesi.

Terima kasih Pengerusinya yang begitu aktif sekali. Dua sesi libat urus mengenai rang undang-undang ini pada 13 Mac dan juga 26 Mac dan ini saya difahamkan merupakan sejarah dalam Dewan Negara ini apabila jawatankuasa ini mula melaksanakan tugas dan peranan mereka.

Semasa kedua-dua sesi berkenaan, jawatankuasa telah membangkitkan mengenai seksyen 48(4A) yang dikatakan memberi kuasa mutlak pada Lembaga Pengarah Universiti untuk melanjutkan atau mengurangkan tempoh pelantikan MPP tanpa di gariskan alasan atau kriteria bagi pemendekan atau pelanjutan dalam RUU ini.

Oleh yang demikian, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jawatankuasa ini telah mengeluarkan syor penambahbaikan melalui Penyata Jawatankuasa yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara pada 27 Mac 2024 lalu. Mengambil kira syor yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini, saya telah mengarahkan supaya satu peraturan khas menurut seksyen 24E AUKU dibangunkan bagi memperincikan perjalanan kuasa Lembaga di bawah subseksyen 48(4A) ini. Terima kasih jawatankuasa.

Dalam hubungan ini, sebuah bengkel telah diadakan pada 30 hingga 31 Mac 2024 yang lalu, yang melibatkan wakil daripada Majlis Penasihat Undang-undang Universiti Awam, Majlis Bendahari Universiti Awam, wakil daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti serta wakil Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Awam. Alhamdulillah, melalui bengkel ini, kementerian berjaya membangunkan

draf peraturan dan seterusnya telah mengadakan libat urus bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Awam iaitu Yang Dipertua atau Bendahari MPP yang hadir pada 31 Mac yang lalu. Pandangan daripada Majlis Perwakilan Pelajar, mereka datang bersama semasa sesi libat urus berkenaan, telah diambil kira dan akan dimasukkan dalam peraturan ini.

Insya-Allah, peraturan ini akan digazetkan untuk kebaikan semua pihak berkepentingan. Mungkin ada juga bertanya, kenapakah libat urus bagi perkara ini tidak melibatkan badan pelajar atau kumpulan pelajar lain? Saya ingin tekankan bahawa MPP merupakan wakil rasmi pelajar yang dipilih melalui pilihan raya kampus. Justeru, adalah bertepatan sekiranya kementerian mengadakan libat urus bersama wakil rasmi pelajar ini berbanding dengan semua kumpulan pelajar.

Walau bagaimanapun, semasa sesi penggubalan rang undang-undang ini, kementerian telah menganjurkan sesi townhall yang melibatkan semua kepimpinan pelajar di pelbagai peringkat pengurusan universiti dan juga pimpinan masyarakat. Sesi townhall ini telah diadakan pada 6 April 2023 yang lalu. Justeru, sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas RUU ini, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang ini dalam memastikan RUU ini dapat merealisasikan agenda pemerkasaan mahasiswa, seterusnya berjaya melakar sejarah dalam menjayakan pindaan akta ini.

Sebagai komitmen, suatu peraturan mengenai perjalanan kuasa lembaga di bawah seksyen 48(4A) akan diperkenalkan menurut seksyen 24E, Akta Ibu. Peraturan ini akan memperincikan kriteria dan syarat pemendekan dan pelanjutan tempoh pelantikan MPP. Selain itu, prosedur rayuan bagi kes berkaitan tempoh pemegang jawatan MPP akan dimasukkan bagi memberikan ruang dan peluang kepada pelajar yang terkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, perhatian dan sokongan berterusan oleh Ahli-ahli

Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk memartabatkan pendidikan tinggi. Setiap cadangan dan pandangan yang dizahirkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, meskipun saya tidak mempunyai kesempatan untuk menjawab keseluruhan persoalan yang dibangkitkan, tetapi nescaya kami akan mengambil semua pandangan itu untuk terus memperbaiki kaedah-kaedah dan sistem bagaimana kita mengurus kedudukan pelajar-pelajar kita, mahasiswa-mahasiswa kita di universiti.

Sudah pasti segala pandangan dan saranan dan pengamatan yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya susuli dengan ucapan terima kasih. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua, yang begitu sabar memberikan masa kepada saya untuk menggulung. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undangundang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Ts. Mustapha Sakmud) dan diluluskan]*

**MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**[22 JULAI HINGGA 1 OGOS 2024]**

# ATURAN URUSAN MESYUARAT

## DEWAN NEGARA

### MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

22 JULAI HINGGA 1 OGOS 2024

#### PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

[22 JULAI 2024 (ISNIN) – 25 JULAI 2024 (KHAMIS)]

#### 22 JULAI 2024 (ISNIN) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	106	<p>PN-1532-L11912</p> <p><b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) apakah rancangan masa depan Kementerian dalam memastikan kesinambungan dan peningkatan baharu di dalam kualiti pendidikan tinggi sepertimana yang diungkapkan oleh YB Menteri iaitu dengan mengambil kira wahana <i>human transformer, culture binder, techno-centric</i> dan bercirikan <i>excellence with a soul</i> memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) akan tamat pada tahun hadapan; dan</p> <p>(b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah keciciran minat dalam pengajian tinggi dan masalah kebolehpasaran graduan.</p>

**23 JULAI 2024 (SELASA) - 10 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	6	PN-1532-L12073 <b>Senator Tuan Robert Lau Hui Yew</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani masalah kekurangan jururawat yang kronik dan membenarkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) untuk menawarkan kursus kejururawatan.
2.	11	PN-1532-L12153 <b>Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah statistik pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan sejauh manakah prestasi keupayaan pelaburan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam menjadikan SSPN sebagai sumber pembiayaan utama pendidikan tinggi negara.
3.	19	PN-1532-L11458 <b>Senator Tuan Pele Peter Tinggom</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kerajaan mempunyai dasar jangka panjang untuk memberi pendidikan tinggi secara percuma seperti yang akan dilaksanakan di Sarawak pada tahun 2026 dan negara-negara maju yang lain.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
4.	28	<p>PN-1532-L11913</p> <p><b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) strategi dan langkah-langkah Kementerian secara terperinci atas platform ASEAN dengan mengambil kira langkah dasar luar Amerika Syarikat dan China serta minat penyertaan Malaysia di dalam gabungan BRICS baru-baru ini dalam usaha meningkatkan pendidikan tinggi negara untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia; dan</p> <p>(b) apakah langkah terkini untuk memastikan Malaysia menjadi hab pendidikan serantau dan antarabangsa.</p>
5.	36	<p>PN-1532-L11767</p> <p><b>Senator Tuan Abun Sui Anyit</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) berapakah jumlah pinjaman yang diberikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada seseorang pelajar yang mengikut taraf pengajian terkini; dan</p> <p>(b) adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah pinjaman ini daripada jumlah sedia ada kepada jumlah yang lebih tinggi dalam waktu terdekat.</p>
6.	48	<p>PN-1532-L11842</p> <p><b>Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan perkembangan status permohonan untuk mewujudkan sebuah Kolej Komuniti di Parlimen Tebrau.</p>

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
7.	52	PN-1532-L11596 <b>Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah pelan tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani kemerosotan pengambilan pelajar dalam bidang Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM).
8.	63	PN-1532-L12205 <b>Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah terkini siswazah dalam bidang Teaching English as a Second Language (TESL) di IPTA dan bilangan yang masih belum mendapat penempatan perguruan.
9.	68	PN-1532-L12295 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan strategi memadukan kursus akademik dalam bentuk program Ijazah Bersama (Joint Degree), Ijazah Dual (Dual Degree) dan dwijazah (Double Degree) untuk memastikan kesepaduan ilmu dan kebolehpasaran siswazah IPT di negara ini.
10.	99	PN-1532-L12193 <b>Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pelajar ijazah pertama di universiti-universiti awam dalam negara yang gagal menamatkan pengajian (terkandas) serta apakah usaha Kementerian untuk membantu mereka.

**24 JULAI 2024 (RABU) - 7 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	22	PN-1532-L12174 <b>Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan usaha pihak Kerajaan dalam memperkenalkan Biasiswa B40 bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
2.	30	PN-1532-L11916 <b>Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah status pelaksanaan projek bekalan air untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggunakan peruntukan RM3 juta daripada YAB Perdana Menteri.
3.	46	PN-1532-L11542 <b>Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan berapakah kadar pengangguran graduan lepasan ijazah terkini dan apakah inisiatif yang sedang di laksanakan untuk menambah kemahiran dan kebolehpasaran para graduan.
4.	67	PN-1532-L12296 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah yang diambil bagi mewajibkan pengambilan kursus-kursus di universiti dapat memupuk penghayatan asas-asas kenegaraan dan memastikan pencapaian tahap "kemenjadian" dalam kalangan mahasiswa.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
5.	78	PN-1532-L12134 <b>Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan status Latihan Kepakaran Laluan Selari untuk Sarjana Perubatan Kardiorasik. Apakah perancangan Kerajaan untuk meluaskan kursus pengajian kepakaran bidang kardiorasik dengan kerjasama pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara selain Universiti Teknologi MARA (UiTM).
6.	86	PN-1532-L11914 <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengintegrasikan pelbagai universiti dalam negara di bawah satu platform atau ekosistem yang dapat mempromosikan keunggulan pendidikan tinggi negara secara holistik, komprehensif dan menyeluruh di arena global di samping meningkatkan kolaborasi strategik di antara universiti-universiti di Malaysia seperti yang diamalkan oleh United Kingdom dan Amerika Syarikat.
7.	98	PN-1532-L11609 <b>Senator Tuan Michael Mujah Lihan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan cadangan penambahan bagi bilangan Kolej Komuniti di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak untuk melahirkan sumber tenaga modal insan berkemahiran tinggi, berpengetahuan, dan bersahsiah. Contohnya di Belaga dan Baram untuk mengurangkan pengangguran lepasan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tercicir.

**25 JULAI 2024 (KHAMIS) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	10	PN-1532-L12297 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah drastik Kementerian terhadap keperluan ahli-ahli akademik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam menggali ilmu "kearifan watan" seperti etnosains, etnoteknologi dan etnoperubatan untuk memastikan ilmu-ilmu warisan itu tidak sirna, dan sebaliknya dipadukan dengan ilmu-ilmu moden, khususnya yang diambil daripada tradisi ilmu Barat.
2.	22	PN-1532-L11917 <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah proaktif Kementerian untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan badan-badan profesional negara bagi menyesuaikan polisi sedia ada seperti syarat layak kemasukan bertaraf global agar negara tidak ketinggalan, contohnya membenarkan syarat kelayakan alternatif untuk pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pendidikan tinggi dalam negara tetapi tidak mempunyai minat untuk meneruskan amalan kerjaya profesional di Malaysia.
3.	45	PN-1532-L12268 <b>Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan kewajaran pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 dalam mengangkat martabat pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa dan bagaimanakah Kerajaan-kerajaan negeri boleh berperanan secara langsung dan proaktif ke arah menjayakan pelan pembangunan tersebut.

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA**  
**[29 JULAI 2024 (ISNIN) – 1 OGOS 2024 (KHAMIS)]**

**29 JULAI 2024 (ISNIN) - 6 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	16	PN-1532-L12305 <b>Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sejauh manakah perkembangan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) di bawah Politeknik Ungku Omar (PUO) dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf PUO sebagai sebuah universiti awam. Sekiranya ada, apakah status usaha tersebut.
2.	17	PN-1532-L11810 <b>Senator Datuk Razali bin Idris</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan penyediaan jumlah pelajar dan institusi pengajian tinggi bagi pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan sektor pelancongan selaras dengan Dasar TVET Negara yang memfokuskan TVET sebagai pilihan utama kerjaya dengan kerjasama industri cepak dan produktif.
3.	31	PN-1532-L12094 <b>Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-  (a) strategi untuk mempertahankan dan meningkatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi pilihan pelajar antarabangsa dengan sokongan JPT, MQA dan EMGS; dan  (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merancang dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa serta memastikan kualiti pendidikan dan ekosistem pendidikan yang berdaya saing.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
4.	37	PN-1532-L12298 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan status penubuhan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Jawaharlal Nehru di New Delhi, India yang diserahkan urusan pengendaliannya kepada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2022.
5.	74	PN-1532-L11922 <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sejauh manakah polisi yang dirangka Kementerian melalui analisa <i>data-based decision making</i> yang terkini seperti memberi pinjaman PTPTN untuk program-program pendidikan yang dapat menjana pekerjaan dan mengikut keperluan industri semasa.
6.	86	PN-1532-L12228 <b>Senator Dato' Haji Husain bin Awang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah proaktif Kerajaan bagi mewujudkan kolaborasi antara pihak industri dan akademia agar ekosistem serta pasaran buruh negara memberi ruang kepada lepasan graduan untuk menikmati peluang pekerjaan seiring dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 - 2025.

**30 JULAI 2024 (SELASA) - 4 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	31	PN-1532-L12095 <b>Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah tawaran penerimaan ke universiti bagi pelajar India setelah menamatkan SPM dan STPM untuk sesi 2024.
2.	90	PN-1532-L12299 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan laporan terkini institusi atau negara asing yang wajar dijadikan pilihan untuk penubuhan Kursi Pengajian Melayu.
3.	100	PN-1532-L12330 <b>Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah terdapat garis panduan yang terperinci untuk para universiti melantik lembaga pengarah atau pakar pusat seperti isu baru-baru ini yang menimbulkan kemarahan para pelajar di Universiti Malaya (UM).
4.	104	PN-1532-L12044 <b>Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan siasatan terkini tentang isu seorang pensyarah iaitu Datuk Dr. Zainuddin Wazir merupakan pakar pembedahan kardiotorasik yang telah diisytiharkan muflis tetapi dilantik oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Adakah gaji dan imbuhan yang telah diterima oleh pensyarah tersebut diserahkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia.

### 31 JULAI 2024 (RABU) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	12	PN-1532-L12301 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah strategik susulan yang diambil untuk manfaat negara daripada perkembangan wujudnya 17 buah institusi pendidikan tinggi di Republik Rakyat China yang menawarkan kursus peringkat ijazah, diploma dan kursus elektif dalam bidang bahasa/pengajian Melayu.
2.	99	PN-1532-L12289 <b>Senator Datuk Bobbey Bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mempertimbangkan penambahan peruntukan dalam menangani isu krisis air di Universiti Malaysia Sabah (UMS) memandangkan kapasiti air yang dihasilkan dari projek sedia ada masih tidak dapat menampung keperluan semasa warga Universiti.

### 1 OGOS 2024 (RABU) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	14	PN-1532-L11698 <b>Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan usaha yang dilakukan oleh universiti tempatan untuk memperbaharui kursus-kursus sedia ada dengan kemahiran <i>Artificial Intelligence</i> (AI) dan mengembangkan kursus baru dalam bidang AI dan bagaimanakah Kementerian sedang memantau usaha tersebut supaya ia tidak bertindih dan graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan pasaran.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
2.	59	PN-1532-L12307 <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kerajaan merancang penubuhan cawangan universiti negara ini di negara yang terpilih untuk tujuan pengantarabangsaan.
3.	73	PN-1532-L11443 <b>Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah peranan dan sumbangan Institusi Pendidikan Tinggi Kerajaan dan Swasta bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi di Malaysia.

## PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

### 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	16.	PN-1532-T02074 <b>Senator Dato' Sri Ti Lian Ker</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan status pelaksanaan e-baucar buku yang dibuka bagi fasa pertama pada Mei 2024 dan apakah penambahbaikan mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam fasa seterusnya.
2.	45.	PN-1532-T02103 <b>Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-  (a) jumlah statistik bagi permohonan, tawaran yang dikeluarkan dan kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut kaum dan markah merit pada tahun terkini; dan  (b) pelan tindakan Kementerian untuk menyemak semula Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar (UPUOnline).
3.	85.	PN-1532-T02145 <b>Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan berapakah orang yang memohon dan ditawarkan program-program sarjana dalam bidang perubatan di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) mengikut pecahan etnik bagi 5 tahun kebelakangan ini.
4.	122.	PN-1532-T02182 <b>Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah benar graduan universiti di negara ini telah merosot dan apakah punca kemerosotan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI PERTANYAAN LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 22 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 106**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

- (a) apakah rancangan masa depan Kementerian dalam memastikan kesinambungan dan peningkatan baharu di dalam kualiti pendidikan tinggi sepertimana yang diungkapkan oleh YB Menteri iaitu dengan mengambil kira wahana *human transformer, culture binder, techno-centric* dan bercirikan *excellence with a soul* memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) akan tamat pada tahun hadapan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah keciciran minat dalam pengajian tinggi dan masalah kebolehpasaran graduan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

### **(a)**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang merangka dokumen hala tuju pendidikan tinggi yang baharu iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) untuk tempoh 2026-2035. Dokumen ini akan mencorakkan hala tuju pendidikan tinggi negara bagi tempoh 10 tahun akan datang.
2. Dalam usaha membangunkan dokumen ini, KPT telah melantik Kumpulan Pakar dibantu oleh pasukan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Malah dua (2) peringkat jawatankuasa pemantauan khas telah ditubuhkan bagi memantau kemajuan penghasilan dokumen ini iaitu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT dan Jawatankuasa Penasihat yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi.
3. Penglibatan jawatankuasa ini amat signifikan dalam pembangunan PPPTM 2026-2035 agar selari dengan aspirasi nasional dan perubahan landskap global semasa.
4. KPT juga akan melaksanakan sesi libat urus dengan pemegang taruh dan kumpulan sasaran bagi mengumpul maklumat dan pandangan semua pihak supaya dokumen yang dibangunkan adalah menyeluruh dan inklusif. Pada masa ini, satu Tinjauan Nasional sedang berlangsung bagi mendapatkan maklum balas awam yang ingin menyumbang dalam penghasilan PPPTM 2026-2035.

### **(b)**

5. Dalam hal berkaitan keciciran, KPT sentiasa peka dan komited dalam mendepani isu ini. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk menarik minat pelajar menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Promosi kemasukan pelajar ke Institusi

Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seluruh Malaysia terus dipergiat saban tahun.

6. Berkaitan kebolehpasaran graduan pula, KPT sentiasa mengambil langkah proaktif melalui pelbagai inisiatif yang bermatlamat. Selain itu, KPT turut memberi perhatian kepada *soft skills* pelajar seperti pemikiran kritikal dan analitikal, kemahiran penyelesaian masalah, dan komunikasi berkesan yang menjadi elemen penting kepada graduan sebagai persediaan bagi transisi ke pasaran pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI YEW**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 6**

**SOALAN**

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani masalah kekurangan jururawat yang kronik dan membenarkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) untuk menawarkan kursus kejururawatan.

**JAWAPAN**

Datuk Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum mengenai isu kekurangan jururawat berdaftar di negara dan telah mempertimbangkan untuk membenar lebih banyak institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) menawarkan kursus kejururawatan.
2. Susulan itu, setelah melalui beberapa siri perbincangan dengan pihak KKM, KPT pada 5 Julai 2024 telah membentangkan Nota Jemaah Menteri berhubung keputusan untuk menamatkan moratorium penawaran kursus pengajian baharu kejururawatan peringkat diploma di IPTS berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2024.

3. Penamatan moratorium ini dilaksanakan bagi memberi laluan kepada peningkatan permintaan terhadap kursus pengajian kejururawatan dan turut dipengaruhi beberapa faktor-faktor seperti berikut:
  - i. penurunan jumlah IPTS yang aktif menawarkan kursus pengajian kejururawatan peringkat diploma;
  - ii. penurunan pendaftaran Jururawat Berdaftar dalam kalangan graduan Diploma Kejururawatan IPTS; dan
  - iii. negara bakal mengalami kekurangan Jururawat Berdaftar bagi keperluan jagaan kesihatan dan keperluan populasi pada tahun 2030 sekiranya trend pengambilan pelajar Diploma Kejururawatan di IPTS dan bilangan pendaftaran Jururawat Berdaftar kekal menunjukkan penurunan.
4. Perincian pelaksanaan penamatan moratorium penawaran kursus pengajian baharu kejururawatan peringkat diploma ini akan dimaklumkan melalui satu (1) surat pekeliling yang akan dikeluarkan oleh pihak KPT kepada semua IPTS dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 11**

**SOALAN**

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah statistik pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan sejauh manakah prestasi keupayaan pelaburan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam menjadikan SSPN sebagai sumber pembiayaan utama pendidikan tinggi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim Simpanan Pendidikan Nasional, atau kini dikenali sebagai Simpan SSPN merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang disediakan khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Sejak diperkenalkan, Simpan SSPN telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan setiap tahun. Sehingga **30 Jun 2024**, jumlah keseluruhan deposit Simpan SSPN ialah **RM18.54 bilion** dengan sebanyak **6.4 juta akaun** yang telah dibuka.

2. Sebagai galakan untuk ibu bapa membuat penabungan seterusnya memupuk budaya menabung bagi tujuan pendidikan tinggi, Simpan SSPN menawarkan pelbagai insentif serta kelebihan kepada pendeposit termasuk **dividen tahunan yang kompetitif** berbanding produk simpanan di pasaran, **perlindungan takaful**, serta **pelepasan taksiran cukai** sehingga maksimum RM8,000 setahun ke atas simpanan bersih tahunan pendeposit.
3. Secara purata, jumlah deposit tahunan untuk tiga tahun (2021-2023) adalah sebanyak RM3.17 bilion setahun. Ini jelas menunjukkan kesedaran menabung dalam kalangan ibu bapa telah meningkat.
4. Manakala daripada segi pengeluaran deposit pula, secara purata melebihi 20% daripada pengeluaran bagi tiga tahun terakhir melibatkan akaun untuk anak (penerima manfaat) yang berumur antara 18-24 tahun, iaitu julat umur lazim kemasukan ke IPT. Ini jelas menunjukkan ibu bapa telah mula menggunakan simpanan/ deposit mereka dalam Simpan SSPN bagi tujuan pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak mereka.
5. Untuk makluman juga, bagi tahun 2024, PTPTN telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sembilan bagi program Insentif Kelahiran yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN PELE PETER TINGGOM**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 19**

**SOALAN**

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai dasar jangka panjang untuk memberi pendidikan tinggi secara percuma seperti yang akan dilaksanakan di Sarawak pada tahun 2026 dan negara-negara maju yang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, kerajaan memberi subsidi yang tinggi kepada yuran pendidikan tinggi di Universiti Awam (UA). Dalam hal ini, para pelajar di Universiti Awam hanya perlu membayar yuran pengajian yang sangat berpatutan.
2. Selain daripada subsidi yuran pengajian di UA, terdapat pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi meringankan beban pelajar sama ada secara *one-off* atau sehingga tamat pengajian. Di peringkat universiti juga pelbagai bantuan boleh dimohon oleh pelajar mengikut keperluan mereka khususnya pelajar golongan B40.

3. Antaranya adalah melalui Program SULUNG yang memberi pengecualian yuran pengajian sepenuhnya kepada mahasiswa yang merupakan wakil pertama dari keluarga B40 yang berjaya masuk ke universiti.
4. Selain itu, penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga merupakan salah satu pendekatan Kerajaan untuk memastikan tiada rakyat Malaysia yang dinafikan peluang pendidikan ke peringkat tinggi disebabkan kekangan kewangan, dan pada masa yang sama tidak membebankan Kerajaan serta kemampanan ekosistem pendidikan tinggi negara.
5. Antara inisiatif yang telah diambil oleh PTPTN adalah dengan melalui pemberian pengecualian bayaran balik pinjaman sepenuhnya kepada peminjam PTPTN yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.
6. Di bawah PTPTN, Simpan SSPN juga merupakan instrumen simpanan pendidikan tinggi. Simpan SSPN ini menawarkan pelbagai insentif termasuk dividen tahunan, perlindungan takaful, serta pelepasan taksiran cukai kepada pendeposit dalam usaha menyemarakkan budaya tabungan pendidikan.
7. Amalan dan bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini adalah hampir sama dengan kebanyakan negara yang turut menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa dan pinjaman pendidikan.
8. Berhubung perkara ini, sekiranya Kerajaan bercadang untuk memberikan pendidikan percuma di peringkat pendidikan tinggi, ia memerlukan jumlah pelaburan yang besar dan perubahan dalam dasar Kerajaan yang signifikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 28**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) strategi dan langkah-langkah Kementerian secara terperinci atas platform ASEAN dengan mengambil kira langkah dasar luar Amerika Syarikat dan China serta minat penyertaan Malaysia di dalam gabungan BRICS baru-baru ini dalam usaha meningkatkan pendidikan tinggi negara untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia; dan
- (b) apakah langkah terkini untuk memastikan Malaysia menjadi hab pendidikan serantau dan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk meningkatkan akses kemasukan pelajar antarabangsa ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia dalam mencapai sasaran

250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025 seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

2. Walau bagaimanapun, KPT juga percaya kerjasama multilateral yang wujud seperti ASEAN dapat memperluas capaian dan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan tinggi global yang seterusnya menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia.
3. Untuk makluman, KPT juga sedang memurnikan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024 - 2030 dengan mengambil kira senario semasa dan perubahan landskap pendidikan dunia. Pelbagai sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dan strategi pengantarabangsaan turut dirangkumkan bersama. Pelan tindakan ini akan memberi fokus kepada lima (5) teras utama iaitu tadbir urus dan pelaksanaan, tarikan bakat, pengalaman bakat, pembangunan bakat serta penyelidikan dan pembangunan.
4. Dalam memastikan Malaysia menjadi hab pendidikan serantau dan antarabangsa, KPT telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya adalah:
  - i. KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) sebagai dokumen jaminan kualiti ini yang menjadi rujukan piawaian dan panduan kepada IPT. Ia turut ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa. MQA juga telah memeterai memorandum kerjasama dengan badan-badan jaminan kualiti di pelbagai negara bagi memperkenalkan sistem pendidikan tinggi di Malaysia serta memupuk persefahaman pengiktirafan bersama terhadap kualiti Pendidikan.
  - ii. Menggalakkan kedatangan institusi pendidikan tinggi (IPT) luar negara dan membuka kampus cawangan di negara kita. Sehingga kini, kita mempunyai sebanyak 10 cawangan IPT

dari luar negara yang sedang beroperasi di negara ini. Yang terbaharu adalah pembukaan kampus antarabangsa oleh Tsukuba University dari Jepun. Sebagai makluman, Malaysia adalah negara yang menjadi destinasi pertama di dunia pembukaan universiti Jepun di luar Jepun.

- iii. Pembukaan pembukaan pelbagai kampus cawangan IPTS di luar negara seperti Cawangan MSU melalui kerjasama dengan Internasional Global University (JGU), Jakarta, Management and Science Institute (MSI), Colombo dan International Medical School (IMS), Bangalore dan Binary International University di Urgench City, Uzbekistan.
- iv. Penawaran pelbagai program luar pesisir yang menjadi fokus Universiti Awam (UA) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) bersama European Global School University (EGS), Kampus Cawangan Turki. Malah, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerima sebuah kampus percuma di Qatar tajaan *The Qatar Regional Group*. UKM Kampus Qatar ini menawarkan 4 program pengajian pesisir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 36**

**SOALAN**

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

- (c) berapakah jumlah pinjaman yang diberikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada seseorang pelajar yang mengikut taraf pengajian terkini; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah pinjaman ini daripada jumlah sedia ada kepada jumlah yang lebih tinggi dalam waktu terdekat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara asasnya, jumlah pinjaman pendidikan PTPTN adalah tidak bersandarkan jumlah sebenar yuran pengajian serta keperluan sara hidup peminjam, sebaliknya ia bersifat *pre-determined* mengikut kesesuaian kursus atau program serta jenis IPT peminjam, mengambil kira keperluan untuk menampung sebahagian besar keperluan yuran dan kos sara hidup peminjam.

2. Di bawah polisi semasa, jumlah pinjaman PTPTN ditentukan berdasarkan kriteria berikut:
  - a. Pinjaman maksimum bagi peminjam/ keluarga penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR);
  - b. Pinjaman 75% daripada maksimum bagi peminjam/ keluarga BUKAN penerima STR dan berpendapatan bulanan maksimum RM8,000 sebulan; dan
  - c. Pinjaman 50% daripada maksimum bagi peminjam/ keluarga BUKAN penerima STR dan berpendapatan bulanan melebihi RM8,000 sebulan.
3. Jumlah pinjaman yang akan diterima oleh setiap pelajar adalah tertakluk kepada institusi pendidikannya (IPTA atau IPTS), peringkat pengajian serta kursus yang diikuti oleh pelajar.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan (*revolving fund*) dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat pelajar-pelajar yang akan masuk ke IPT pada masa akan datang. Sekiranya berlaku kekurangan dana kerana bayaran balik yang rendah, PTPTN perlu mendapatkan sumber kewangan tambahan melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan atau melalui pengeluaran Sukuk dengan jaminan Kerajaan.
5. Mengambil kira kedudukan kewangan semasa, cadangan untuk menyediakan peruntukan bagi memperluas kemudahan pembiayaan penuh PTPTN (ataupun meningkatkan jumlah pembiayaan sedia ada) kepada keluarga M40, akan mengakibatkan PTPTN perlu membuat pinjaman atau pengeluaran Sukuk tambahan yang memerlukan jaminan serta subsidi kos tambahan daripada Kerajaan. Keperluan subsidi yang tinggi akan

menyebabkan kebergantungan yang tinggi kepada dana Kerajaan, menjadikan PTPTN tidak mampan untuk tempoh jangka panjang.

6. Sebagai alternatif kepada kebergantungan berterusan masyarakat kepada pinjaman, PTPTN memperkenalkan produk simpanan bagi pendidikan tinggi melalui “Simpan SSPN”. Ibu bapa atau penjaga boleh merancang keperluan pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak pada masa hadapan melalui penabungan awal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' ABDUL HALIM BIN  
SULEIMAN**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 48**

**SOALAN**

**Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan status permohonan untuk mewujudkan sebuah Kolej Komuniti di Parlimen Tebrau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), politeknik dan kolej komuniti.
2. Sehingga Julai 2024, terdapat empat (4) buah politeknik dan lima belas (15) buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di Negeri Johor yang sama ada menawarkan program-program berkaitan TVET mahupun kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).
3. Justeru, pihak Kementerian berpandangan bahawa kewujudan politeknik dan kolej komuniti sedia ada masih mampu membantu melengkapkan ekosistem pendidikan terutama di kawasan Tebrau.

4. Selain itu, asas pembinaan IPT baharu di sesuatu kawasan perlu mengambilkira beberapa faktor seperti kajian kebolehlaksanaan dan kajian pasaran, peruntukan kewangan, perjawatan keajaiban, keperluan industri dan unjuran pasaran tenaga kerja semasa yang diperlukan negara.
5. Penawaran program di IPT juga perlu dikaji dan mengambilkira keperluan *New Industrial Masterplan* (NIMP 2030), *National Energy Transition Roadmap* (NETR) serta dasar-dasar negara baharu yang lain dan disesuaikan dengan pelan pembangunan setempat. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberi peluang dan akses pendidikan yang berkualiti kepada masyarakat setempat dan secara tidak langsung untuk merencanakan serta memberi impak pertumbuhan ekonomi di peringkat negara secara amnya dan di kawasan yang terlibat secara khususnya.
6. Sehubungan dengan itu, kajian keperluan dalam mewujudkan IPT di kawasan parlimen Tebrau perlu dilaksanakan dengan teliti dan menyeluruh dari semua aspek dalam memastikan kewujudan IPT di kawasan tersebut memberi manfaat khususnya kepada rakyat dari aspek pembangunan sosio-ekonomi dan kemampuan pendidikan tinggi amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 52**

**SOALAN**

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani kemerosotan pengambilan pelajar dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Pelan Tindakan *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* KPT menerusi bidang fokus peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran bidang STEM.
2. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk menggalakkan pelajar menyertai bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* adalah:
  - i. Menerusi pelaksanaan inisiatif ***Experiential Learning and Competency Based Landscape (EXCEL)***. Ia merupakan

pelaksanaan beberapa program berkaitan industri di bawah teras *Industry Driven Experiential Learning (IDEAL)* untuk menangani kekurangan dan ketidaksepadanan permintaan dan penawaran graduan daripada IPT. Antara program di bawah inisiatif ini termasuk:

- a) Kursus berasaskan industri, kursus elektif, kursus klinikal, kursus latihan industri, projek semester akhir dan lain-lain;
  - b) *Coop Education*, contohnya program 2u2i yang memerlukan pelajar menghabiskan sehingga 30%-50% masa di industri; dan
  - c) Program *Apprenticeship Degree* yang mana pengambilan dan pementoran dilaksanakan oleh pihak industry, iaitu pelajar akan menghabiskan sehingga 70%-80% masa di industri;
- ii. Pelaksanaan **Inisiatif A2**: Meningkatkan Kualiti Tenaga Pengajar TVET dan Penyampaian Program TVET bermula Tahun 2018 hingga 2022. Program ini telah memanfaatkan tenaga pengajar TVET di empat (4) Universiti Awam iaitu UTHM, UTeM, UMP dan UniMAP.
  - iii. Inisiatif untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan STEM seperti **Structured Industry Apprenticeship Program (SIAP)** khusus bagi bidang "*integrated circuit (IC) design*". Program ini adalah program latihan industri di bawah *Malaysian Investment Development Authority (MIDA)* dan MIMOS Berhad. Program SIAP tertumpu kepada Universiti Awam (UA) yang menawarkan program kejuruteraan elektrik dan elektronik. Beberapa modul kurikulum yang melibatkan input daripada pihak industri telah diperkenalkan dan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan persetujuan UA yang terlibat.

3. KPT sentiasa cakna dan akan terus berusaha untuk menarik minat pelajar dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 63**

**SOALAN**

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah terkini siswazah dalam bidang *Teaching English as a Second Language (TESL)* di IPTA dan bilangan yang masih belum mendapat penempatan perguruan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tahun 2023, jumlah pelajar di Universiti Awam (UA) yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang *Teaching English as a Second Language (TESL)* adalah seramai 4,761 pelajar berbanding tahun sebelumnya, 4,971 pelajar.
2. Jumlah pelajar TESL pada tahun 2023 secara keseluruhannya di peringkat Diploma adalah seramai 4 orang, 631 orang di peringkat Pra Universiti atau Asasi, 3,212 orang di peringkat Ijazah Pertama, 796 orang di peringkat Sarjana, dan 118 pelajar PhD.

3. Selain itu, maklumat yang diterima dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tahun ini sehingga 15 Julai 2024 menunjukkan KPM berjaya menempatkan seramai 490 orang guru baharu Bahasa Inggeris. Penempatan ini adalah berdasarkan kepada keperluan opsyen dan kekosongan jawatan yang terdapat di sekolah di bawah JPN seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 240 orang guru diberi penempatan ke sekolah menengah dan 250 orang guru ke sekolah rendah.
  
4. Sehingga 30 Jun 2024, seramai 2,236 orang graduan TESL sedang berkhidmat dalam perkhidmatan di semua sekolah rendah dan menengah KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 68**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi memadukan kursus akademik dalam bentuk program Ijazah Bersama (Joint Degree), Ijazah Dual (Dual Degree) dan dwiijazah (Double Degree) untuk memastikan kesepaduan ilmu dan kebolehpasaran siswazah IPT di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Demi memastikan kesepaduan ilmu dan kebolehpasaran siswazah melalui program Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan dwiijazah di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia, Kementerian telah mengambil pelbagai langkah, antaranya:
  - i. **Pengintegrasian Kurikulum:** Galakan IPT khususnya Universiti Awam mengintegrasikan kurikulum dari program-program Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan dwiijazah secara menyeluruh. Langkah ini dapat memastikan kualiti pengajaran

dan pembelajaran antara program yang ditawarkan oleh universiti kerjasama memenuhi kehendak industri.

- ii. **Penyelarasan Standard:** pihak Kementerian menyelaras standard program akademik antara universiti-universiti yang terlibat dalam program-program Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan dwijazah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi di mana panel mesyuarat akan mengenal pasti dan menilai kelestarian program akademik yang dicadangkan agar program yang diluluskan di peringkat antarabangsa.
  - iii. **Kerjasama Industri:** Untuk memastikan kebolehpasaran siswazah, kebanyakan program akademik adalah melibatkan elemen praktikal dan latihan industri. UA digalakkan untuk menjalin hubungan strategik dengan industri tempatan dan global dalam menawarkan peluang latihan industri, projek kerjasama, dan pengendalian kerja lapangan.
  - iv. **Pembinaan Kemahiran Lain:** Selain dari aspek akademik, program-program ini juga boleh menekankan pembangunan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kerjasama berpasukan melalui pelaksanaan Mata Pelajaran Umum dan aktiviti kokurikulum.
2. Dengan strategi-strategi ini, pihak Kementerian dapat memastikan bahawa program-program Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan dwijazah tidak hanya memberi kesepaduan ilmu yang baik tetapi juga mempersiapkan siswazah dengan kebolehan dan keupayaan yang relevan untuk memasuki alam kerja yang semakin kompetitif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**

**TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 99**

**SOALAN**

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar ijazah pertama di universiti-universiti awam dalam negara yang gagal menamatkan pengajian (terkandas) serta apakah usaha Kementerian untuk membantu mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data di Kementerian ini, bilangan keseluruhan pelajar yang gagal menamatkan pengajian di Universiti Awam (UA) atas pelbagai sebab bagi tahun 2023 adalah seramai 24,296.
2. Bagi membantu golongan pelajar ini, Kementerian melalui UA telah mengambil pelbagai tindakan antaranya:
  - a. **Program Bantuan Kewangan:** Pelbagai program bantuan kewangan seperti pinjaman pendidikan dan biasiswa disediakan kepada pelajar yang menghadapi kesukaran kewangan untuk menamatkan pengajian mereka. Program ini

bertujuan untuk mengurangi beban kewangan yang menjadi halangan utama dalam menamatkan pengajian.

- b. **Program Sokongan Akademik:** UA menyediakan program sokongan akademik seperti tuisyen tambahan, kelas pemulihan, dan mentor akademik bagi pelajar yang memerlukan bantuan tambahan dalam subjek atau prestasi akademik mereka.
- c. **Kaunseling dan Sokongan Emosi:** Dalam memberi sokongan emosi dan kesejahteraan mental pelajar, program kaunseling disediakan untuk membantu pelajar menguruskan tekanan akademik, kebimbangan atau masalah peribadi yang mungkin mempengaruhi prestasi pengajian mereka.
- d. **Pemulihan Akademik:** Bagi pelajar yang gagal dalam subjek tertentu atau kurang memenuhi syarat kemasukan, UA bersedia untuk mengadakan program pemulihan akademik yang membantu pelajar meningkatkan prestasi sehingga mencapai standard yang diperlukan. Contohnya, program persediaan Bahasa Inggeris.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN  
HAJI IDRIS**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 22**

**SOALAN**

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kerajaan dalam memperkenalkan Biasiswa B40 bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ada menawarkan dua (2) bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan iaitu **biasiswa dan bantuan kewangan**. Biasiswa diberikan kepada pelajar yang layak berdasarkan merit tanpa mengira kaum, agama, jantina, negeri, taraf hidup dan lokaliti dengan tumpuan utama pembiayaan diberikan kepada pengajian di peringkat pascasiswazah. Bagi bantuan kewangan pula, ia diberikan khusus kepada golongan sasar tertentu termasuk B40.

2. Dalam hal ini, terdapat **tiga (3) bantuan kewangan yang disediakan kepada golongan B40** iaitu **Bantuan Kewangan Asasi (BKA), Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) dan Program Dermasiswa B40 TVET.**
3. **Program BKA** merupakan bantuan kepada pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) dan sederhana rendah (M40) yang telah mendaftar mengikuti program asasi di 13 Universiti Awam (UA) dan lima (5) Politeknik. Bantuan yang layak diterima merangkumi elaun wang saku, yuran pengajian dan yuran penginapan dan tambang penerbangan.
4. Bagi **Program BKPKK** pula, ia diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti dari keluarga berpendapatan rendah B40 yang melanjutkan pengajian di peringkat sijil secara sepenuh masa. Penerima bantuan ini menerima Elaun Wang Saku.
5. **Program Dermasiswa B40 TVET** pula mula dilaksanakan pada tahun 2022 khusus kepada pelajar kumpulan B40 dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), Politeknik dan Kolej Komuniti. Yuran pengajian dan elaun wang saku dibiaya sepanjang tempoh penajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANIFAH BIN AMAN**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 30**

**SOALAN**

**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status pelaksanaan projek bekalan air untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggunakan peruntukan RM3 juta daripada YAB Perdana Menteri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3 juta bagi membiayai Kerja-kerja Pencarian Sumber Air Alternatif iaitu pembinaan "*Tubewell*" di Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah (UMS).
2. Peruntukan telah disalurkan ke ICU Sabah, dan diselaraskan oleh pihak ICU Sabah melalui pemberian sumbangan berperingkat berdasarkan tuntutan bayaran kemajuan kerja di tapak projek yang disahkan oleh pihak UMS.

3. UMS telah membuat dua (2) pakej kontrak dan melantik dua (2) syarikat melalui proses perolehan tender terbuka, untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan Telaga Tiub tersebut.
4. Selain pembinaan Telaga Tiub, skop kerja bagi kedua-dua pakej kontrak ini juga termasuklah pencarian lokasi sumber air bawah tanah, pembinaan sistem penapisan air (*cabin*), tangki penyimpan air, sistem pam (*transfer dan booster*), pendawaian elektrik, dan juga sistem perpaipan untuk pengagihan dan penyaluran ke semua blok asrama.
5. Pakej 1 melibatkan Syarikat Edaran Jaya Corporation dengan nilai kontrak RM1.5 juta dan Pakej 2 melibatkan HB Waja Sdn Bhd dengan nilai kontrak RM1,405,900.00. Tempoh pelaksanaan asal projek ini adalah selama empat (4) bulan dengan jumlah keseluruhan Telaga Tiub yang dapat dibina melalui peruntukan ini adalah sebanyak enam (6) buah termasuk skop kerja berkaitan.
6. Pelaksanaan kedua-dua Pakej kontrak ini telah bermula pada 27 November 2023 dan tarikh siap asal adalah pada 26 Mac 2024. Walaubagaimanapun, **Lanjutan Tempoh Masa (EOT)** telah diberikan kepada kontraktor selama empat puluh lima (45) hari iaitu sehingga 10 Mei 2024 bagi **Pakej 1**; dan tujuh puluh dua (72) hari iaitu sehingga 6 Jun bagi **Pakej 2** atas justikasi teknikal dan kerja tambahan.
7. Untuk makluman, **kedua-dua pakej kontrak ini telah siap sepenuhnya mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan** iaitu Pakej 1 pada 10 Mei 2024 dan Pakej 2 pada 6 Jun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 46**

**SOALAN**

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah kadar pengangguran graduan lepasan ijazah terkini dan apakah inisiatif yang sedang di laksanakan untuk menambah kemahiran dan kebolehpasaran para graduan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan **data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan **graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian** peringkat Ijazah Pertama atau Sarjana Muda bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah:
  - i. Seramai 18,868 orang atau 15.5 peratus daripada 121,751 graduan lepasan ijazah pertama pada tahun 2021,

- ii. Seramai 13,869 orang atau 10.2 peratus daripada 136,243 graduan lepasan ijazah pertama pada tahun 2022, dan
  - iii. Seramai 13,777 orang atau 10.2 peratus daripada 135,522 graduan lepasan ijazah pertama pada tahun 2023.
2. Data-data ini adalah khusus bagi setiap tahun dan tidak bersifat kumulatif atau terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya.
  3. Bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan, KPT telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
    - i) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri.
    - ii) **Pelaksanaan program latihan dan peningkatan kemahiran seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)** kepada pelajar tahun akhir pengajian atau graduan universiti awam, politeknik serta kolej komuniti dengan jaminan pekerjaan serta kadar gaji yang setara dengan kelayakan.
    - iii) **Memperkenalkan inisiatif Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL).** Kerangka transformasi program akademik ini mengintegrasikan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran melalui pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

- iv) **Pengukuhan kerjasama dengan industri bagi memastikan institusi dan kemahiran graduan selari dengan keperluan dan perkembangan industri.** Kerjasama ini merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat terhadap kandungan pengajian dan latihan, penyediaan tempat bagi latihan industri serta pengimplementasian pendekatan *Work Based Learning* iaitu proses pembelajaran secara langsung dalam industri. KPT turut menggerakkan *Government-Industry TVET Collaboration Body* atau GITC sebagai badan perantara yang menghubungkan pihak Kementerian dengan industri bagi melaksanakan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan merancang keperluan sumber tenaga buruh yang memenuhi kehendak pasaran semasa.
  
- v) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO.** KPT turut terlibat di dalam Program Karnival Kerjaya dan '*Job Fair*' yang dianjurkan oleh PERKESO. Dalam tempoh Januari 2024 hingga Mei 2024, seramai 26,140 orang graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 67**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi mewajibkan pengambilan kursus-kursus di universiti dapat memupuk penghayatan asas-asas kenegaraan dan memastikan pencapaian tahap "kemenjadian" dalam kalangan mahasiswa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk memastikan pencapaian tahap "kemenjadian" dan pemupukan penghayatan asas-asas kenegaraan dalam kalangan mahasiswa di tahap yang terbaik melalui program-program yang direka khusus untuk melahirkan pemimpin masa hadapan.
2. Bagi melahirkan graduan yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, berdaya saing, berilmu, berkemahiran dan berakhlak, KPT telah memperkenalkan **Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)** sebagai subjek wajib kepada semua pelajar universiti.

3. Antara subjek wajib yang perlu diambil adalah Kursus Falsafah dan Isu Semasa, Penghayatan Etika dan Peradaban, Asas Keusahawanan serta Integriti dan Anti-rasuah.
4. Semua kursus ini dibangunkan adalah untuk memberi penghayatan kepada pelajar berhubung etika, nilai murni, integriti, literasi kewangan, pengetahuan berkenaan *ethic and philosophy of knowledge*; dan perkara asas keilmuan tanpa mengira fahaman agama dan bangsa.
5. Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah melaksanakan beberapa siri program yang menerapkan asas-asas kenegaraan menerusi **modul Kenegaraan Malaysia MADANI** yang telah dilaksanakan melalui kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM).
6. Antara program yang diperkenalkan dalam konteks Kenegaraan Malaysia adalah;
  - i. **Program Permukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA)** yang direncanakan untuk memfokuskan perlaksanaan modul-modul latihan yang bersesuaian. Pendekatan santai digunakan tetapi memberi pendedahan kepada perwakilan mahasiswa dalam memahami konsep kepimpinan secara langsung melalui penekanan terhadap *hands-on, minds-on* dan *hearts-on*.
  - ii. **Program Pewaris Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS TUNAS KARISMA)** diadakan bertujuan memberi pemahaman kepada mahasiswa menerusi modul kenegaraan, pemahaman Gagasan Malaysia MADANI serta melatih daya tahan fizikal dan mental mahasiswa. Program ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk meningkatkan kesedaran jati diri dalam aspek kepimpinan dan komunikasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 78**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status Latihan Kepakaran Laluan Selari untuk Sarjana Perubatan Kardiotorasik. Apakah perancangan Kerajaan untuk meluaskan kursus pengajian kepakaran bidang kardiotorasik dengan kerjasama pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara selain Universiti Teknologi MARA (UiTM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, terdapat dua latihan kepakaran bagi bidang Pembedahan Kardiotorasik yang ditawarkan dalam negara iaitu **Latihan Kepakaran Laluan Parallel yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan Sarjana Sains Surgeri Kardiotorasik yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).**
2. Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Pembedahan Kardiotorasik adalah menggunakan kelayakan *Fellowship of the*

*Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery.* Pegawai di bawah kepakaran ini akan menjalani latihan untuk tempoh enam (6) tahun iaitu lima (5) tahun dalam negara dan satu (1) tahun di luar negara.

3. Sehingga kini terdapat seramai empat (4) orang pegawai perubatan yang telah menamatkan Latihan Kepakaran Laluan Parallel Pembedahan Kardiorasik manakala enam belas (16) orang pegawai perubatan masih berada dalam latihan ini.
4. Kementerian Kesihatan (KKM) juga membantu pihak universiti memperkembang latihan dan melatih pegawai perubatan dalam semua bidang kepakaran. Ini termasuklah penggunaan hospital KKM yang mempunyai kelengkapan dalam menyediakan perkhidmatan kompleks termasuk peralatan perubatan, tenaga kerja mahir termasuk pakar perubatan dan juga jumlah kes yang mencukupi bagi tujuan latihan kepakaran. Hubungan dan kerjasama ini dilaksanakan melalui prasarana dan peraturan yang berkaitan.
5. Berhubung perkara ini juga, di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pula, usaha untuk meningkatkan pakar perubatan yang diperlukan di Malaysia melalui penambahan penawaran program kepakaran Sarjana dan Kedoktoran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan terus disokong.
6. Dalam hal ini, KPT perlu memastikan UA dapat menyediakan slot latihan yang mencukupi bagi penghasilan pakar perubatan. Penambahan program ini termasuklah bagi penawaran program kepakaran dalam bidang kardiorasik.
7. Untuk makluman, program kepakaran kardiorasik buat masa ini hanya ditawarkan di UiTM disebabkan tenaga pengajar yang terhad dalam bidang kepakaran tersebut.
8. Justeru, IPT yang mempunyai fasiliti dan mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan untuk penawaran program tersebut adalah terbuka untuk memohon perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan

Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) melalui prosedur yang ditetapkan.

9. Selain itu, KPT juga telah menerima permohonan dan pemakluman daripada beberapa IPT tempatan yang berhasrat untuk menawarkan program kepakaran dalam bidang kardiotorasik, termasuklah daripada Universiti Malaya (UM) yang sedang dalam proses untuk dinilai bagi mendapatkan perakuan akreditasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 86**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengintegrasikan pelbagai universiti dalam negara di bawah satu platform atau ekosistem yang dapat mempromosikan keunggulan pendidikan tinggi negara secara holistik, komprehensif dan menyeluruh di arena global di samping meningkatkan kolaborasi strategik di antara universiti-universiti di Malaysia seperti yang diamalkan oleh United Kingdom dan Amerika Syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk menjadikan pendidikan tinggi negara unggul di arena tempatan mahupun global.
2. Dalam hal ini, KPT kini sedang memurnikan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024-2030

dengan mengambil kira senario semasa dan perubahan landskap pendidikan tinggi dunia.

3. Cadangan untuk mengintegrasikan universiti yang mempunyai pelbagai kepakaran dan bidang tujahan masing-masing telah diambil kira dalam pembangunan dasar ini terutamanya dalam teras penyelidikan dan pembangunan. Empat (4) inisiatif utama dalam teras tersebut, adalah:
  - i. Memperkukuh kolaborasi penyelidikan global,
  - ii. Menarik bakat penyelidikan terkemuka,
  - iii. Mempromosi penggunaan aset bersama, dan
  - iv. Memudahkan kerjasama industri-akademik.
4. Disamping perancangan ini, dalam mempromosi keunggulan pendidikan tinggi negara secara holistik dan komprehensif di arena global melalui pengintegrasian pelbagai universiti, KPT juga telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah lain. Antaranya:
  - i. KPT melalui Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) merangkumi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) giat mempromosi pendidikan TVET di peringkat antarabangsa sebagai satu platform bagi meningkatkan kemasukan bakat antarabangsa ke Malaysia.
  - ii. KPT melalui Pejabat Education Malaysia Luar Negara juga giat menyokong dan membantu penerokaan peluang kerjasama strategik di antara IPT negara ini dengan negara luar. Kerjasama ini meliputi bidang penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf, perkongsian amalan terbaik, penyeliaan pelajar, pelaksanaan bengkel, seminar dan lain-lain.

- iii. KPT melalui Education Malaysia Global Services (EMGS) turut bekerjasama rapat dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam mahupun swasta dalam mempromosi pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa.
  
- iv. Malah, satu platform peringkat Kementerian yang menyatukan kursus-kursus dalam talian yang dibangunkan dan ditawarkan oleh IPT seperti *Massive Open Online Courses* (MOOCs), *Micro Credentials* dan sebagainya turut dibangunkan. Platform ini dijangka sedia digunakan pada tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN**

**TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 98**

**SOALAN**

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan cadangan penambahan bagi bilangan Kolej Komuniti di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak untuk melahirkan sumber tenaga modal insan berkemahiran tinggi, berpengetahuan, dan bersahsiah. Contohnya di Belaga dan Baram untuk mengurangkan pengangguran lepasan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tercicir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), politeknik dan kolej komuniti.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan penubuhan kolej komuniti hendaklah diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi latihan lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan sebagainya.

3. Pada masa ini terdapat tiga (3) buah politeknik dan lapan (8) buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di negeri Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Kolej Komuniti Tawau, Lahad Datu, Sandakan, Beaufort, Tambunan, Penampang, Kota Marudu dan Semporna.
4. Manakala terdapat tujuh (7) buah Kolej Komuniti dan tiga (3) buah Politeknik yang sedang beroperasi di negeri Sarawak iaitu Kolej Komuniti Kuching, Mas Gading, Miri, Sarikei, Santubong, Betong, dan Sibu. Politeknik pula terdiri daripada Politeknik Mukah, Kuching dan METrO Betong.
5. Institusi-institusi ini menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat sijil dan diploma selain program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) bagi melahirkan sumber tenaga kerja yang memenuhi kehendak industri dan seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).
6. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian berpandangan bahawa satu kajian kebolehlaksanaan secara lebih terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi menentusahkan keperluan penubuhan kolej komuniti terutama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.
7. Antara faktor yang perlu diambilkira adalah perjawatan kejut dan akses tenaga pengajar ke kawasan IPT apabila diletakkan di kawasan pedalaman. Di samping itu, golongan muda yang telah tamat sekolah menengah dan tidak memenuhi syarat untuk memasuki ke IPTA atau tidak mampu melanjutkan pelajaran mereka di kolej swasta berpeluang menyertai kursus jangka pendek di bawah program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) yang ditawarkan di politeknik atau kolej komuniti negeri Sabah dan Sarawak.
8. Penyertaan di dalam program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) ini dapat memberi nilai tambah kepada para pelajar dari segi

*upskilling* dan *reskilling* dalam bidang yang diminati sebelum mereka menceburi bidang kerjaya di masa hadapan.

9. Di samping itu, pihak Kementerian akan terus berusaha memperluaskan akses Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi melalui pendidikan yang relevan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 10**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah drastik Kementerian terhadap keperluan ahli-ahli akademik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam menggali ilmu "kearifan watan" seperti etnosains, etnoteknologi dan etnoperubatan untuk memastikan ilmu-ilmu warisan itu tidak sirna, dan sebaliknya dipadukan dengan ilmu-ilmu moden, khasnya yang diambil daripada tradisi ilmu Barat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam memperkasakan budaya ilmu di negara ini termasuk ilmu "kearifan watan". Dalam hal ini, KPT sentiasa berusaha untuk memastikan ilmu warisan ini terus terpelihara termasuk dapat diintegrasikan bersama ilmu moden.
2. Melalui KPT, khususnya melalui Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), kita memberikan keutamaan kepada bidang ini iaitu

dalam hal-hal yang berkaitan dengan *indigenous knowledge* khususnya untuk menjadi pencetus kepada ilmu sains watan dan juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan etno-teknologi dalam acuan kita sendiri dan merintis pemikiran watan dalam kalangan penyelidik dan pengkaji tempatan. Dan di sinilah kita lihat mahirnya pemikir sains dan teknologi tempatan.

3. Dalam hal ini, untuk pengetahuan Yang di-Pertua, di bawah Program Dana Penyelidikan ini kita masukkan sekali hal yang berkaitan dengan kearifan watan ini.
4. Oleh yang demikian, terdapat beberapa program dana penyelidikan yang kita panggil sebagai Dana Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pendidikan Tinggi. Ada empat (4) jenis skim geran khususnya melibatkan Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip, Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang. Kesemuanya ini kita juga turut masukkan hal-hal yang berkaitan projek ataupun kajian-kajian yang berkaitan dengan kearifan tempatan ini.
5. Jadi, tujuan kita juga ialah untuk kita dapat membina komuniti watan yang mahir dengan etno-perubatannya khususnya dalam konteks perubatan dan juga dalam hal-hal kajian yang berkaitan dengan bidang-bidang yang lain termasuklah kajian sains yang melibatkan seperti yang kita lihat ada beberapa buah universiti yang mengkhususkan kajian-kajian mereka.
6. Saya ambil contoh dalam konteks UKM. UKM telah mempunyai beberapa pusat penyelidikan yang ada hubungan dengan kearifan tempatan. Sebagai contoh, kita telah mewujudkan Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Pusat Penyelidikan Bukit Fraser dan Pusat Penyelidikan Marin Mersing, dan juga kajian yang berkaitan dengan DNA orang Asli. Semuanya ini menjurus kepada kajian-kajian yang berkaitan dengan kearifan tempatan.

7. Begitu jugalah UMT, kita memberi penekanan untuk mereka mengkaji dalam bidang biodiversiti yang ada kaitan dengan pembangunan di kawasan yang berkenaan. Dan ini termasuklah kajian yang melibatkan biodiversiti tropika dan kita ada lagi kajian yang berkaitan dengan Pusat Penyelidikan Setiu iaitu Tanah Beca Setiu Wetland, ini adalah berkaitan dengan kawasan-kawasan yang kita gabungkan dengan kearifan tempatan kita.
8. USIM sebagai contoh, memberikan penekanan kepada bidang yang berkaitan dengan produk-produk halal. Lantaran itu, kita telah menubuhkan Institut Halal di bawah Universiti Sains Islam Malaysia.
9. USM saya bagi contoh satu lagi, universiti yang memberikan penekanan dalam bidang yang berkaitan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 22**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif Kementerian untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan badan-badan profesional negara bagi menyesuaikan polisi sedia ada seperti syarat layak kemasukan bertaraf global agar negara tidak ketinggalan, contohnya membenarkan syarat kelayakan alternatif untuk pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pendidikan tinggi dalam negara tetapi tidak mempunyai minat untuk meneruskan amalan kerjaya profesional di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memantap dan memperkasa polisi sedia ada.
2. Malah jalinan hubungan dan kerjasama dengan badan-badan profesional negara turut dilaksanakan antaranya melalui **pembangunan program akademik.**

3. Semua program akademik yang dibangunkan di Universiti Awam (UA) perlu melalui dua (2) peringkat kelulusan yang ketat iaitu Mesyuarat Saringan Awam (MSA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT). Program sedia ada yang ditawarkan di UA yang melalui semakan kurikulum perlu melalui Mesyuarat JKPT. Keahlian mesyuarat ini melibatkan panel daripada beberapa kementerian, agensi dan badan profesional yang berkaitan.
4. Panel-panel yang dilantik ini bertanggungjawab dalam meneliti dan memberi pandangan terhadap program akademik yang dimohon oleh UA termasuk aspek laluan kerjaya bagi sesebuah program akademik dalam memastikan hanya program yang berkualiti dan seiring keperluan industri diluluskan. Perkara ini juga dilaksanakan bagi memastikan pelajar mempunyai laluan kerjaya yang jelas sama ada untuk bekerja di Malaysia atau sebaliknya.
5. Selain itu, KPT turut bekerjasama dengan badan-badan profesional negara melalui **jaminan kualiti bagi program-program yang ditawarkan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)**.
6. Sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679], Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dipertanggungjawabkan untuk melaksana jaminan kualiti bagi program-program yang ditawarkan oleh IPT di Malaysia, termasuk program-program di bawah pengiktirafan oleh badan profesional.
7. Pelaksanaan penilaian akreditasi bagi program-program di bawah seliaan badan profesional dilaksanakan oleh MQA dan badan profesional melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama. Ia adalah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 51, Akta MQA [Akta 679].
8. Sehingga Jun 2024, terdapat 19 badan profesional yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) bagi tujuan penyelarasan proses kerja akreditasi antara kedua-dua pihak.

9. Untuk makluman, pelajar perlu memenuhi ketetapan badan profesional yang berkaitan bagi tujuan pengiktirafan untuk berdaftar sebagai pengamal profesion tertentu. Dalam pada itu, mereka yang telah mempunyai kelayakan profesional dan berhasrat untuk menyambung pengajian ke bidang lain, boleh menggunakan kelayakan akademik dan profesional serta pengalaman kerjaya sedia ada berdasarkan ketetapan syarat semasa bidang yang berkaitan.
10. Akreditasi MQA diberi berdasarkan kepada pematuhan terhadap Kerangka Kelayakan Malaysia, Standard Program dan dasar- dasar semasa, manakala badan profesional boleh menetapkan syarat-syarat tambahan bagi tujuan pengiktirafan untuk berdaftar sebagai pengamal profesion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR**

**TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 45**

**SOALAN**

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kewajaran pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 dalam mengangkat martabat pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa dan bagaimanakah Kerajaan-kerajaan negeri boleh berperanan secara langsung dan proaktif ke arah menjayakan pelan pembangunan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang merangka dokumen hala tuju pendidikan tinggi baharu bagi menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) 2015-2025 sedia ada yang akan tamat tempoh pada tahun hadapan.
2. Pembangunan pelan baharu ini adalah mustahak disebabkan dunia pendidikan tinggi yang sentiasa berubah dengan pesat,

terutamanya dalam konteks globalisasi dan perkembangan teknologi. Justeru, adalah penting pendidikan tinggi di Malaysia seiring dengan transformasi global ini.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 Bilangan 1 Tahun 2024 telah berlangsung pada 11 Julai 2024 dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.
4. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 yang sedang dibangunkan merupakan dokumen rujukan penting bagi mencorak hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 10 tahun ke hadapan agar selari dengan aspirasi nasional, perubahan landskap global semasa dan akan datang serta cukup komprehensif bagi memenuhi keperluan negara, industri dan komuniti.
5. KPT turut melibatkan Kerajaan Negeri dengan mengadakan sesi libat urus mengikut enam (6) zon kawasan, iaitu Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Utara, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Selain itu, KPT sesi libat urus mengikut kluster, antaranya sosial, ekonomi, industri dan teknologi akan turut dilaksanakan.
6. Pada masa ini, satu Tinjauan Nasional sedang berlangsung bagi mendapatkan maklum balas awam yang ingin menyumbang dalam penghasilan PPPTM 2026-2035. Tinjauan ini telah dihebahkan ke peringkat negeri melalui e-mel kepada pihak-pihak yang berkaitan.
7. Segala pandangan yang diterima akan diambil kira dan dinilai untuk dimasukkan ke dalam PPPTM 2026-2035 bagi memastikan penghasilan dokumen ini adalah signifikan dalam memacu keunggulan pendidikan tinggi negara khususnya di arena antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI  
ABD GAFFAR**

**TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 16**

**SOALAN**

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah perkembangan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) di bawah Politeknik Ungku Omar (PUO) dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf PUO sebagai sebuah universiti awam. Sekiranya ada, apakah status usaha tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, menjelang tahun 2030, Politeknik Ungku Omar (PUO) akan dinaik taraf sebagai Politeknik APEX. Namun demikian, buat masa ini tiada lagi perancangan untuk PUO dinaiktaraf sebagai Universiti Awam (UA).
2. PUO sebagai Politeknik APEX bakal menyediakan program TVET berkemahiran tinggi berpaksikan elemen praktikal, pengalaman dan inovasi industri serta teknologi terkini bagi memastikan PUO kekal unggul dan relevan di persada pendidikan tinggi negara dan global.

Aspirasi ini diharap dapat menjadikan PUO sebagai pusat kecemerlangan TVET berkemahiran tinggi yang dipandu industri.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian kini sedang melaksanakan penjajaran program pengajian di PUO untuk memastikan penawarannya relevan sejajar dengan perkembangan teknologi industri. Antaranya melalui penawaran program berteraskan teknologi dan teknologi kejuruteraan di peringkat ijazah sarjana muda. Justeru, persediaan fasiliti fizikal turut diberi penekanan agar kualiti program pengajian dapat dioptimumkan.
4. Selain itu, Kementerian juga telah mengangkat permohonan projek Penggantian Peralatan Usang Dan Perolehan Peralatan Akademik Baharu Di Politeknik Ungku Omar, Perak kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan, Kementerian Ekonomi dalam sesi pemeriksaan bajet Rolling Plan Kelima (RP5) tahun 2024 pada RMKe-12 pada 17 Mei 2024 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK RAZALI BIN IDRIS**

**TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 17**

**SOALAN**

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan penyediaan jumlah pelajar dan institusi pengajian tinggi bagi pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan sektor pelancongan selaras dengan Dasar TVET Negara yang memfokuskan TVET sebagai pilihan utama kerjaya dengan kerjasama industri cekap dan produktif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan peranan sebagai penyedia bakat kemahiran negara sentiasa dapat dipenuhi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Politeknik dan Kolej Komuniti ada menawarkan beberapa program di peringkat ijazah sarjana muda, diploma dan sijil dalam bidang pelancongan dan hospitaliti.
2. Penawaran program-program ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan industri terutama di dalam bidang pelancongan.

3. Dalam hal ini, perincian penawaran program-program berkaitan bidang pelancongan di Politeknik dan Kolej Komuniti adalah seperti berikut:
  - i. terdapat satu (1) Politeknik yang menawarkan program di peringkat ijazah sarjana muda,
  - ii. terdapat 27 buah politeknik dan 3 buah kolej komuniti yang menawarkan program di peringkat diploma, dan
  - iii. terdapat 51 buah kolej komuniti yang menawarkan program di peringkat sijil.
4. Sehingga Mac 2024, jumlah pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam sektor pelancongan di Politeknik dan Kolej Komuniti adalah:
  - i. seramai 55 pelajar di peringkat ijazah sarjana muda,
  - ii. seramai 2,910 pelajar di peringkat diploma, dan
  - iii. seramai 516 pelajar di peringkat sijil.
5. Untuk makluman juga, industri pelancongan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dari pengurusan hotel, operasi restoran, pemandu pelancong, hingga pengurusan acara. Justeru, pendidikan dalam bidang ini menyediakan pelajar dengan latihan praktikal dan teori yang relevan, membolehkan mereka bersaing dan berjaya dalam pasaran kerja.
6. Selaras dengan Dasar TVET Negara, kerjasama dengan industri adalah mustahak untuk memastikan graduan program TVET memenuhi keperluan industri. Kerjasama ini antaranya merangkumi program latihan industri, *Work-Based Learning* (WBL) di samping kerjasama strategik melalui sinergi politeknik-industri sepertimana

terkandung di dalam dokumen Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030.

7. Pendidikan TVET dalam sektor pelancongan memainkan peranan kritikal dalam menyokong ekonomi pelancongan negara. Dengan menyediakan pelajar yang terlatih dan berkemahiran, serta melalui kerjasama erat dengan industri, industri pelancongan di Malaysia akan dapat terus berkembang secara cekap dan produktif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**

**TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 31**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) strategi untuk mempertahankan dan meningkatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi pilihan pelajar antarabangsa dengan sokongan JPT, MQA dan EMGS; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merancang dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa serta memastikan kualiti pendidikan dan ekosistem pendidikan yang berdaya saing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mempergiat pelbagai inisiatif memperkasa strategi pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara. Ia adalah selari dengan usaha mempertahankan dan meningkatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi pilihan pelajar antarabangsa.

2. Misalnya, KPT sedang memurnikan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024 - 2030 dengan mengambil kira senario semasa dan perubahan landskap pendidikan dunia. Ia dilaksanakan melalui pelbagai sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dan strategi pengantarabangsaan.
3. Pelan tindakan ini akan fokus kepada lima (5) teras utama iaitu tadbir urus dan pelaksanaan, tarikan bakat, pengalaman bakat, pembangunan bakat serta penyelidikan dan pembangunan. Ia akan dihuraikan di bawah 10 strategi, 23 inisiatif dan 34 program.
4. KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) juga telah membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF). Dokumen jaminan kualiti ini berperanan sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk membangunkan program seperti yang ditetapkan. Ia juga ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa dan menjadi panduan kepada IPT.
5. MQA juga telah melaksanakan penandaarasan antara MQF dengan *Asean Qualifications Reference Framework* (AQRF) berpandukan *AQRF Referencing Guidelines* yang diterbitkan pada September 2016. Ini dapat memberi keyakinan kepada pelajar antarabangsa dan membina perhubungan berterusan dengan badan-badan jaminan kualiti dari pelbagai negara.
6. MQA juga telah memeterai memorandum kerjasama dengan badan-badan jaminan kualiti di pelbagai negara bagi memperkenalkan sistem pendidikan tinggi di Malaysia serta memupuk persefahaman pengiktirafan bersama terhadap kualiti Pendidikan.
7. Secara berterusan, KPT turut mengadakan pelbagai kerjasama dan libat urus dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) bagi membincangkan isu-isu dan aduan berkaitan.

8. Menerusi Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), KPT telah menerbit dan mengedarkan Garis Panduan Amalan Terbaik Pengurusan Pelajar Antarabangsa untuk IPT Malaysia pada tahun 2022 dalam memastikan pengurusan pelajar antarabangsa yang teratur dan berkesan.
9. Selaras itu, KPT juga sedang dalam tindakan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut:
  - i. Garis Panduan Permohonan Pengambilan dan Pengurusan Pelajar Antarabangsa yang Mengikuti Pengajian Secara Open and Distance Learning (ODL) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia Melalui Education Malaysia Global Services (EMGS)
  - ii. Sesi Town hall Pengurusan Visa Pelajar Antarabangsa bersama IPT Malaysia diadakan secara berkala mengikut zon
  - iii. Program Meet and Greet with International Students in Malaysia dan Majlis Perasmian Buku Edutourism Edisi Ke-2

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 37**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status penubuhan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Jawaharlal Nehru di New Delhi, India yang diserahkan urusan pengendaliannya kepada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, garis panduan bagi lantikan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Jawaharlal Nehru di New Delhi, India telah dibangunkan dan diguna pakai untuk pelantikan Penyandang Kursi.
2. Dalam hal ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengeluarkan surat tawaran kepada calon Penyandang Kursi iaitu Prof. Madya Dr. Ramalingam a/l Rajamanickam daripada Fakulti Undang-undang, UKM.

3. Penyandang dilantik menerusi kemudahan sabatikal khas yang diluluskan dalam Mesyuarat Khas Jawatan Kuasa Cuti Sabatikal Bil 1/2022 pada 28 September 2022 (UKM(S).PDF.500-8/3/1).
4. Selain itu, Terma Rujukan juga telah dipanjangkan kepada Penyandang iaitu:
  - i. Mengajar kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing sekurang-kurangnya 4 jam seminggu.
  - ii. Mempromosi pembelajaran tentang pelbagai aspek Tamadun Alam Melayu dalam bahasa Melayu di India.
  - iii. Menjalankan tinjauan kajian pasaran pengajian tamadun Melayu di Jawaharlal Nehru University dan India umumnya.
  - iv. Mempromosikan jurnal dalam bidang bahasa, budaya, sejarah dan warisan di alam Melayu terbitan UKM.
  - v. Menganjurkan aktiviti berkaitan kebudayaan dua negara.
  - vi. Memperkaya kandungan digital berkaitan bahasa, budaya, sejarah dan warisan Malaysia-India dengan menyumbang bahan-bahan ke dalam portal [malaycivilization.com.my](http://malaycivilization.com.my).
5. Buat masa ini tiada aktiviti secara dalam talian yang diadakan secara bersama dengan pihak Jawaharlal Nehru University, India.
6. Berhubung perkara ini juga, isu dan cabaran Kursi Pengajian Tamadun Melayu ini adalah tiada sumber khusus diperuntukkan daripada mana-mana pihak bagi menjalankan operasi Kursi ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 74**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah polisi yang dirangka Kementerian melalui analisa *data-based decision making* yang terkini seperti memberi pinjaman PTPTN untuk program-program pendidikan yang dapat menjana pekerjaan dan mengikut keperluan industri semasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha memartabatkan pendidikan tinggi negara, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang dinamik dan tangkas di semua Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Swasta, Politeknik dan juga Kolej Komuniti (KK).

2. Dalam hal ini, berikutan sektor pendidikan tinggi amat terdedah kepada risiko bersifat strategik akibat perubahan-perubahan mendadak, KPT sangat memerlukan perancangan dan pembuatan keputusan operasi dan strategik yang tepat berpandukan data.
3. Selaras dengan perkara ini, KPT telah membangunkan **Polisi Pengintegrasian Dan Tadbir Urus Data KPT** dan **Kerangka Kerja Pengintegrasian Data KPT** sebagai dokumen rujukan utama bagi pengurusan pengintegrasian dan tadbir urus data di Bahagian, Jabatan, Agensi dan IPT di bawah ekosistem KPT.
4. Kedua-dua dokumen ini dihasilkan sebagai inisiatif dalam mengangkat agenda pendigitalan kerajaan yang seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
5. Dengan adanya polisi dan kerangka kerja yang jelas ini, ia dapat membantu Kementerian mewujudkan satu sumber rujukan data tunggal, data yang berkualiti, berintegriti dengan jaminan keselamatan, selain ia juga tepat dan terkini.
6. Mengenai pemberian pinjaman pendidikan, pada dasarnya PTPTN diwujudkan bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan kepada semua pelajar yang layak mengikuti pengajian di IPT tempatan yang berdaftar dengan PTPTN. Ia merangkumi semua pelajar yang mengikuti pengajian yang diiktiraf sama ada di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Doktor Falsafah (PhD) dan Kursus Profesional.
7. Secara umumnya PTPTN tiada polisi yang menyatakan pinjaman hanya kepada kursus-kursus tertentu yang dapat menjana pendapatan. Walau bagaimanapun, sebagai salah satu usaha proaktif PTPTN dalam menyokong kursus-kursus yang menyediakan jaminan pekerjaan kepada pelajar, skim khusus penajaan atau pinjaman kepada program-program tertentu di IPT tertentu yang telah dikenal pasti turut disediakan seperti:
  - i. Kursus Maritim,

ii. Kursus *Aviation*, dan

iii. Kursus *Animation*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**

**TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 86**

**SOALAN**

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah proaktif Kerajaan bagi mewujudkan kolaborasi antara pihak industri dan akademik agar ekosistem serta pasaran buruh negara memberi ruang kepada lepasan graduan untuk menikmati peluang pekerjaan seiring dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 - 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memfokuskan kepada elemen pemeraksanaan hubungan industri di bawah strategi keempat Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 – 2025.
2. Dengan pendekatan yang sinergistik antara graduan; akademik; industri; kerajaan dan komuniti, strategi ini dijangka dapat meningkatkan kerjasama dan penglibatan industri secara berstruktur dalam membantu membangunkan bakat mahir yang *industry-ready* dan *future-proof*.

3. Hasrat ini boleh direalisasikan antaranya melalui Program 2u2i iaitu program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*) di mana pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman di industri digabungkan. Dengan pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, dan 2u1i, melalui program ini, tempoh pembelajaran berlaku di dunia pekerjaan sebenar sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun.
4. Antara inisiatif KPT untuk mempergiat kolaborasi bersama industri juga adalah melalui platform-platform yang bersesuaian seperti Majlis Pekerjaan Negara dan Majlis TVET Negara (MTVET).
5. Kementerian juga telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelbagai pihak berkepentingan, antaranya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), SIRIM, MDEC, PERKESO, TalentCorp, MIDA, Micron, Inari, Stellantis dan CelcomDigi, untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan.
6. Di bawah KPT juga, salah satu projek utama yang telah dilaksanakan adalah melalui *Ministry of Higher Education (MoHE) Research and Industry Infused Incubator (MRI3)* program untuk sektor Elektrik dan Elektronik (E&E). Di bawah program ini, pelajar akan menjalani latihan industri di syarikat E&E bagi membangunkan bakat yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran *sharp-skill* dan *smart-skill*.
7. Malah, pelajar berpeluang menggunakan peralatan dan perisian dalam operasi harian mereka di industri. Ini membolehkan pelajar menjadi *industry ready* apabila menamatkan pengajian.
8. Kolaborasi serta perbincangan dari semasa ke semasa merentasi Kementerian mahupun Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Ekonomi (KE) juga turut dilaksanakan bagi membantu menangani isu-isu berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**

**TARIKH : 30 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 31**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tawaran penerimaan ke universiti bagi pelajar India setelah menamatkan SPM dan STPM untuk sesi 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan permohonan UPUOnline<sup>®</sup>, calon **Lepasan SPM kaum India** bagi **sesi akademik 2023/2024** yang ditawarkan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) adalah seramai **7,645** orang.
2. Bagi calon **Lepasan STPM atau Setaraf kaum India** bagi **sesi akademik 2023/2024** pula, berdasarkan permohonan UPUOnline<sup>®</sup>, seramai **4,083** orang telah berjaya ditawarkan ke Program Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 30 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 90**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan laporan terkini institusi atau negara asing yang wajar dijadikan pilihan untuk penubuhan Kursi Pengajian Melayu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa meneroka peluang untuk memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Pada masa yang sama, KPT turut mengetengahkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan pensyarah tempatan di institusi luar negara, khususnya pakar bidang Pengajian Melayu.
2. Kajian Hala Tuju Baharu Pelaksanaan Kursi Akademik Luar Negara pada tahun 2022 telah mencadangkan beberapa lokasi baharu untuk diterokai seperti:
  - (i) Mohammed V University, Rabat, Morocco;

- (ii) Australian National University, Australia;
  - (iii) University of Auckland, New Zealand;
  - (iv) University of Otago, New Zealand; dan
  - (i) Goethe University Frankfurt, Jerman.
3. Dalam perkara ini, KPT turut mendapatkan pandangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku pakar bidang Bahasa Melayu berkenaan lokasi yang boleh diterokai.
4. Susulan itu, lokasi baharu yang dicadangkan oleh DBP adalah Rusia khususnya di State University St. Petersburg. Ini disebabkan oleh Bahasa Melayu telah lama berkembang di Rusia dan Pengajian Bahasa Melayu juga mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat Rusia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI MOHAMAD FATMI BIN  
CHE SALLEH**

**TARIKH : 30 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 100**

**SOALAN**

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat garis panduan yang terperinci untuk para universiti melantik lembaga pengarah atau pakar pusat seperti isu baru-baru ini yang menimbulkan kemarahan para pelajar di Universiti Malaya (UM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada Seksyen 13(1) Akta 30, komposisi keahlian Lembaga Pengarah Universiti (LPU) hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan.
2. Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Kewangan (MoF) yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti Awam (UA), pelantikan Ahli LPU perlu

menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu merangkumi:

- i. Pengerusi LPU,
  - ii. Wakil Masyarakat Setempat,
  - iii. Wakil Senat,
  - iv. Wakil Sektor Swasta,
  - v. Wakil Alumni, dan
  - vi. Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman.
3. KPT juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Buku Hijau ini antara lainnya turut menyentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU, pencalonan Ahli LPU, peningkatan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L DATO'  
SERI R. ARUNASALAM**

**TARIKH : 30 JULAI 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 104**

**SOALAN**

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan siasatan terkini tentang isu seorang pensyarah iaitu Datuk Dr. Zainuddin Wazir merupakan pakar pembedahan kardiotorasik yang telah diisytiharkan muflis tetapi dilantik oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Adakah gaji dan imbuhan yang telah diterima oleh pensyarah tersebut diserahkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pihak UiTM telah memberi maklum balas kenyataan media berhubung perkara ini pada 14 Mei 2024.
2. Selain itu, pihak UiTM telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya berkenaan situasi penama. Antaranya membuat semakan status penama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM). Hasil semakan, Jabatan Insolvensi Malaysia tiada halangan untuk

pelantikan ini dibuat selagi mana prosedur dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dipatuhi.

3. Untuk makluman juga, khidmat dan kepakaran yang disumbangkan oleh beliau dalam membantu proses penubuhan jabatan Kardiorasik UiTM telah pun selesai dan beliau kini bukan lagi berkhidmat di Jabatan Kardiorasik, Fakulti Perubatan UiTM.
4. Bayaran untuk dibayar oleh pegawai yang bankrap kepada Jabatan Insolvensi Malaysia, adalah dibayar secara terus oleh pegawai tersebut melalui *arrangement* yang diatur sendiri di antara pegawai dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 31 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 12**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah strategik susulan yang diambil untuk manfaat negara daripada perkembangan wujudnya 17 buah institusi pendidikan tinggi di Republik Rakyat China yang menawarkan kursus peringkat ijazah, diploma dan kursus elektif dalam bidang bahasa/pengajian Melayu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) secara berterusan sentiasa berusaha mempergiat inisiatif untuk memperkasa strategi pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara.
2. Dalam konteks pengantarabangsaan Bahasa Melayu, inisiatif ini dilaksanakan melalui **kolaboratif strategik bersama lima (5) pihak**.

3. **Pertama**, Pejabat Education Malaysia Beijing (EMB) sebagai wakil KPT Malaysia di Republik Rakyat China aktif memartabatkan dan mengantarabangsakan Bahasa Melayu melalui beberapa inisiatif, antaranya:
  - (i) Meningkatkan keterlihatan dan mempromosi jenama pendidikan tinggi Malaysia di peringkat global,
  - (ii) Meningkatkan jaringan dan memudah cara kerjasama strategik, kolaborasi, suai padan penyelidikan dan penerbitan dalam Bahasa Melayu dengan institusi pendidikan tinggi (IPT) luar negara,
  - (iii) Meneroka pasaran dan potensi kerjasama baharu bagi pengembangan Bahasa Melayu di negara seliaan dan negara liputan EMB, dan
  - (iv) Menganjurkan program strategik bersama-sama mahasiswa China dan antarabangsa.
4. **Kedua**, pengaktifan semula Kursi Pengajian Melayu Malaysia - China pada tahun 2023 yang dipusatkan di *Beijing Foreign Studies University* (BFSU).
5. **Ketiga**, peranan BFSU sebagai pengasas program Pengajian Bahasa Melayu di China sejak tahun 1961 menerusi pengasasnya, Professor Wu Zongyu menjadi jambatan emas kepada hubungan diplomasi pendidikan Malaysia dan China. Usaha ini terus diperkasa dengan penempatan Kursi Pengajian Melayu Malaysia—China yang dipusatkan di BFSU sejak tahun 2007. Berikutan usaha proaktif yang berterusan daripada BFSU, Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf BFSU sebagai Pangkalan Pengembangan Bahasa Melayu di Republik Rakyat China pada tahun 2014.
6. **Keempat**, pelantikan rakan strategik Kursi Pengajian Melayu di BFSU iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) turut dilaksanakan.

7. **Kelima**, KPT juga telah membangunkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu (PTMBM) sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-2030 sebagai inisiatif untuk terus memperkasa dan memartabat Bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia.
8. Hasil daripada perkembangan 17 buah IPT di China yang menawarkan kursus dalam pengajian dan bahasa Melayu, KPT akan terus mempergiat usaha kolaboratif strategik bersama EMB, Kursi Pengajian Melayu, BFSU dan USM.
9. Sambutan Jubli Emas bersempena 50 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia dan Republik Rakyat China yang diraikan tahun ini juga menjadi refleksi keakraban hubungan diplomasi pendidikan yang terjalin antara kedua-dua buah negara dalam sektor pendidikan tinggi.
10. Tuntasnya, dalam membina negara bangsa, rakyat Malaysia seharusnya berganding bahu menyokong usaha memperkasa dan memartabatkan Bahasa Melayu. Selaku rakyat Malaysia juga, kita wajar berbangga dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu.
11. Bahasa Melayu juga secara tidak langsung berperanan sebagai bahasa pemersatu atau teras perpaduan dalam memperkukuh jati diri negara bangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK BOBBEY BIN SUAN**

**TARIKH : 31 JULAI 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 99**

**SOALAN**

**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mempertimbangkan penambahan peruntukan dalam menangani isu krisis air di Universiti Malaysia Sabah (UMS) memandangkan kapasiti air yang dihasilkan dari projek sedia ada masih tidak dapat menampung keperluan semasa warga Universiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, terdapat peruntukan tambahan RM5 juta khusus diberikan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menangani isu air di UMS pada tahun 2024.
2. Buat masa ini, KPT sedang melaksanakan projek pembinaan tangkiimbangan air UMS berkapasiti 3 hingga 5 juta liter yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama Tahun 2021, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12).

3. KPT juga telah meluluskan dan menyiapkan projek pencarian sumber air alternatif melalui pembinaan 8 buah tube well air bawah tanah di UMS yang turut melibatkan pembinaan sistem penapisan dan perpaipan kepada kolej-kolej kediaman pelajar.
4. Malah projek menaik taraf dan penggantian paip infra di UMS Kampus Induk juga sedang dilaksanakan di bawah Projek Penyelenggaraan IPTA tahun 2024.
5. Setakat ini, pihak KPT meminta Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat dalam memberi fokus kepada pembinaan loji baru untuk menambah sumber air untuk jangka masa panjang.
6. Pada masa yang sama, pihak Jabatan Air Negeri Sabah juga berusaha membanteras penyambungan paip haram agar bekalan air ke UMS dapat distabilkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI HAJAH ZURAINAH  
BINTI MUSA**

**TARIKH : 1 OGOS 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 14**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh universiti tempatan untuk memperbaharui kursus-kursus sedia ada dengan kemahiran *Artificial Intelligence* (AI) dan mengembangkan kursus baru dalam bidang AI dan bagaimanakah Kementerian sedang memantau usaha tersebut supaya ia tidak bertindih dan graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat beberapa usaha yang telah dilaksanakan oleh universiti tempatan untuk memperbaharui kursus-kursus sedia ada dengan kemahiran *Artificial Intelligence* (AI) dan mengembangkan kursus baru dalam bidang AI.
2. Usaha ini antara lainnya telah dimulakan melalui penubuhan Fakulti AI di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). UTM telah diamanahkan untuk membantu universiti awam dan swasta yang lain dalam

pembangunan kurikulum akademik AI melalui perkongsian pengalaman dan bahan yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran AI.

3. Penubuhan Fakulti AI ini adalah bersifat merentas disiplin ilmu dan melibatkan tenaga pakar dari pelbagai fakulti seperti Fakulti Komputeran, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, dan lain-lain. Melaluinya, pendekatan holistik dan komprehensif dalam pengajaran dan penyelidikan AI dapat diaplikasikan oleh universiti awam yang lain, selain memperkasa usaha untuk memperbaharui kursus-kursus sedia ada mahupun membangunkan kursus-kursus baharu dalam bidang AI.
4. Selain itu, terdapat juga usaha penyediaan kursus profesional dan latihan berkaitan AI di universiti awam. Selain program akademik, fakulti juga akan menyediakan kursus-kursus profesional dan latihan yang direka khusus untuk melengkapkan graduan dan profesional dengan kemahiran praktikal dan teknikal yang diperlukan dalam industri AI.
5. Kementerian ini dengan kerjasama UTM juga akan memanfaatkan platform *Malaysia AI Consortium (MAIC)* untuk memahami dan menyelaras keperluan bakat AI yang diperlukan negara. Kesemua universiti awam tempatan bersama beberapa universiti swasta yang menjalankan program berkaitan AI, dan pemain industri dalam bidang AI menjadi ahli dalam konsortium tersebut.
6. Dalam usaha memantau usaha-usaha ini supaya ia tidak bertindih dan membantu kebolehpasaran graduan, Kementerian ini akan menyemak dan menilai sesuatu program akademik baharu yang dibangunkan supaya setiap program akademik yang dibangunkan oleh universiti tempatan menepati keperluan bakat negara dan mempunyai keunikan tersendiri.
7. Pelbagai kriteria lain perlu diambil kira sebelum sesuatu program akademik baharu diberi kelulusan untuk pelaksanaan seperti kebolehpasaran, menepati keperluan kualiti yang ditetapkan oleh

Agensi Pengiktirafan Malaysia (MQA), dan tenaga pengajar atau pakar bidang yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 1 OGOS 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 59**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan merancang penubuhan cawangan universiti negara ini di negara yang terpilih untuk tujuan pengantarabangsaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, penubuhan kampus cawangan Universiti Awam (UA) tempatan di luar negara adalah tertakluk kepada permohonan daripada pihak universiti.
2. Dalam konteks pengantarabangsaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang memurnikan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024 - 2030 dengan mengambil kira senario semasa dan perubahan landskap pendidikan dunia.

3. Pelbagai sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dan strategi pengantarabangsaan turut dirangkumkan bersama.
4. Justeru itu, dalam memastikan Malaysia menjadi hab pendidikan serantau dan antarabangsa, KPT telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya:
  - i. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) sebagai dokumen jaminan kualiti yang menjadi rujukan piawaian dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Dokumen ini turut ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa. MQA juga telah memeterai memorandum kerjasama dengan badan-badan jaminan kualiti di pelbagai negara bagi memperkenalkan sistem pendidikan tinggi di Malaysia serta memupuk persefahaman pengiktirafan bersama terhadap kualiti Pendidikan.
  - ii. Menggalakkan kedatangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) luar negara dan membuka kampus cawangan di Malaysia. Sehingga kini, terdapat 10 cawangan IPT dari luar negara yang sedang beroperasi di Malaysia. Yang terbaharu adalah pembukaan kampus antarabangsa oleh Tsukuba University dari Jepun. Malaysia adalah negara yang menjadi destinasi pertama di dunia bagi pembukaan universiti Jepun di luar Jepun.
  - iii. Pembukaan pelbagai kampus cawangan IPTS di luar negara seperti Cawangan MSU juga adalah melalui kerjasama dengan *Internasional Global University* (JGU), Jakarta, *Management and Science Institute* (MSI), Colombo dan *International Medical School* (IMS), Bangalore dan *Binary International University di Urgench City*, Uzbekistan.
  - iv. Penawaran pelbagai program luar pesisir yang menjadi fokus Universiti Awam (UA) seperti Universiti Sains Malaysia (USM)

bersama *European Global School University* (EGS), Kampus Cawangan Turki. Malah, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerima sebuah kampus percuma di Qatar atas tajaan *The Qatar Regional Group*. UKM Kampus Qatar ini menawarkan 4 program pengajian pesisir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ISIAH A/L D JACOB**

**TARIKH : 1 OGOS 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 73**

**SOALAN**

**Senator Tuan Isiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah peranan dan sumbangan Institusi Pendidikan Tinggi Kerajaan dan Swasta bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan berpegang kepada prinsip inklusiviti pendidikan untuk semua termasuk kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), selaras dengan aspirasi sistem pendidikan menerusi dimensi ekuiti, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
2. Dalam hal ini, KPT telah menyediakan salah satu laluan khas kepada golongan OKU untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Asasi dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

3. Pemilihan dari kumpulan ini hanya perlu memenuhi syarat am dan syarat khas minima yang telah ditetapkan oleh IPTA dan ILKA yang dipilih dan hanya akan disaring dalam kumpulan mereka sendiri. Penawaran program bergantung kepada ketersediaan dan kekosongan tempat di IPTA/ ILKA.
4. Kementerian juga sedang membangunkan Dasar Ekosistem Inklusif Mahasiswa OKU di Universiti Awam yang dijangka akan dilancarkan pada bulan Disember 2024. Selain bertindak sebagai pelengkap Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU Tahun 2019 sedia ada, dasar ini akan turut menjadi rujukan bagi penetapan hala tuju dan polisi berhubung pengurusan mahasiswa OKU di peringkat IPT.
5. Justeru, KPT sentiasa berusaha untuk meningkatkan aksesibiliti dan kualiti pendidikan bagi golongan OKU sejajar dengan matlamat Kementerian untuk memastikan ekosistem pendidikan tinggi di Malaysia inklusif dan mampu menghasilkan graduan yang berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**

**NO. SOALAN : NO. 16**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan e-baucar buku yang dibuka bagi fasa pertama pada Mei 2024 dan apakah penambahbaikan mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam fasa seterusnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkenaan pemberian baucar pembelian buku berjumlah RM100 kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sewaktu perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 (PBAKL 2024) pada 30 Mei 2024 yang lalu.
2. Pengumuman tersebut adalah satu langkah yang tepat dalam membantu menerapkan budaya cintakan ilmu dan buku sekali gus dapat membugar budaya membaca terutama dalam kalangan pelajar IPT.

3. Inisiatif tersebut bakal memberi manfaat kepada lebih 1.2 juta pelajar IPT warganegara Malaysia yang akan dilaksanakan secara berfasa bermula 1 Jun 2024 sehingga 31 Disember 2024.
4. Bagi fasa pertama, penyaluran telah dilaksanakan melalui kaedah e-baucar di mana KPT menawarkan 50,000 e-baucar sebagai menyokong PBAKL 2024. Kod baucar ini dijana setelah semakan kelayakan dibuat di portal GREaT – *Graduate Reference Hub for Employment and Training* (kendalian KPT) iaitu <https://great.mohe.gov.my>, bermula 1 Jun 2024 (Sabtu) jam 10.00 pagi.
5. Baki baucar buku selebihnya akan disalurkan pada fasa berikutnya dengan mekanisme yang akan diumumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA  
BIN MD RAMLI**

**NO. SOALAN : NO. 45**

**SOALAN**

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Ramli minta MENTERI  
PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:**

- a) jumlah statistik bagi permohonan, tawaran yang dikeluarkan dan kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut kaum dan markah merit pada tahun terkini; dan
- b) pelan tindakan Kementerian untuk menyemak semula sistem Permohonan Kemasukan Pelajar (UPUOnline)

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan menyelaraskan kemasukan pelajar Lulusan SPM dan STPM atau Setaraf ke program sijil, asasi, diploma dan sarjana muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) berasaskan prinsip meritokrasi. Prinsip ini mengambil kira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum 10% tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.

2. Berdasarkan permohonan UPUOnline<sup>®</sup> calon **Lepasan SPM** bagi **sesi akademik 2023/2024**:
  - i. Seramai 210,136 **calon Bumiputera** telah membuat permohonan UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, seramai 144,380 calon telah berjaya ditawarkan, dan
  - ii. Bagi **calon Bukan Bumiputera** pula, seramai 29,158 calon telah membuat permohonan UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, seramai 16,356 calon telah berjaya ditawarkan.
3. Selain itu, berdasarkan permohonan UPUOnline<sup>®</sup> calon **Lepasan STPM atau Setaraf** bagi **sesi akademik 2023/2024** pula:
  - i. Seramai 99,697 **calon Bumiputera** telah memohon UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, seramai 66,508 calon telah berjaya ditawarkan, dan
  - ii. Bagi **calon Bukan Bumiputera** pula, seramai 18,396 calon membuat permohonan UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, 13,138 orang calon telah berjaya ditawarkan ke program pengajian Ijazah Sarjana Muda.
4. Selaras dengan perkara ini juga, adalah dimaklumkan bahawa sistem permohonan UPUOnline<sup>®</sup> telah melalui fasa penambahbaikan setiap tahun sejak penubuhannya pada tahun 2001 bagi menepati perkembangan teknologi terkini.
5. Penambahbaikan dibuat pada sistem pengaturcaraan yang membolehkan kaedah meritokrasi dilaksanakan bagi pemohon atau calon UPUOnline.
6. Secara kesimpulannya, Kementerian sentiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi, konsisten mempergiat dan menyebarkan akses ke pendidikan tinggi termasuk

memberi bantuan kepada pelajar yang menerima tawaran ke IPT  
bila mana diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L DATO'  
SERI R. ARUNASALAM**

**NO. SOALAN : NO. 85**

**SOALAN**

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah orang yang memohon dan ditawarkan program-program sarjana dalam bidang perubatan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut pecahan etnik bagi 5 tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan kemasukan pelajar dalam program-program sarjana bidang perubatan di Universiti Awam (UA) bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 mengikut taraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera adalah seperti berikut:
  - i. Bumiputera: 2,570 orang.
  - ii. Bukan Bumiputera: 1,525 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI  
ABD GHAFFAR**

**NO. SOALAN : NO. 122**

**SOALAN**

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah benar graduan universiti di negara ini telah merosot dan apakah punca kemerosotan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bagi **tahun 2021 hingga tahun 2023, keseluruhan bilangan kemasukan pelajar** ke Universiti Awam (UA) adalah berjumlah **563,845 pelajar**.
2. Berdasarkan jumlah tersebut, **trend kemasukan pelajar ke UA menunjukkan peningkatan bagi tiga tahun terkini** iaitu pada tahun 2023 seramai 193,029 pelajar meningkat sebanyak 2.2% berbanding seramai 188,915 pelajar pada tahun 2022. Pada tahun 2021 pula, kemasukan pelajar ke UA adalah seramai 181,901 pelajar.
3. Dalam hal ini, kenyataan bahawa graduan universiti di negara ini telah merosot adalah tidak tepat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**[2 DISEMBER HINGGA 19 DISEMBER 2024]**

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

### DEWAN NEGARA

#### MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

2 DISEMBER HINGGA 19 DISEMBER 2024

#### PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

[2 DISEMBER 2024 (ISNIN) – 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)]

#### 2 DISEMBER 2024 (ISNIN) - 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	13	<b>PN-1533-L12914</b> <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah penambahbaikan dan pengemaskinian yang diambil untuk memastikan bahawa semua institusi pendidikan tinggi mengintegrasikan nilai integriti, tatakelola dan antirasuah dalam kurikulumnya bagi membantu Kerajaan melahirkan tenaga penggerak pembangunan negara yang berintegriti, menitikberatkan tatakelola yang baik dan yang memecahkan putaran ganas rasuah.
2.	21	<b>PN-1533-L12388</b> <b>Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pelajar antarabangsa yang diterima menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi tahun 2013 hingga 2023.
3.	30	<b>PN-1533-L12966</b> <b>Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pengambilan pelajar daripada kaum India ke institusi pengajian tinggi awam (UA), Politeknik, dan Kolej Komuniti bagi tahun semasa.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
4.	57	<b>PN-1533-L12535</b> <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah strategik dan komprehensif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa, khususnya dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti swasta.

### **3 DISEMBER 2024 (SELASA) - 1 PERTANYAAN**

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	32	<b>PN-1533-L12536</b> <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sejauh mana usaha Kementerian memudahkan akses kepada pelajar antarabangsa dalam aspek perkhidmatan sokongan kritikal, tempat penginapan, penjagaan kesihatan, bantuan undang-undang dan promosi pelancongan sepanjang tempoh pengajian mereka di Malaysia sekali gus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelajar antarabangsa.

### **4 DISEMBER 2024 (RABU) - 4 PERTANYAAN**

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	12	<b>PN-1533-L12999</b> <b>Senator Tuan Robert Lau Hui Yew</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah polisi dan pelan tindakan Kementerian bagi memastikan institusi pendidikan tinggi mampu menyediakan kursus-kursus yang selaras dengan keperluan ekonomi baru, termasuk bidang jurutera kecerdasan buatan (AI), penganalisis data, saintis data, dan koordinator kemampunan.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
2.	41	<p><b>PN-1533-L12537</b>  <b>Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan sektor universiti swasta tidak terpinggir dalam pembangunan pendidikan tinggi negara, agar di sokong dan diiktiraf sebagai setaraf dengan ekosistem pendidikan tinggi awam negara.</p>
3.	44	<p><b>PN-1533-L12370</b>  <b>Senator Tuan Amir bin Md Ghazali</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(b) Bagaimanakah Kementerian menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D) di universiti untuk memajukan inovasi dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh negara; dan</p> <p>(c) apakah dana atau insentif yang disediakan bagi memastikan penyelidikan di Malaysia dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.</p>
4.	48	<p><b>PN-1533-L12484</b>  <b>Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) inisiatif yang ingin dicadangkan untuk memperkukuh kerjasama pendidikan tinggi antara negara ASEAN ekoran pengumuman Menteri pada Oktober 2024; dan</p> <p>(b) bolehkah Kementerian mempertimbangkan pewujudan mekanisme twinning programme antara universiti negara ASEAN seperti program Erasmus Mundus di Eropah.</p>

**5 DISEMBER 2024 (KHAMIS) - 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	7	<b>PN-1533-L13066</b> <b>Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menangani masalah lambakan graduan yang menganggur.

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA  
[9 DISEMBER 2024 (ISNIN) – 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)]**

**9 DISEMBER 2024 (ISNIN) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	13	<p><b>PN-1533-L12721</b>  <b>Senator Datuk Lim Pay Hen</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) apakah pelan Kementerian bagi memperbanyakkan lagi jurusan dan bidang Sains Data, Kecerdasan Buatan (AI) dan Teknologi Hijau di institusi-institusi pendidikan tinggi sebagai satu usaha untuk menyiapkan anak-anak muda dengan industri yang dipacu masa depan (future-driven industries); dan</p> <p>(b) apakah sasaran Kementerian dan sejauh manakah ia telah diusahakan dan dicapai.</p>
2.	17	<p><b>PN-1533-L12960</b>  <b>Senator Datuk Nelson W Angang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia mempunyai dasar dan prosedur yang jelas serta berkesan dalam menangani isu buli dan budaya ragging melampau berikutan insiden buli yang semakin serius.</p>
3.	30	<p><b>PN-1533-L12392</b> <b>Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sejauh manakah pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648) dilaksanakan di institusi politeknik dan kolej komuniti.</p>

**10 DISEMBER 2024 (SELASA) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	1	<b>PN-1533-L13093</b> <b>Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan mengatasi masalah buli di setiap universiti bagi memastikan kes seperti yang baru sahaja berlaku terhadap pelatih di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) tidak berulang, serta adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti cara yang lebih efektif untuk mengesan kes buli di universiti.
2.	9	<b>PN-1533-L12465</b> <b>Senator Tuan Abun Sui Anyit</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka Fakulti Undang-Undang di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Sarawak dan apakah langkah yang perlu diambil supaya perkara ini dapat dilaksanakan.

**11 DISEMBER 2024 (RABU) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	20	<b>PN-1533-L12961</b> <b>Senator Datuk Nelson W Angang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kementerian menyediakan sistem pengaduan yang selamat dan mudah diakses bagi pelajar untuk melaporkan kes buli atau keganasan tanpa rasa takut, serta langkah yang diambil untuk menggalakkan pelajar tampil membuat laporan.
2.	34	<b>PN-1533-L13067</b> <b>Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan graduan berkemahiran dalam 'Artificial Intelligence' selari dengan perkembangan global.

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
3.	38	<p><b>PN-1533-L12937</b></p> <p><b>Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam menyediakan biasiswa dan bantuan pendidikan khusus kepada pelajar dari komuniti India yang kurang berkemampuan, terutamanya untuk pengajian tinggi dalam bidang kritikal seperti sains, teknologi, dan kejuruteraan.</p>

### **12 DISEMBER 2024 (KHAMIS) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	6	<p><b>PN-1533-L12852</b></p> <p><b>Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk memasuki universiti akibat kesusahan kehidupan keluarga dan apakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil untuk turun berinteraksi secara terus dengan pelajar-pelajar baru di universiti dan sama ada langkah ini disambut baik oleh para mahasiswa.</p>
2.	33	<p><b>PN-1533-L12938</b></p> <p><b>Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah inisiatif tambahan bagi membantu pelajar India dari keluarga berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, termasuk pembiayaan dan biasiswa yang khusus.</p>

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
3.	38	<p><b>PN-1533-L12843</b></p> <p><b>Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah punca utama yang menyebabkan pelajar STPM gagal mendapat pilihan program yang dipilih oleh mereka melalui Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar (UPUOnline) ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi akademik 2024/2025.</p>

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA****[16 DISEMBER 2024 (ISNIN) – 19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)]****16 DISEMBER 2024 (ISNIN) - 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	18	<b>PN-1533-L12775</b> <b>Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan agar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan menjadi pilihan utama bagi pelajar China untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan agar hubungan dua hala dapat dipertingkatkan antara Malaysia dan China serta memperkukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan penyelidikan.

**17 DISEMBER 2024 (SELASA) - 3 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	15	<b>PN-1533-L12426</b> <b>Senator Datuk Bobbey Bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan tahap kejayaan atau keberhasilan program Asasi TVET bagi kohort pertama pengambilan yang telah tamat.
2.	24	<b>PN-1533-L12639</b> <b>Senator Datin Ros Suryati binti Alang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan jumlah kes buli yang berlaku di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut universiti antara tahun 2010 hingga 2024.
3.	50	<b>PN-1533-L12892</b> <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kerajaan melakukan kajian impak penubuhan cawangan universiti-universiti negara asing di negara ini dalam konteks ekonomi dan sosiobudaya negara serta hubungan antarabangsa.

### **18 DISEMBER 2024 (RABU) - 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	30	<b>PN-1533-L12976</b> <b>Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan peminjam PTPTN yang telah bekerja mula membayar hutang mereka. Apakah pendekatan yang dipertimbangkan oleh Kerajaan bagi memperkenalkan mekanisme bayaran balik yang lebih fleksibel dan berapakah jumlah peminjam yang telah bekerja tetapi masih belum membuat pembayaran.

### **19 DISEMBER 2024 (KHAMIS) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan</b>
1.	38	<b>PN-1533-L12913</b> <b>Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan langkah pemantauan yang dilakukan untuk memastikan bahawa institusi pendidikan swasta di negara ini mematuhi ketetapan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) tentang tiga perkara penting, iaitu kursus Kenegaraan, kursus Bahasa Melayu dan kursus Agama Islam atau Pendidikan Moral.
2.	49	<b>PN-1533-L12641</b> <b>Senator Datin Ros Suryati binti Alang</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sambutan rakyat ke atas simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berikutan pelepasan cukai individu dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun ini dan berapakah jumlah terkini penyimpan yang telah menyertai SSPN mengikut negeri sejak 2020.

## PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

### 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
1.	43	<p><b>PN-1533-T02240</b> <b>Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) pecahan pinjaman PTPTN yang diluluskan mengikut tahap pendapatan serta bilangan graduan yang telah membayar balik sepenuhnya, sebahagian atau tiada; dan</p> <p>(b) adakah Kerajaan akan mempertimbangkan pemotongan gaji automatik mandatori di sektor swasta.</p>
2.	79	<p><b>PN-1533-T02281</b> <b>Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan pencapaian keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi 2015-2025 berdasarkan objektif utama yang telah ditetapkan dalam usaha memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.</p>
3.	119	<p><b>PN-1533-T02321</b> <b>Senator Tuan Robert Lau Hui Yew</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf status institusi pendidikan tinggi yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Sarawak, seperti Universiti Curtin, Universiti Teknologi Sarawak, dan Universiti Swinburne daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), bagaimana langkah ini dapat mempercepatkan pengeluaran tenaga kerja mahir dalam industri negara khususnya di negeri Sarawak.</p>

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan
4.	121	<p><b>PN-1533-T02323</b></p> <p><b>Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menunaikan janji dalam manifesto Pakatan Harapan berkenaan pelaksanaan program pemansuhan hutang bersasar khas PTPTN untuk golongan miskin dan isi rumah B40.</p>
5.	136	<p><b>PN-1533-T02338</b></p> <p><b>Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh</b> minta <b>MENTERI PENDIDIKAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kurikulum pendidikan tinggi di Malaysia lebih relevan dengan keperluan industri dan mampu menyediakan graduan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran global.</p>

**MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI PERTANYAAN LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 13**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah penambahbaikan dan pengemaskinian yang diambil untuk memastikan bahawa semua institusi pendidikan tinggi mengintegrasikan nilai integriti, tatakelola dan antirasuah dalam kurikulumnya bagi membantu Kerajaan melahirkan tenaga penggerak pembangunan negara yang berintegriti, menitikberatkan tatakelola yang baik dan yang memecahkan putaran ganas rasuah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Integriti, tatakelola dan antirasuah merupakan tonggak penting dalam pembinaan masyarakat yang adil, saksama dan berdaya saing. Nilai-nilai ini mewakili kesungguhan individu dan masyarakat untuk bertindak dengan jujur, adil dan amanah dalam segala aspek kehidupan.

2. Aspirasi pelajar yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) telah menetapkan tindakan untuk meningkatkan prestasi dan kualiti individu dengan enam (6) teras utama, yang terdiri daripada etika dan kerohanian, kemahiran kepimpinan, identiti nasional, kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan. Antara elemen yang ditekankan di bawah Aspirasi Etika dan Kerohanian adalah pelajar beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin, menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat.
3. Di samping itu, Kementerian ini telah mewajibkan penawaran Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) melalui Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) kepada semua pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Kursus ini wajib diambil oleh semua pelajar di peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda sebagai syarat bergraduasi.
4. KIAR ini merangkumi konsep asas rasuah termasuk nilai integriti, antirasuah, bentuk perlakuan rasuah, salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi serta kaedah pencegahan rasuah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk 'pembelajaran berdasarkan pengalaman' melalui aktiviti individu dan kumpulan. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat memahami amalan integriti, konsep rasuah, antirasuah dan salah guna kuasa serta pencegahan rasuah dalam masyarakat dan organisasi.
5. Dan saya dimaklumkan bahawa pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai antirasuah Siri 14 Bilangan 1 2021 telah memutuskan supaya Kursus Integriti Dan Antirasuah (KIAR) ini dilaksanakan di semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan juga Swasta sebagai kursus wajib dalam Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) bermula tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 21**

**SOALAN**

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar antarabangsa yang diterima menuntut di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi tahun 2013 hingga 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelajar-pelajar antarabangsa yang diambil hanya di peringkat pascasiswazah dan tidak melibatkan pelajar peringkat Pra-Diploma, Diploma dan Sarjana Muda.
2. Kebanyakan mereka mengambil program secara penyelidikan di peringkat Sarjana dan PhD. Bagi tahun 2023, seramai 293 orang mengikuti kursus peringkat Sarjana dan PhD. Namun, ia tidak menjejaskan dasar sedia ada UiTM.
3. Ini adalah sebahagian daripada proses penarafan (ranking) UiTM di peringkat antarabangsa sebagai contoh antara tahun 2017 hingga

2024, kedudukan **QS World University Rankings (QS WUR)** UiTM melonjak daripada **tangga 701 ke 587** dan bagi **THE Impact Rankings** pula, kedudukan UiTM meningkat daripada **600 pada 2020 ke tangga 101-200 pada 2024**.

4. Bidang pengajian yang menjadi tumpuan pelajar antarabangsa termasuk Kejuruteraan, Hospitaliti, Senilukis dan Senireka, dan Pendidikan. Secara tidak langsung, bidang-bidang ini merupakan antara bidang yang tersenarai dalam senarai penarafan bidang mata matapelajaran dunia (contoh daripada QS World University Ranking by Subject 2024: Hospitaliti 100 teratas; Petroleum Engineering 150 teratas; Senilukis dan Senireka 200 teratas, Pendidikan 400 teratas dan Kejuruteraan 450 teratas).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 30**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pengambilan pelajar daripada kaum India ke institusi pengajian tinggi awam (UA), Politeknik, dan Kolej Komuniti bagi tahun semasa.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, jumlah **pelajar kaum India lepasan SPM bagi tahun semasa yang memohon, layak dan ditawarkan** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi akademik 2024/2025 adalah seramai **8,529 calon**.
2. Untuk jumlah **pelajar kaum India lepasan STPM/ Setaraf bagi tahun semasa yang memohon, layak dan ditawarkan** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi akademik 2024/2025 pula adalah seramai 4,342 calon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 57**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah strategik dan komprehensif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa, khususnya dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai langkah strategik dan komprehensif dalam usaha memperkukuh kedudukan negara sebagai hab pendidikan antarabangsa, khususnya untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti swasta.
2. Antara inisiatif-inisiatif utama yang diambil termasuklah:

- i. **Pemeriksaan Program Pengantarabangsaan**, melalui inisiatif seperti '*Study in Malaysia*' membantu mempromosi Malaysia sebagai destinasi pendidikan pilihan bagi pelajar antarabangsa,
- ii. **Promosi dan Penjenamaan**: KPT, bersama *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), aktif mempromosi jenama *Education Malaysia* melalui pelbagai platform, termasuk perkongsian pengalaman alumni dan testimonial pelajar antarabangsa.
- iii. **Program Edutourism**: Program ini memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan dan pendidikan, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.
- iv. **Memudahkan Proses Permohonan dan Kelulusan Visa**: KPT melalui EMGS bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memastikan proses permohonan dan kelulusan visa pelajar dapat diuruskan dengan lancar dan efisien.
- v. **Kerjasama Strategik Antarabangsa**: KPT menjalin kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi untuk mencapai sasaran 250,000 kemasukan pelajar antarabangsa di IPT awam dan swasta menjelang tahun 2030.
- vi. **Pembangunan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024 - 2030**: Pembangunan dasar ini memperkukuh agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara, dengan fokus menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.
- vii. **Peningkatan Kualiti Pendidikan Tinggi**: Peningkatan kualiti pendidikan tinggi dan pemeriksaan bakat negara dijadikan sebagai hala tuju utama pada tahun 2024.

3. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, KPT berusaha untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti swasta di Malaysia, sekali gus memperkukuh kedudukan negara sebagai hab pendidikan antarabangsa yang unggul.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 32**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian memudahkan akses kepada pelajar antarabangsa dalam aspek perkhidmatan sokongan kritikal, tempat penginapan, penjagaan kesihatan, bantuan undang-undang dan promosi pelancongan sepanjang tempoh pengajian mereka di Malaysia sekaligus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelajar antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memudahkan akses pelajar antarabangsa kepada perkhidmatan sokongan kritikal, termasuk tempat penginapan, penjagaan kesihatan, bantuan undang-undang, dan promosi pelancongan sepanjang tempoh pengajian mereka.

2. Usaha-usaha yang bertujuan menjadikan Malaysia destinasi pilihan bagi pelajar antarabangsa ini merangkumi:

- i. **Perkhidmatan Sokongan Kritikal:** Dalam aspek ini, KPT menyediakan dokumen "Garis Panduan dan Piawaian Pengambilan dan Pengurusan Pelajar Antarabangsa di IPTS Tahun 2022" sebagai panduan komprehensif mengenai aspek-aspek penting dalam pengurusan pelajar antarabangsa.
- ii. **Tempat Penginapan:** Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia, sama ada awam atau swasta juga menyediakan kemudahan penginapan yang selesa, selamat dan mematuhi piawaian untuk pelajar antarabangsa. Universiti Awam (UA) misalnya menyediakan kemudahan penginapan dalam kampus kepada pelajar antarabangsa mengikut kadar bayaran sewaan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelajar antarabangsa juga boleh memilih bagi menginap di luar kampus mengikut keselesaan mereka sendiri.
- iii. **Penjagaan Kesihatan:** KPT telah menerbitkan "Buku Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan dan Insuran Pelajar Antarabangsa di IPT Malaysia" sebagai panduan mengenai keperluan pemeriksaan kesihatan dan insurans bagi pelajar antarabangsa.

Di UA, Pusat Kesihatan Universiti turut menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada semua mahasiswa termasuk pelajar antarabangsa bagi memastikan kesejahteraan mereka sentiasa terjamin melalui pemberian akses kepada rawatan serta pemeriksaan kesihatan di dalam kampus.

- iv. **Bantuan Undang-Undang:** KPT bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memastikan proses pengambilan pelajar antarabangsa mematuhi peraturan imigresen yang ditetapkan. Garis panduan seperti "Permohonan Kelulusan KDN Bagi Pengambilan Pelajar

Antarabangsa" membantu IPT dan pelajar memahami prosedur undang-undang yang terlibat.

- v. **Promosi Pelancongan:** KPT telah melancarkan program Pelancongan Pendidikan (*EduTourism*) yang menyediakan pengalaman pendidikan yang mendalam di destinasi menarik di Malaysia. Program ini membolehkan pelajar antarabangsa meneroka warisan budaya dan keindahan alam semula jadi Malaysia, menjadikan pengalaman pengajian mereka lebih bermakna.
  - vi. **Perkhidmatan Sokongan Psiko-sosial** turut disediakan oleh UA kepada mahasiswa termasuk pelajar antarabangsa menerusi pegawai kaunseling dan pegawai psikologi. Pelbagai kaedah atau saluran turut disediakan bagi membolehkan mahasiswa mendapatkan bantuan kaunseling sama ada secara bersemuka, panggilan telefon atau secara atas talian.
3. Melalui inisiatif-inisiatif ini, KPT berusaha memastikan pelajar antarabangsa menerima sokongan yang komprehensif sepanjang tempoh pengajian mereka, sekali gus menjadikan Malaysia destinasi pilihan utama bagi pelajar dari seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI YEW**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 12**

**SOALAN**

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah polisi dan pelan tindakan Kementerian bagi memastikan institusi pendidikan tinggi mampu menyediakan kursus-kursus yang selaras dengan keperluan ekonomi baru, termasuk bidang jurutera kecerdasan buatan (AI), penganalisis data, saintis data, dan koordinator kemampanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan **Kerangka Pembangunan Program Teknologi Tinggi Bernilai Tinggi (HT-HV)** dalam usaha menghasilkan graduan yang mahir dan kalis masa hadapan, selaras dengan keperluan industri dan cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Kerangka ini menjadi penanda aras untuk program pada masa akan datang ke arah melahirkan graduan berkualiti setanding dengan graduan di negara berasaskan teknologi yang lain.

2. KPT turut menyokong penuh pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan komited dalam melahirkan bakat yang memenuhi keperluan industri (*industry-ready*) dan graduan kalis masa hadapan (*future-proof graduates*) melalui program akademik yang berkualiti. Ini termasuk bagi bidang Sains Data yang ditawarkan oleh 9 UA dan bidang Teknologi Hijau yang ditawarkan oleh 8 UA buat masa ini. Penawaran ini adalah selari dengan apa yang telah digariskan dalam pelan induk tersebut.
3. Selain itu, **Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** yang ditubuhkan adalah bersifat merentas disiplin ilmu dan melibatkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang seperti Fakulti Komputeran, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan lain-lain. Ini adalah juga seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 yang dirangka oleh Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI). **Pelajar kohort pertama program ini telah memulakan pengajian pada Oktober 2024.**
4. Fakulti AI ini juga akan bekerjasama dengan pemain industri AI dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) lain untuk memastikan pendidikan dan latihan yang diberikan adalah relevan dengan keperluan semasa industri. Ini termasuk penubuhan Konsortium Pakar AI yang bertujuan untuk menggembeng kepakaran dan sumber daya dari pelbagai pihak.
5. Selain itu, untuk memastikan hala tuju pendidikan negara sentiasa berorientasi masa hadapan dan berfokus industri, sebuah **Kerangka *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)*** juga telah dibangun dan dilaksanakan oleh KPT sejak tahun 2021.
6. Kerangka ini menjadi rujukan kepada IPT semasa proses membangun dan menyemak kurikulum akademik sedia ada supaya kandungan program akademik yang bakal ditawarkan selari dengan arus perubahan teknologi yang pantas sekaligus dapat memenuhi keperluan semasa industri.

7. Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri telah pun melancarkan **Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 (MY AI NEXUS)** di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada 10 Mei 2024. Majlis anjuran KPT dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini merupakan satu program khas yang bertujuan untuk menyatukan pakar-pakar tersohor dalam bidang kecerdasan buatan (artificial intelligence atau AI), universiti, industri, agensi-agensi dan pemegang taruh berkaitan dalam usaha memacu ketersediaan AI di Malaysia.
8. Inisiatif di bawah pelancaran tersebut direalisasikan menerusi penubuhan **Malaysia AI Consortium (MAIC)** yang merupakan sebuah kolaborasi strategik melibatkan Institusi Pendidikan Tinggi, Kementerian, Agensi Kerajaan, dan Pemain Industri dalam bidang AI untuk memberikan nasihat, kepakaran, dan sumbangan kepada pembangunan bakat AI di Malaysia. Inisiatif ini adalah penting bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030.
9. Segala usaha ini juga diambil kira dalam pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.  
MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 41**

**SOALAN**

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan sektor universiti swasta tidak terpinggir dalam pembangunan pendidikan tinggi negara, agar disokong dan diiktiraf sebagai setaraf dengan ekosistem pendidikan tinggi awam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia merupakan suatu pendekatan strategik yang diambil oleh Kerajaan sebagai pelengkap (*complementary*) kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Ia bagi memperluas akses terhadap pendidikan tinggi serta membekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan dalam memenuhi permintaan industri.
2. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memastikan IPTS kekal relevan,

berdaya saing dan seterusnya, menyumbang kepada pembangunan sektor pendidikan tinggi negara.

3. Dalam perkara ini, KPT telah melancarkan pelan tindakan *Way Forward for Private Higher Education Institutions: Education as an Industry (2020-2025) (Way Forward)* sebagai usaha untuk memacu pertumbuhan IPTS sebagai sebuah industri pertumbuhan ekonomi. Sebagai tambahan, KPT juga turut menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS Sebagai IPTS (PEMUDAH IPTS).
4. Pelan tindakan *Way Forward* mempunyai sebanyak 86 inisiatif manakala PEMUDAH IPTS mempunyai 37 inisiatif yang bertujuan menggalakkan kemampuan IPTS selaras dengan permintaan industri dan juga hasrat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.
5. Sebagai langkah ke hadapan, harmonisasi IPTA dan IPTS juga merupakan salah satu cadangan yang sedang diambil kira sebagai salah satu inisiatif dalam PPPTM 2026-2035 bagi mewujudkan sistem pendidikan tinggi negara yang lebih cekap dan padu serta memberi manfaat kepada semua pelajar dan institusi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN AMIR BIN MD GHAZALI**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 44**

**SOALAN**

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) Bagaimanakah Kementerian menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti untuk memajukan inovasi dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh negara; dan
- (b) apakah dana atau insentif yang disediakan bagi memastikan penyelidikan di Malaysia dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. KPT sentiasa menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti untuk memajukan inovasi dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh negara.
2. Dalam konteks ini, KPT merupakan pihak yang bertanggungjawab terhadap perancangan strategik dan hala tuju penyelidikan nasional

melalui pengurusan geran penyelidikan yang turut melibatkan kolaborasi antarabangsa.

3. Pelbagai program geran penyelidikan seperti Dana Penyelidikan Fundamental, Dana Universiti Penyelidikan, Dana Pemerkasaan Penyelidikan Bidang Nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) dan Dana Khas Penyelidikan lain turut dikawal selia oleh KPT.
4. Objektif **Program Dana Penyelidikan Fundamental** adalah untuk melonjakkan kecemerlangan penyelidikan di Malaysia melalui penjana teori, konsep dan idea baharu beracuan Malaysia, serta berpotensi diterjemahkan kepada penyelidikan translasional yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan.
5. Di bawah Program Dana Penyelidikan Fundamental, terdapat empat (4) skim geran yang ditawarkan iaitu:
  - i. **Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)**
  - ii. **Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)**
  - iii. **Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)**
  - iv. **Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)**
6. Output utama bagi skim-skim geran tersebut adalah:
  - i. **Penghasilan dan Pembangunan bakat pelajar Pascasiswazah dalam bidang penyelidikan;**
  - ii. **Penerbitan artikel dalam jurnal terindeks dan penerbitan-penerbitan lain;**
  - iii. **Pemberian hak harta intelek; dan**
  - iv. **Penghasilan prototaip (PRGS sahaja).**

Tuan Yang di-Pertua,  
(b)

7. Mengenai dana atau insentif untuk memastikan penyelidikan di Malaysia boleh bersaing di peringkat antarabangsa pula, *Malaysia Partnerships and Alliances in Research* iaitu MyPAiR mempertingkatkan kerjasama penyelidikan antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan industri tempatan serta agensi antarabangsa dalam bidang strategik.
8. MyPAiR diperkenal untuk mengukuhkan keupayaan dan memacu kecemerlangan penyelidikan Malaysia menerusi perkongsian dan kerjasama strategik.
9. Perkongsian dan kerjasama penyelidikan turut merangkumi konteks yang lebih luas bagi penyelidikan dalam bidang berkepentingan dan bertepatan dengan agenda negara. Menerusi program ini, kerjasama pelbagai hala antara Malaysia dan negara-negara rakan kerjasama dapat dikukuhkan dalam bidang penyelidikan dan pendidikan tinggi.
10. Program MyPAiR telah berjaya melaksanakan **sepuluh (10) program atau geran penyelidikan** padanan antarabangsa dengan kerjasama pelbagai agensi ternama antarabangsa dari **empat (4) negara** iaitu **Jepun, United Kingdom, Perancis, dan Sepanyol**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI HAJAH ZURAINAH  
BINTI MUSA**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 48**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI  
PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : -

- (a) inisiatif yang ingin dicadangkan untuk memperkukuh kerjasama pendidikan tinggi antara negara ASEAN ekoran pengumuman Menteri pada Oktober 2024; dan
- (b) bolehkah Kementerian mempertimbangkan pewujudan mekanisme *twinning programme* antara universiti negara ASEAN seperti program Erasmus Mundus di Eropah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, KPT telah pun menyenaraikan pelbagai program atau aktiviti yang merangkumi program berbentuk forum, persidangan atau seminar serta mesyuarat ASEAN iaitu mesyuarat peringkat kumpulan kerja

(*working group*) dan peringkat Menteri-Menteri Pendidikan Tinggi ASEAN.

2. Melalui program-program ini, KPT berhasrat mengambil peluang memperkenalkan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi dengan penyertaan ribuan pelajar, ahli akademik, pembuat dasar dan orang awam daripada negara-negara ASEAN.
3. Malah agenda mobiliti pendidikan tinggi, kepimpinan pendidikan tinggi khususnya berkaitan wanita (*women in academic leadership*). *Artificial Intelligence (AI)*, *TVET*, *Digitalization and Energy Transition* turut diketengah dan diperkasa.
4. KPT turut dipelawa untuk menjadi hos kepada dua (2) mesyuarat peringkat kumpulan kerja (*working group*) ASEAN iaitu:
  - (i) *The 8th Meeting of the ASEAN Working Group on Higher Education Mobility (AWGHEM) 2025*, dan
  - (ii) *The 19<sup>th</sup> ASEAN Mobility for International Students (AIMS) Meeting*.
5. Turut dirancang adalah *Ministers Roundtable on Future of ASEAN Higher Education* yang akan menghimpunkan Menteri-Menteri Pendidikan Tinggi ASEAN bagi membincangkan hala tuju pendidikan tinggi pasca 2025 dan ke hadapan.
6. Dalam pada itu, KPT juga komited meningkatkan keterlihatan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta program akademik yang ditawarkan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan IPT di luar negara. Usaha ini dilaksanakan secara bersama antara IPT tempatan dan IPT luar negara melalui program dwijazah (*dual degree*), ijazah bersama (*joint degree*) dan ijazah berkembar atau berganda (*double degree*).
7. KPT juga sentiasa menggalakkan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) menjalinkan pelbagai kerjasama dengan IPT-IPT di rantau ASEAN dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan

Malaysia sebagai hab pendidikan global. Kerjasama ini merangkumi mobiliti pelajar, penyelidikan bersama atau penawaran program dwi-ijazah dengan rakan institusi ASEAN.

8. Melalui inisiatif ini, secara tidak langsung Malaysia membantu memperluas akses pelajar ke pendidikan tertiar, malah turut menyokong pembangunan modal insan serantau, sejajar dengan aspirasi negara untuk membina ekosistem pendidikan tinggi yang kompetitif dan inklusif.

Tuan Yang di-Pertua,  
(b)

9. Bagi memperluas kepelbagaian keperluan program, KPT juga telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Ijazah Bersama (*Joint Degree*), Ijazah Dual (*Dual Degree*) dan Ijazah Berganda (*Double Degree*) yang mana ianya menjadi rujukan dan panduan kepada semua IPT dalam membangunkan dan menawarkan program akademik berkenaan. Secara tidak langsung, ianya dapat membuka peluang kepada IPT di Malaysia untuk melaksanakan kerjasama akademik dengan universiti di ASEAN sebagaimana pelaksanaan program Erasmus Mundus di Eropah.
10. MQA juga telah melaksanakan penandaarasan antara Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dengan *Asean Qualifications Reference Framework* (AQRF) berpandukan AQRF Referencing Guidelines yang diterbitkan pada September 2016. MQA juga secara berterusan membina perhubungan dengan memeterai memorandum kerjasama bagi memperkenalkan sistem pendidikan tinggi di Malaysia dan seterusnya memupuk persefahaman pengiktirafan bersama terhadap kualiti pendidikan yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN  
HAJI IDRIS**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 7**

**SOALAN**

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menangani masalah lambakan graduan yang menganggur.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi daripada **Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), **kadar kebolehpasaran graduan warganegara bagi tahun 2023 ialah 89.8 peratus (%)** manakala bilangan graduan yang **belum bekerja selepas tempoh enam (6) bulan** menamatkan pengajian adalah sebanyak **10.2 peratus (%)**.
2. Dalam hal ini, KPT tetap komited dalam meneruskan usaha-usaha untuk memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi talents and skills*) dapat diberikan kepada graduan bagi menangani isu yang belum bekerja. Antara inisiatif yang dilaksanakan:

- i) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik perancangan kita** dengan memberi penekanan kepada 4 bidang utama iaitu:
  - a) Pengukuhan Kecemerlangan Bakat,
  - b) Peluasan Kerjaya Pelajar,
  - c) Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), dan
  - d) Pemeraksanaan Hubungan Industri.
  
- ii) **Pelaksanaan program latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)** kepada pelajar tahun akhir dan begitu juga melibatkan graduan universiti awam, politeknik serta kolej komuniti.
  
- iii) **Memperkenalkan inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)*** dengan mengintegrasikan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) untuk menghasilkan graduan yang mempunyai nilai dan juga kemahiran yang diperolehi dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.
  
- iv) **Pengukuhan kerjasama dengan industri menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU) dengan pelbagai industri** sebab di peringkat Universiti sekarang ini kita mempunyai pendekatan *Work Based Learning*.
  
- v) **Menjalinkan kerjasama strategik merentasi Kementerian melalui perinsip *the whole of government* iaitu sebagai contoh MOHE (Kementerian Pendidikan Tinggi) bekerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Ekonomi (KE)** bagi memastikan supaya kita dapat bekerja sebagai satu pasukan dan memastikan jurang kemahiran pekerja, ketidaksepadanan dan isu-isu melibatkan

pengangguran ataupun *underemployment yang berlaku* dapat diatasi secara bersama.

- vi) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO.** Sebagai contoh dalam perkembangan baru-baru ini kita mengadakan Program Festival of Ideas dan pada waktu itu juga KPT menjemput PERKESO dan PERKSEO mengemukakan cadangan dengan melibatkan hampir 100 industri datang dan mereka menawarkan 10000 pekerjaan pada ketika itu. Itu adalah antara langkah-langkah yang dibuat oleh KPT untuk mengatasi masalah pengangguran dapat kita bantu bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK LIM PAY HEN**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 13**

**SOALAN**

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- a) apakah pelan Kementerian bagi memperbanyakkan lagi jurusan dan bidang Sains Data, Kecerdasan Buatan (AI) dan Teknologi Hijau di institusi-institusi pendidikan tinggi sebagai satu usaha untuk menyiapkan anak-anak muda dengan industri yang dipacu masa depan (*future-driven industries*), dan
- b) apakah sasaran Kementerian dan sejauh mana ia telah diusahakan dan dicapai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan **Kerangka Pembangunan Program Teknologi Tinggi Bernilai Tinggi (HT-HV)** dalam usaha menghasilkan graduan yang mahir dan kalis masa hadapan serta menjadi penanda aras untuk program pada masa akan datang ke arah melahirkan graduan

berkualiti setanding dengan graduan di negara berasaskan teknologi yang lain.

2. KPT turut menyokong penuh pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan komited dalam melahirkan bakat yang memenuhi keperluan industri (*industry-ready*) dan graduan kalis masa hadapan (*future-proof graduates*) melalui program-program akademik yang berkualiti. Ini termasuk bagi bidang Sains Data yang ditawarkan oleh 9 UA dan bidang Teknologi Hijau yang ditawarkan oleh 8 UA yang selari dengan *National Energy Transition Roadmap* (NETR).
3. Selain itu, **Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** yang ditubuhkan adalah bersifat merentas disiplin ilmu dan melibatkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang seperti Fakulti Komputeran, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan lain-lain. Perkara ini seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 yang dirangka oleh Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI). **Pelajar kohort pertama program ini telah memulakan pengajian pada Oktober 2024.**
4. Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri telah melancarkan ***Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 (MY AI NEXUS)*** di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada 10 Mei 2024. Majlis ini dianjurkan oleh KPT dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai satu program khas yang bertujuan untuk menyatukan pakar-pakar tersohor dalam bidang AI, universiti, industri, agensi dan pemegang taruh dalam memacu ketersediaan AI di Malaysia.
5. Inisiatif di bawah pelancaran tersebut direalisasikan menerusi penubuhan ***Malaysia AI Consortium (MAIC)*** yang merupakan sebuah kolaborasi strategik melibatkan IPT, Kementerian, Agensi Kerajaan, dan Pemain Industri dalam bidang AI untuk memberikan nasihat, kepakaran, dan sumbangan kepada pembangunan bakat AI di Malaysia. Inisiatif ini adalah penting bagi melahirkan graduan

untuk memenuhi keperluan industri seperti AI yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030.

6. Secara keseluruhannya, **kesemua (100%) Universiti Awam juga telah menerapkan elemen pendigitalan dalam penyampaian pendidikan melalui *Learning Management System (LMS)***. Ini membolehkan pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang komprehensif dalam tempoh pengajian.
7. Di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pula, **Transformasi Politeknik 2023-2035** memberikan penekanan yang signifikan terhadap agenda pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI). Agenda ini tertumpu pada Strategi Kritikal Keberhasilan (CRA) ke-10, yang dikenali sebagai ***Poli Digital***, dengan matlamat untuk mempercepat adaptasi teknologi digital dan AI dalam sistem pendidikan politeknik.
8. Poli Digital memberi fokus kepada penggunaan Pengkomputeran awan yang membolehkan *Learning Management System (LMS)* POLYCC atau dikenali sebagai CIDOS 4.0 mempunyai perincian AI seperti *Machine learning, auto scaling, Large Language Model dan Reinforcement Learning*. Selain itu teknologi AI *machine learning* dalam LMS CIDOS 4.0 ini juga membantu pensyarah membuat jangkaan mengenai keputusan penilaian pelajar berdasarkan set data sedia ada.
9. POLYCC turut melaksanakan pelbagai aktiviti AI bersama pelajar, memberi tumpuan kepada pembangunan bahan pembelajaran dan alat penyampaian pendidikan menggunakan teknologi AI, dan menyediakan program pembelajaran *micro-credential (MC)* secara dalam talian kepada pelajar, pensyarah, dan komuniti setempat untuk mendapatkan pengiktirafan dalam bidang AI melalui kerjasama dengan *Amazon Web Services (AWS)*. Sebagai rakan latihan bertauliah AWS (*AWS Authorized Training Partner*), POLYCC menawarkan hampir 600 kursus yang dirancang untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran AI terkini.

10. Sepanjang tahun 2024, POLYCC menyasarkan penyampaian pendidikan secara menyeluruh dengan memanfaatkan teknologi digital dan AI di semua institusinya. Sehingga kini, POLYCC telah mencapai hampir 15% daripada sasaran ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK NELSON W ANGANG**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 17**

**SOALAN**

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia mempunyai dasar dan prosedur yang jelas serta berkesan dalam menangani isu buli dan budaya ragging melampau berikutan insiden buli yang semakin serius.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes buli di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merupakan isu serius yang diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandangkan ia boleh menjejaskan keselamatan, kesejahteraan, dan pencapaian akademik pelajar.
2. Isu ini bukan sahaja melibatkan pelajar sebagai mangsa dan pelaku, tetapi juga pengurusan IPT sebagai pihak yang bertanggungjawab menyediakan dan memastikan persekitaran IPT yang selamat dan kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran.

3. Justeru, bagi menangani kes buli dengan lebih menyeluruh di Universiti Awam (UA), Kementerian melalui Majlis Tatatertib dan Disiplin Pelajar Universiti Malaysia (MATDUM) kini sedang menyediakan satu **garis panduan khusus yang mengandungi dasar dan prosedur yang jelas berhubung pengurusan kes buli di semua UA yang dijangka akan siap disediakan pada bulan Mac 2025.**
4. Dalam masa yang sama, pengurusan kes buli di **Universiti Awam** kini boleh dilaksanakan melalui tindakan tatatertib ke atas pelajar yang melakukan kesalahan ini berdasarkan peruntukan di bawah Kaedah Tatatertib Pelajar (KTP). Dalam hal ini, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar boleh menjatuhkan hukuman kepada pelajar yang terlibat mengikut tahap kesalahan yang dilakukan. Sekiranya kesalahan tersebut dianggap terlalu serius, laporan polis akan dibuat untuk tindakan selanjutnya.
5. Dalam konteks **Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)**, pengurusan kes buli adalah melalui pelaksanaan tindakan disiplin dan tatatertib ke atas pelajar mengikut ketetapan di bawah sub seksyen 33(a), 46(1A) dan 46(2) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].
6. Seperti mana UA dan IPTS, pengurusan isu buli dalam kalangan pelajar **Politeknik dan Kolej Komuniti** juga adalah melalui tindakan disiplin dan tatatertib berdasarkan kepada Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti serta Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatattertib) 1976 [Akta 174].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK NELSON W ANGANG**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 30**

**SOALAN**

**Senator Datuk Nelson Wangang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648) dilaksanakan di institusi politeknik dan kolej komuniti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya kesemua **politeknik** patuh kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA Pindaan 2022). Ini berdasarkan faktor kematangan pengoperasian sesebuah politeknik yang sentiasa dipantau dan dinilai dalam banyak aspek oleh pelbagai badan dan agensi dari masa ke masa, misalnya Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC).
2. Kebanyakan politeknik juga telah menghantar kakitangan bagi mendapatkan pensijilan *OSH Coordinator*, dan mulai tahun 2024, pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mula menawarkan program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- (OSH) sebagai salah satu program di bawah inisiatif Pentauliahahan Profesional (PP) kepada para pensyarah.
3. Politeknik juga telah mewajibkan kursus OSH kepada pelajarannya bagi menyokong OSH MP 25 dan terdapat beberapa politeknik yang telah mempunyai OSH MS 45001.
  4. Manakala di **kolej komuniti**, pematuhan kepada Akta ini turut diberi perhatian dan penekanan terutamanya kolej komuniti yang beroperasi di premis sendiri, mempunyai kemudahan bengkel dan makmal seperti bengkel kerja perabot, makmal jahitan, makmal komputer dan sebagainya.
  5. Secara umumnya, menuju ke arah pematuhan OSH, kebanyakan peralatan berperakuan baharu di politeknik dan kolej komuniti juga didaftarkan melalui platform Sistem Perkhidmatan Atas Talian JKKP (MyKKP) yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), seperti alat bejana tekanan tak berapi.
  6. Sebagai peneraju institusi TVET unggul negara, politeknik dan kolej komuniti juga meneruskan komitmen untuk terus patuh kepada sebarang akta dan peraturan yang menyokong TVET, terutama sekali bagi perkara-perkara yang meletak tinggi aspek keselamatan dan kesihatan dalam lapangan pekerjaan.
  7. Justeru, mengambil serius perkara ini, keperluan untuk menyediakan seorang pegawai dengan portfolio khusus bagi OSH di setiap politeknik dan kolej komuniti sedang dalam pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI  
BIN CHE SALLEH**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 1**

**SOALAN**

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan mengatasi masalah buli di setiap universiti bagi memastikan kes seperti yang baru sahaja berlaku terhadap pelatih di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) tidak berulang, serta adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti cara yang lebih efektif untuk mengesan kes buli di universiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk jawab secara bersekali soalan daripada **Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** bertarikh 16 Disember 2024, dan soalan daripada **Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** bertarikh 18 Disember 2024, kerana menyentuh isu yang sama.

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin menegaskan bahawa pihak Kementerian tidak akan bertolak ansur dengan sebarang

bentuk buli atau kekerasan yang berlaku di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta di bawah KPT.

2. Dalam hubungan ini, KPT tidak akan melindungi pelaku serta akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berwajib untuk menjalankan siasatan secara telus dan profesional, termasuk bagi kes buli yang dilaporkan berlaku di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
3. Dalam konteks UPNM, KPT ingin menjelaskan bahawa pelajar-pelajar UPNM adalah tergolong kepada dua (2) kategori iaitu pelajar awam dan pegawai kadet. **Pengurusan kedua-dua kategori pelajar ini pula terbahagi antara pihak UPNM dan Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) di bawah Kementerian Pertahanan.**
4. UPNM bertanggungjawab ke atas urusan pengajaran dan pembelajaran (PdP), kuliah dan aktiviti atau kegiatan pelajar dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang, dan tanggungjawab ALK pula meliputi perkara disiplin ketenteraan, aktiviti di luar bidang akademik dan latihan ketenteraan bermula jam 5.00 petang dan ke atas, termasuk hujung minggu atau hari pelepasan am. Dalam hal ini, **kes di UPNM adalah terjadi selepas waktu PdP.**
5. Kementerian ini komited untuk meneliti kaedah dan amalan terbaik serta mengkaji semula dasar sedia ada untuk menambah baik prosedur serta mekanisme bagi menangani isu disiplin pelajar khususnya gejala buli dengan lebih cekap.
6. Justeru, KPT sedang dan akan mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi gejala ini sebagai usaha secara berterusan untuk mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan pelajar di semua UA amnya dan UPNM khususnya melalui inisiatif-inisiatif dan tindakan-tindakan seperti berikut:

i. **Penyediaan Sistem Laporan Kes Buli yang Selamat**

Satu sistem pelaporan secara elektronik yang lebih efisien dan mudah digunakan bagi menggalakkan pelajar membuat aduan mengenai kes buli dengan selamat dan tanpa rasa takut akan dilaksanakan.

**Buat masa ini, UPNM telah membangunkan Portal Elektronik Komen dan Aduan (PEKA) UPNM** yang mudah diakses. PEKA ini membolehkan pelajar melaporkan sebarang kes buli tanpa rasa bimbang akan kebocoran maklumat pengadu disebabkan sistem akan memastikan identiti pelapor dilindungi, sekali gus menggalakkan lebih ramai pelajar tampil melaporkan sebarang bentuk buli.

ii. **Penerapan Budaya *Zero Tolerance* terhadap Buli melalui Pemantauan dan Penguatkuasaan Peraturan yang Lebih Ketat dan Hukuman yang Lebih Berat**

Pembudayaan toleransi sifar terhadap buli dengan penguatkuasaan peraturan yang lebih ketat dan hukuman yang lebih berat juga akan dilaksanakan di semua UA. Satu jawatankuasa khas di setiap UA juga akan ditubuhkan untuk memantau dan menangani aduan yang berkaitan dengan kes-kes buli bagi memastikan budaya buli dinoktahkan.

iii. **Pelaksanaan Program Kesedaran dan Pendidikan mengenai Bahaya, Implikasi Negatif dan Cara Menangani Kes Buli**

Kementerian turut bekerjasama dengan pihak UA untuk menjalankan program-program kesedaran dan advokasi.

iv. **Pengukuhan Sistem Sokongan Pelajar bagi Membantu Mangsa Buli**

Kementerian melalui Majlis Kaunseling Universiti Awam Malaysia (MAKUMA) akan turut memperkukuh perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi bagi membantu mangsa buli.

v. **Penekanan Terhadap Pembinaan Sahsiah, Etika dan Latihan Kepimpinan bagi Menyokong Kemenjadian Mahasiswa yang Lebih Bersifat Positif.**

Misalnya, sepanjang Minggu Haluan Siswa/ Minggu Orientasi, Kementerian sememangnya ada memberi penekanan kepada elemen antibuli dan juga *ragging*.

vi. **Saringan dan Penilaian Berterusan terhadap Pelajar**

UA juga digesa untuk meningkatkan saringan mental dan fizikal kepada pelajar sebelum dan semasa tempoh pengajian bagi memastikan mereka tidak mengalami tekanan yang berlebihan yang boleh mencetuskan tingkah laku buli.

7. Secara keseluruhan, Kementerian akan terus berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang lebih aman dan harmoni di universiti, di mana pelajar dapat belajar tanpa gangguan dan ancaman ke arah hasrat untuk memastikan semua kampus universiti menjadi zon yang terhindar daripada budaya buli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 9**

**SOALAN**

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka Fakulti Undang-Undang di mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Sarawak dan apakah langkah yang perlu diambil supaya perkara ini dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat 20 buah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia yang menawarkan kursus yang berkaitan dengan bidang undang-undang, iaitu tujuh (7) buah universiti awam (UA) dan 13 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).
2. Manakala program-program yang dilaksanakan seperti program hasil sendiri, program berkembar universiti luar negara, program bersama universiti luar negara secara *external*.
3. Bagi menjawab persoalan tentang program undang-undang di negeri Sarawak. Program pertama adalah di **Kolej SEGi Sarawak**

dimana program undang-undang tersebut dijalankan bersama dengan universiti luar negara secara *external*. Kurikulum program ini dibangunkan oleh *University of London*.

4. Manakala bagi Universiti Awam pula, **Universiti Malaya** juga telah mula menawarkan program Sarjana Muda Undang-undang iaitu hasil sendiri di Sarawak menggunakan fasiliti di *Swinburne University of Technology Sarawak Campus* bermula pada bulan Oktober 2024.
5. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedar tentang keperluan penawaran program undang-undang peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi memenuhi keperluan perundangan tempatan seperti undang-undang adat, hak tanah dan autonomi negeri, khusus di Sarawak dan juga di Sabah.
6. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum, terdapat moratorium penawaran program undang-undang baharu peringkat Ijazah Sarjana Muda yang sedang berkuat kuasa di mana keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2007 yang lalu bersetuju supaya tiada penambahan bilangan pelajar undang-undang dan bilangan IPT yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang.
7. Saya telah mengadakan beberapa siri perbincangan yang berkaitan, malah sewaktu saya di Sarawak baru-baru ini juga perbincangan itu dibangkitkan.
8. Dan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi sedang membuat penilaian bagi memastikan supaya program-program seperti yang dikehendaki di peringkat Negeri Sarawak dapat kita dikemukakan. Termasuklah yang saya sebutkan tadi, iaitu Universiti Malaya telahpun menggunakan fasiliti yang ada di Universiti Malaya untuk kita laksanakan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK NELSON W ANGANG**

**TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 20**

**SOALAN**

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian menyediakan sistem pengaduan yang selamat dan mudah diakses bagi pelajar untuk melaporkan kes buli atau keganasan tanpa rasa takut, serta langkah yang diambil untuk menggalakkan pelajar tampil membuat laporan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dan prihatin terhadap kesejahteraan mahasiswa. Atas dasar ini juga, KPT sentiasa peka berhubung isu buli yang melibatkan mahasiswa khususnya di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah seliaan Kementerian ini.
2. Bagi menggalakkan pelajar tampil melaporkan kes buli atau keganasan tanpa rasa takut, KPT telah menggesa semua UA untuk menyediakan satu sistem pelaporan secara elektronik yang efisien dan mudah digunakan.

3. **Buat masa ini, UPNM telah membangunkan Portal Elektronik Komen dan Aduan (PEKA) UPNM.** Portal PEKA UPNM ini mudah diakses bagi membolehkan pelajar melaporkan sebarang kes buli tanpa rasa bimbang akan kebocoran maklumat pengadu. Sistem ini akan memastikan identiti pelapor dilindungi, sekali gus menggalakkan lebih ramai pelajar tampil melaporkan sebarang bentuk buli.
4. **Penguatkuasaan peraturan yang lebih ketat dan hukuman yang lebih berat** juga akan dilaksanakan di semua UA sebagai manifestasi keseriusan pihak universiti dalam menangani isu buli.
5. **Satu jawatankuasa khas di setiap UA** juga akan ditubuhkan untuk memantau dan menangani aduan yang berkaitan dengan kes-kes buli. Usaha ini diharapkan akan dapat menggalakkan lebih ramai pelajar membuat laporan kepada pihak universiti bagi menoktahkan budaya buli.
6. Selain itu, KPT juga bekerjasama dengan pihak UA dalam menjalankan program-program kesedaran dan advokasi mengenai bahaya, implikasi negatif dan cara menangani kes buli yang turut mengandungi elemen serta galakan kepada pelajar untuk membuat aduan kepada pihak universiti bagi sebarang insiden buli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN  
HAJI IDRIS**

**TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 34**

**SOALAN**

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan graduan berkemahiran dalam '*Artificial Intelligence*' selari dengan perkembangan global.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah merangka beberapa inisiatif penting bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030. Antaranya, penubuhan *Malaysia AI Consortium* (MAIC) memainkan peranan penting dalam menyatukan pakar-pakar AI dari pelbagai universiti dan industri untuk memberikan nasihat, kepakaran, dan sumbangan kepada pembangunan bakat AI di Malaysia. Ini diharapkan dapat mempercepat dan menyemarak pertumbuhan ekonomi negara berteraskan AI sekaligus mensejahtera kehidupan rakyat secara keseluruhannya.

2. KPT juga bekerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* untuk memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini termasuk dalam bidang AI, *Internet of Things (IoT)*, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), yang mana pelbagai universiti dan politeknik tempatan akan mendapat manfaat daripada kerjasama ini.
3. Selain itu juga, usaha KPT dalam membangunkan bakat AI negara turut disahut oleh Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) melalui pelancaran *AI Sandbox Pilot Program* yang antara lain bertujuan untuk melahirkan 900 syarikat pemula berteraskan AI serta melatih sehingga 13,000 bakat AI menjelang 2026.
4. Sebagai tambahan, terdapat kerjasama agensi Kerajaan dengan *Google* melalui program *Go Cloud* yang menyediakan kaedah pembelajaran digital tanpa kos untuk meningkatkan kemahiran 300,000 rakyat Malaysia dalam bidang AI, analitik data, dan produktiviti berasaskan awan menjelang 2026. Program ini membolehkan individu memperoleh pensijilan profesional dalam bidang permintaan tinggi seperti analisis data dan sokongan teknologi maklumat.
5. Penubuhan Fakulti AI UTM juga adalah bersifat merentas disiplin ilmu dan melibatkan tenaga pakar dari pelbagai bidang seperti Fakulti Komputeran, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, serta lain-lain. Ini bagi memastikan pendekatan secara holistik dan komprehensif dalam pengajaran dan penyelidikan AI dapat direalisasikan.
6. Fakulti AI ini juga bekerjasama dengan pemain industri AI dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) lain untuk memastikan pendidikan dan latihan yang diberikan adalah relevan dengan keperluan semasa industri. Ini termasuk penubuhan Konsortium Pakar AI yang bertujuan untuk menggembeng kepakaran dan sumber daya dari pelbagai pihak.

7. Fakultas AI UTM akan menawarkan program pengajian pada semua peringkat, termasuk sarjana muda, sarjana, dan kedoktoran. Semua program ini akan berfokus kepada pengembangan pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi dalam bidang kecerdasan buatan. Selain daripada program akademik, fakulti ini juga akan menyediakan kursus-kursus profesional dan latihan yang direka khusus untuk melengkapkan graduan serta profesional dengan kemahiran praktikal dan teknikal yang diperlukan dalam industri AI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**

**TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 38**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam menyediakan biasiswa dan bantuan pendidikan khusus kepada pelajar dari komuniti India yang kurang berkemampuan, terutamanya untuk pengajian tinggi dalam bidang kritikal seperti sains, teknologi, dan kejuruteraan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyediakan pelbagai bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan iaitu biasiswa, dermasiswa dan bantuan kewangan. Penajaan diberikan kepada pelajar yang layak berdasarkan merit tanpa mengira kaum. Penajaan yang diberikan juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat penawaran yang telah ditetapkan.

2. KPT turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar golongan B40. Terdapat **tiga (3) bantuan disediakan kepada pelajar golongan B40 iaitu Bantuan Kewangan Asasi (BKA), Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) dan Program Dermasiswa B40 TVET.**
3. Program **Bantuan Kewangan Asasi (BKA)** merupakan bantuan kepada pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) dan sederhana rendah (M40) yang telah mendaftar tempat pengajian mengikuti program asasi di 13 Universiti Awam dan 5 Politeknik. Bantuan yang layak diterima oleh mereka meliputi komponen elaun wang saku, yuran pengajian, yuran penginapan dan tambang penerbangan.
4. Program **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)** pula diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti dalam kumpulan keluarga berpendapatan rendah B40 yang melanjutkan pengajian di peringkat sijil secara sepenuh masa, di mana mereka akan menerima Elaun Wang Saku.
5. **Program Dermasiswa B40 TVET** pula mula dilaksanakan pada tahun 2022 khusus untuk pelajar B40 yang mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti. Dermasiswa ini melibatkan pembiayaan yuran pengajian dan elaun wang saku sepanjang tempoh penajaan.
6. Selain itu, pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD dalam bidang sains tulen** juga **berpeluang untuk mendapatkan penajaan di bawah Program MyBrainSc** tanpa mengira had pendapatan keluarga. Penajaan ini melibatkan pembiayaan yuran pengajian dan elaun sara hidup sepanjang tempoh penajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L DATO'  
SERI R. ARUNASALAM**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 6**

**SOALAN**

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk memasuki universiti akibat kesusahan kehidupan keluarga dan apakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil untuk turun berinteraksi secara terus dengan pelajar-pelajar baru di universiti dan sama ada langkah ini disambut baik oleh para mahasiswa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), dalam usaha untuk sentiasa menjaga kebajikan pelajar, pelbagai inisiatif dan langkah telah dan akan terus diambil.
2. Misalnya, antara usaha KPT dalam membantu para pelajar ini termasuklah melalui pelaksanaan **Program Pembangunan Siswa Sulung (SULUNG)** yang menyediakan peluang dan pembiayaan pendidikan kepada generasi pertama daripada keluarga B40 yang

belum ada ahli keluarganya melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi, untuk menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti awam (UA).

3. Program ini telah dilaksanakan secara rintis oleh KPT mulai Sesi Akademik 2022/2023 dengan penglibatan awal 75 orang pelajar daripada 8 buah UA, diikuti dengan 4,801 orang pelajar daripada 20 buah UA pada Sesi Akademik 2023/2024. Ini melibatkan pelajar baharu dan juga pelajar sedia ada. Seterusnya 1,924 orang pelajar baharu (tahun pertama pengajian) untuk Program SULUNG 3.0 bagi Sesi Akademik 2024/2025.
4. Program SULUNG ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan potensi pelajar yang holistik bagi memenuhi aspirasi negara dalam merubah kehidupan keluarga B40 untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.
5. Selain itu, Kementerian **melalui Yayasan Perkasa Siswa** (iaitu sebuah agensi di bawah KPT) juga ada menyalurkan bantuan pendidikan bertujuan untuk meringankan beban kewangan bakal pelajar baharu dalam membuat persediaan melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Nilai bantuan pendidikan ini adalah sejumlah RM1,000.00 bagi setiap pelajar yang layak (*one-off*). Sehingga kini, seramai 271 orang pelajar yang telah dilibatkan.
6. Selain pembiayaan dan bantuan pendidikan, bagi memastikan pelajar baharu terutamanya golongan B40 mendapat akses kepada pendidikan tinggi, **KPT juga telah meminta semua UA untuk menerima masuk pelajar yang kurang berkemampuan yang mendapat tawaran dan membenarkan penangguhan bayaran yuran pendaftaran**. Langkah ini adalah penting untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir disebabkan masalah kewangan.
7. Setelah itu, bagi para pelajar yang benar-benar tidak mampu, pihak universiti melalui **Pusat Zakat** masing-masing atau menggunakan peruntukan **di bawah Tabung Kebajikan Universiti** akan

membantu pelajar menyelesaikan bayaran yuran pendaftaran kepada universiti.

8. Bagi program turun padang bersama pelajar, KPT telah memperkenalkan **Program "In Person with Doc Zam" (IPWDZ)** dan **"Talk to Us"** buat julung kalinya diadakan secara santai dan pengacaraan interaktif bagi memberi peluang berharga kepada pelajar untuk berinteraksi secara terus dengan Menteri Pendidikan Tinggi dan juga Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Antara pengisian dalam program ini termasuklah mengenai kehidupan di kampus, kesejahteraan negara bangsa, kepimpinan, jati diri dan patriotisme, dasar pendidikan tinggi dan lain-lain.
9. Selain itu, program ini juga menampilkan pendekatan interaksi secara terbuka yang mana Menteri Pendidikan Tinggi dengan sokongan pengurusan tertinggi Kementerian menjawab secara terus soalan-soalan daripada mahasiswa. Inisiatif baharu ini dilihat memberi impak positif kepada Kementerian hasil pendekatan yang lebih terbuka, mesra dan santai yang digunakan semasa program.
10. Penganjuran program-program ini melibatkan beberapa siri jelajah dan setakat ini hampir 30,000 orang mahasiswa terlibat di kampus-kampus di universiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 33**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif tambahan bagi membantu pelajar India dari keluarga berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, termasuk pembiayaan dan biasiswa yang khusus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ada menyediakan bantuan untuk golongan berpendapatan rendah terutamanya keluarga B40 melalui **dermasiswa dan bantuan kewangan**.
2. Terdapat tiga (3) bantuan disediakan kepada golongan B40 iaitu **Bantuan Kewangan Asasi (BKA), Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) dan Program Dermasiswa B40 TVET**.
3. **Program Bantuan Kewangan Asasi (BKA)** ini merupakan bantuan kepada pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan

rendah (B40) dan sederhana rendah (M40) yang telah mendaftar tempat pengajian mengikuti program asasi di 13 Universiti Awam (UA) dan 5 Politeknik. Bantuan yang layak diterima adalah elaun wang saku, yuran pengajian, yuran penginapan dan tambang penerbangan.

4. **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)** pula diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti dalam kumpulan keluarga berpendapatan rendah B40 yang melanjutkan pengajian di peringkat sijil secara sepenuh masa, di mana mereka menerima Elaun Wang Saku.
5. Selain itu, **Program Dermasiswa B40 TVET** yang mula dilaksanakan pada tahun 2022 dikhususkan kepada pelajar daripada kumpulan B40 yang mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti. Dermasiswa ini melibatkan pembiayaan yuran pengajian dan elaun wang saku sepanjang tempoh penajaan.
6. KPT turut memperkenalkan inisiatif **Program Pembangunan Siswa Sulung (Program SULUNG)** bagi menyediakan peluang dan pembiayaan pendidikan kepada generasi pertama daripada keluarga B40 yang belum ada ahli keluarganya yang dapat melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi, untuk menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UA. Program ini terbuka kepada semua pelajar B40 berkelayakan termasuk daripada bangsa India.
7. KPT telah menambah baik kaedah pelaksanaan Program SULUNG bermula Sesi Akademik 2023/2024 dan menjenamakannya semula sebagai **Program SULUNG 2.0**. Melalui SULUNG 2.0, pelajar diberikan pengecualian yuran universiti. Sehingga berakhirnya Sesi Akademik 2023/2024 pada bulan Oktober 2024 yang lalu, jumlah keseluruhan Siswa SULUNG 2.0 daripada 20 UA adalah seramai 4,801 orang, dengan **290 orang Siswa SULUNG 2.0 adalah berbangsa India**.

8. Selanjutnya, bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan program ini, **Program SULUNG 3.0** diteruskan mulai Sesi Akademik 2024/2025 dengan 1,924 orang pelajar telah disenarai pendek sebagai calon Siswa SULUNG 3.0 oleh 20 UA. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 82 calon Siswa SULUNG 3.0 adalah berbangsa India**. SULUNG 3.0 juga menerima manfaat pengecualian yuran universiti.
9. Program ini bukan sahaja menyokong agenda global di bawah *Goal 4: Quality Education* di bawah *Sustainable Development Goals* (SDGs), malah turut menyumbang kepada dua tonggak dasar Membangun Malaysia MADANI iaitu tonggak Kesejahteraan dan tonggak Ihsan.
10. Di peringkat **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** pula, semua warganegara yang ditawarkan tempat ke IPT awam dan swasta tempatan, tanpa mengira latar belakang kaum adalah layak untuk mendapat pinjaman PTPTN tertakluk kepada syarat ditetapkan.
11. Daripada segi jumlah pinjaman yang ditawarkan, peminjam di kalangan berpendapatan rendah (penerima bantuan Sumbangan Tunai Rahmah/ STR) akan mendapat jumlah pinjaman yang lebih tinggi berbanding pelajar lain.
12. Di samping itu juga, bagi membantu golongan kurang berkemampuan untuk membuat persediaan awal sebelum mendaftarkan diri ke IPT, PTPTN juga turut menawarkan bantuan dalam bentuk Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sebanyak RM1,500 seorang kepada pelajar yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN RODERICK WONG SIEW  
LEAD**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 38**

**SOALAN**

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah punca utama yang menyebabkan pelajar STPM gagal mendapat pilihan program yang dipilih oleh mereka melalui Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar (UPUOnline) ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi akademik 2024/2025.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberikan komitmen dalam memastikan pelajar Lulusan STPM berpeluang melanjutkan pelajaran ke pendidikan peringkat tertiar.
2. Pemilihan untuk calon pelajar Lulusan STPM untuk ke universiti adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon. Proses penyetaraan ini dibuat bagi mengiktiraf kedua-dua kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan bakal mahasiswa di Universiti Awam (UA).

3. Kementerian mengamalkan **prinsip meritokrasi dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam proses pemilihan pelajar ke UA.** Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA.
4. Pemilihan pelajar dilaksanakan secara teratur mengikut proses berikut:
  - i. Calon disusun ikut ranking merit dari yang paling tinggi hingga yang paling rendah,
  - ii. Pemprosesan pemilihan akan dibuat berdasarkan program yang dipilih oleh calon,
  - iii. Berdasarkan kelayakan calon dan jika tempat masih tersedia, calon akan ditawarkan pilihan pertama, dan
  - iv. Jika tempat pengajian telah penuh, permohonan calon akan diproses untuk pilihan program yang seterusnya sehingga pilihan calon yang terakhir.
5. Penawaran program pengajian adalah tertakluk susunan merit, pilihan program pengajian, memenuhi syarat am dan khas program pengajian, bilangan tempat yang disediakan, lulus temu duga dan atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan.
6. Calon juga dimaklumkan dengan jelas bahawa tiada jaminan mendapatkan tawaran program pengajian berdasarkan kepada kedudukan merit semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : NO. 18**

**SOALAN**

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan agar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan menjadi pilihan utama bagi pelajar China untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan agar hubungan dua hala dapat dipertingkatkan antara Malaysia dan China serta memperkukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan penyelidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk menjadikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan sebagai destinasi pilihan utama bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan. Dalam hubungan ini, ia termasuk juga pelajar-pelajar dari negara China.
2. Dalam usaha untuk meletakkan IPT tempatan sebagai pilihan utama pelajar-pelajar antarabangsa, pihak KPT telah mengadakan

pelbagai proses persefahaman dengan pelbagai universiti di seluruh dunia termasuk dari China.

3. Selain itu, KPT melalui *Education Malaysia Global Services* (EMGS) aktif mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan tinggi bertaraf global. Usaha ini termasuk memudahkan kemasukan pelajar antarabangsa dan meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara.
4. Sebagai usaha untuk memastikan kualiti pendidikan dan kebajikan pelajar antarabangsa terjamin, serta menjadikan Malaysia destinasi yang menarik bagi pelajar antarabangsa termasuk dari China, KPT turut menyediakan garis panduan dan piawaian pengambilan serta pengurusan pelajar antarabangsa di IPT.
5. Ini akan turut menjamin hanya pelajar-pelajar antarabangsa yang berkelayakan dapat melanjutkan pengajian di IPT tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK BOBBEY BIN SUAN**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 15**

**SOALAN**

**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap kejayaan atau keberhasilan program Asasi TVET bagi kohort pertama pengambilan yang telah tamat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Asasi Teknologi Kejuruteraan atau dikenali sebagai Asasi TVET adalah merupakan program persediaan yang fokus kepada elemen amali dan praktikal yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).
2. Program ini adalah untuk menyokong agenda memperkasa ekosistem TVET KPT menerusi penawaran program bercirikan *advanced* TVET.
3. Program persediaan ini direkabentuk bagi memenuhi keperluan program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Bidang pengajian TVET yang

dibangunkan terdiri daripada teknologi kejuruteraan awam, teknologi kejuruteraan mekanikal dan teknologi kejuruteraan elektrik dan elektronik.

4. Pengambilan pertama **Sesi Akademik 2023/2024 adalah seramai 461 orang** yang mana mereka telah menamatkan pengajian selama satu (1) tahun pada 2 Jun 2024. Daripada jumlah tersebut, **418 pelajar Asasi TVET yang lulus program tersebut telah ditawarkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang teknologi kejuruteraan bagi sesi Akademik 2024/2025 di empat universiti di bawah MTUN.** Mereka kini berdaftar di universiti-universiti berikut: 107 pelajar di UMPSA, 66 pelajar di UNIMAP, 117 di UTeM, dan 128 di UTHM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATIN ROS SURYATI BINTI  
ALANG**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 24**

**SOALAN**

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah kes buli yang berlaku di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut universiti antara tahun 2010 hingga 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula daripada tahun 2010 sehingga kini, terdapat **28 kes buli yang dilaporkan di universiti awam (UA)** iaitu empat (4) kes yang setiap satunya masing-masing di UPM, UTM, UniMAS dan UPSI, 5 kes di USIM, 16 kes di UiTM dan 3 kes di UPNM.
2. Dalam hubungan ini, antara tindakan yang telah diambil oleh pihak universiti yang terlibat ke atas pelaku buli termasuklah buang universiti, kompaun, amaran dan ada yang masih dalam siasatan pihak universiti.
3. KPT percaya bahawa pelaksanaan tindakan-tindakan ini dapat membantu meningkatkan tahap keselamatan pelajar daripada

menjadi mangsa buli serta menjamin kesejahteraan kampus daripada insiden buli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**NO. SOALAN : NO. 50**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan melakukan kajian impak penubuhan cawangan universiti-universiti negara asing di negara ini dalam konteks ekonomi dan sosiobudaya negara serta hubungan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat mengalu-alukan universiti-universiti asing yang berhasrat menubuhkan cawangan mereka di Malaysia. Ia mencerminkan keyakinan pihak luar terhadap kestabilan politik, keselamatan dan ekonomi negara, selain membuktikan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang menarik, berpotensi tinggi dan mampu berdaya saing untuk pelaburan dalam sektor pendidikan tinggi.

2. Penubuhan cawangan universiti-universiti asing di Malaysia adalah **tertakluk kepada seksyen 21, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]**.
3. Cawangan universiti-universiti asing ini ditubuhkan dan didaftarkan sebagai Kampus Cawangan Luar Negeri (KCLN) di bawah Akta 555 dan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengawal selia pengoperasian dan pengurusannya sebagaimana IPTS lain di Malaysia. Untuk rekod, **sebanyak 11 buah KCLN telah ditubuhkan dan didaftarkan di Malaysia sehingga 31 Oktober 2024**.
4. Penubuhan universiti asing turut memberi manfaat secara langsung terhadap ekonomi, sosial, pembangunan dan ekosistem pendidikan tinggi negara yang antara lainnya meliputi perkara berikut:
  - **Pertama**, berlakunya **pemindahan ilmu dan teknologi** dari institusi induk bagi membantu meningkatkan mutu pendidikan tempatan dengan memperkenalkan amalan terbaik global,
  - **Kedua**, membuka peluang kepada pelajar tempatan untuk memperoleh pendidikan bertaraf antarabangsa dengan kos yang berpatutan,
  - **Ketiga**, menjadikan Malaysia destinasi pendidikan yang lebih menarik bagi pelajar dari luar negara dan menyumbang kepada peningkatan reputasi negara sebagai hab pendidikan global,
  - **Keempat**, mencipta peluang pekerjaan baharu, menarik pelaburan asing dan menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui yuran pengajian pelajar, pembangunan infrastruktur serta aktiviti penyelidikan,
  - **Kelima**, memperkaya pembangunan teknologi dan ekonomi negara melalui kerjasama penyelidikan dan inovasi melalui kerjasama dengan institusi tempatan, dan

- **Keenam**, memupuk persekitaran pendidikan yang inklusif, dan mempromosikan pemahaman budaya.
5. Secara keseluruhannya, penubuhan cawangan universiti-universiti negara asing di negara ini merupakan salah satu langkah strategik yang dapat memberikan manfaat secara langsung kepada Malaysia dalam konteks ekonomi, sosiobudaya negara serta hubungan antarabangsa dan seterusnya berupaya memperkukuh serta meningkatkan daya saing sistem pendidikan tinggi negara di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**

**TARIKH : 18 DISEMBER 2024 (RABU)**

**NO. SOALAN : NO. 30**

**SOALAN**

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan peminjam PTPTN yang telah bekerja mula membayar hutang mereka. Apakah pendekatan yang dipertimbangkan oleh Kerajaan bagi memperkenalkan mekanisme bayaran balik yang lebih fleksibel dan berapakah jumlah peminjam yang telah bekerja tetapi masih belum membuat pembayaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk menggalakkan peminjam PTPTN, khususnya yang telah bekerja atau mempunyai pendapatan, membuat bayaran balik, PTPTN secara proaktif telah menjalinkan **kerjasama strategik dengan majikan di seluruh negara** melalui sesi perjumpaan dan penerangan mengenai bayaran balik pinjaman PTPTN pekerja. Sehingga kini, sebanyak **4,864 majikan** aktif membantu mempermudah bayaran balik pinjaman kakitangan mereka melalui kaedah potongan gaji bulanan.

2. Selain itu, **pelbagai kaedah serta saluran bayaran balik disediakan** oleh PTPTN seperti melalui kaunter PTPTN serta ejen-ejen yang dilantik di seluruh negara, melalui perkhidmatan bayaran balik secara dalam talian, secara debit terus, atau melalui pengeluaran Akaun 2, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
3. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap graduan yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman pendidikan mereka. Bagi membantu meringankan bebanan bayaran balik, di samping menggalakkan untuk mereka tampil membuat bayaran balik pinjaman mereka:
  - a. **Peminjam PTPTN diberikan tempoh *grace period* selama 12 bulan selepas tamat pengajian sebelum diwajibkan untuk mula membuat bayaran balik pinjaman mereka.** Pemberian tempoh *grace period* ini adalah bagi membolehkan peminjam PTPTN mencari pekerjaan, atau mempunyai pendapatan, sebelum mula membuat bayaran balik pinjaman mereka. Sepanjang tempoh tersebut, peminjam tidak akan dikenakan apa-apa caj atau kos pengurusan (ujrah) ke atas pinjaman mereka.
  - b. Selepas tempoh 12 bulan *grace period*, sekiranya peminjam masih belum mendapat pekerjaan atau mempunyai pendapatan, peminjam **boleh membuat permohonan untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman** mereka sehingga maksimum 2 tahun atau 24 bulan.
  - c. Sekiranya peminjam memilih untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, peminjam juga **dibenarkan untuk membuat penangguhan bayaran balik pinjaman mereka sehingga tamat pengajian yang baharu.**
  - d. Bagi mana-mana peminjam yang telah bekerja atau mempunyai pendapatan, tapi menghadapi kesukaran atau tidak mampu untuk membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan, PTPTN menyediakan **saluran perundingan** di mana peminjam boleh menstrukturkan atau membuat

penjadualan semula bayaran balik pinjaman mereka mengikut kemampuan semasa.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data peminjam PTPTN adalah berdasarkan maklumat diperolehi semasa peminjam membuat permohonan dan kebanyakan masih belum mempunyai maklumat pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS  
DR. AWANG BIN SARIYAN**

**TARIKH : 19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 38**

**SOALAN**

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah pemantauan yang dilakukan untuk memastikan bahawa institusi pendidikan swasta di negara ini mematuhi ketetapan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) tentang tiga perkara penting, iaitu kursus Kenegaraan, kursus Bahasa Melayu dan kursus Agama Islam atau Pendidikan Moral.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] telah digubal bagi mengadakan peruntukan berhubung dengan penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan, serta kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTTS).
2. Bagi memastikan pematuhan kepada Akta 555, Ketua Pendaftar telah menetapkan supaya semua IPTTS menawarkan kursus Mata

Pelajaran Pengajian Umum (MPU) selaras dengan peruntukan subseksyen 43(1) Akta 555.

3. Penawaran MPU melibatkan pelaksanaan di peringkat Sarjana Muda (Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM), Diploma (Tahap 4 KKM) dan Sijil (Tahap 3 KKM) dan pelajar diwajibkan lulus sebagai syarat untuk bergraduat.
4. Tujuan utama MPU adalah untuk memastikan pelajar bukan sahaja memperoleh kemahiran akademik tetapi juga memiliki nilai-nilai keinsanan, kesedaran sosial, kemahiran berfikir kritis, dan keupayaan untuk beradaptasi dengan cabaran semasa. Bagi mencapai perkara ini, kurikulum MPU telah ditetapkan merangkumi 4 kategori seperti berikut:
  - (a) U1 berkaitan penghayatan falsafah, nilai dan Sejarah;
  - (b) U2 berkaitan penguasaan kemahiran insaniah;
  - (c) U3 berkaitan perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia; dan
  - (d) U4 berkaitan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.
5. Kementerian juga telah mengeluarkan Garis Panduan MPU yang memperincikan keperluan dan mekanisme penyelarasan serta penyeragaman pelaksanaan MPU merentas semua IPT sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 April 2012.
6. Dari aspek pemantauan, semua IPTS perlu mendapatkan pengesahan kualiti daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlebih dahulu sebelum menawarkan kursus MPU di institusi masing-masing.
7. Pihak MQA juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa berkaitan pelaksanaan kursus MPU di IPTS melalui proses-proses seperti berikut:

- (a) Penilaian Awal MPU,
  - (b) Pematuhan MPU,
  - (c) Akreditasi Sementara, dan
  - (d) Akreditasi Penuh.
8. Hal ini bagi memastikan kursus MPU yang ditawarkan dapat mencapai hasil pembelajaran kursus dan memenuhi atribut yang ditetapkan serta menyokong Lonjakan 1 seperti yang digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
9. Sebagai tambahan, terdapat penambahan kursus-kursus baharu di bawah MPU seperti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, Falsafah dan Isu Semasa, Kursus Integriti dan Antirasuah yang juga merangkumi elemen Kenegaraan, Pendidikan Islam dan Moral.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG**

**TARIKH : 19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : NO. 49**

**SOALAN**

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sambutan rakyat ke atas simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berikutan pelepasan cukai individu dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun ini dan berapakah jumlah terkini penyimpan yang telah menyertai SSPN mengikut negeri sejak 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim Simpanan Pendidikan Nasional atau “Simpan SSPN” merupakan produk simpanan khusus bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak yang disediakan oleh PTPTN menawarkan pelbagai insentif menarik termasuk pelepasan taksiran cukai bagi simpanan bersih tahunan sehingga maksimum RM8,000.
2. Sambutan rakyat kepada Simpanan SSPN amat memberangsangkan di mana secara keseluruhannya, **sehingga 31 Oktober 2024, sebanyak 6.6 juta akaun Simpan SSPN telah dibuka** dengan jumlah deposit sebanyak RM19.20 bilion.

- 3. Untuk tempoh 2020 hingga Oktober 2024 sahaja, sebanyak 2.28 juta akaun telah dibuka di seluruh negara.**

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN**

**NO. SOALAN : NO. 43**

**SOALAN**

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) pecahan pinjaman PTPTN yang diluluskan mengikut tahap pendapatan serta bilangan graduan yang telah membayar balik sepenuhnya, sebahagian atau tiada; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mempertimbangkan pemotongan gaji automatik mandatori di sektor swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a)
  1. Untuk makluman, PTPTN telah mula memperkenalkan tiga (3) kategori kelulusan pinjaman berdasarkan kumpulan pendapatan peminjam atau ibu bapa mulai Disember 2014. Bermula tempoh tersebut sehingga 31 Oktober 2024, PTPTN telah meluluskan 1.68 juta pinjaman, di mana daripada jumlah tersebut:

- (a) 52.81% pinjaman diberikan pada kadar maksimum kepada penerima bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dengan jumlah kelulusan sebanyak RM23.35 bilion,
  - (b) 38.06% pinjaman pada kadar 75% daripada kadar maksimum diberikan kepada peminjam BUKAN penerima bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) berpendapatan isi rumah sehingga RM8,000 sebulan, dengan jumlah kelulusan sebanyak RM14.10 bilion; dan
  - (c) 9.13% pinjaman pada kadar 50% daripada kadar maksimum diberikan kepada peminjam BUKAN penerima bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) berpendapatan isi rumah melebihi RM8,000 sebulan, dengan jumlah kelulusan sebanyak RM1.68 bilion.
- (b)
2. Berkenaan bayaran balik, sehingga 31 Oktober 2024, PTPTN telah menerima bayaran balik pinjaman daripada 2.4 juta peminjam berbanding keseluruhan yang patut membayar balik seramai 2.83 juta peminjam. Daripada jumlah tersebut, seramai 1.03 juta peminjam telah selesai membuat bayaran balik, 544,214 peminjam sedang membuat bayaran balik mengikut jadual, 822,903 peminjam membuat bayaran balik secara tidak konsisten, manakala 427,854 peminjam belum mula membuat bayaran balik pinjaman mereka.
  3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi pembayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang. Pada masa kini, PTPTN sememangnya telah melaksanakan kutipan bayaran balik secara mandatori melalui potongan gaji kakitangan awam, di samping secara aktif menggalakkan peminjam daripada sektor swasta untuk turut membuat bayaran balik melalui potongan gaji oleh majikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ**

**NO. SOALAN : NO. 79**

**SOALAN**

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi 2015-2025 berdasarkan objektif utama yang telah ditetapkan dalam usaha memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- 1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT)** merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi.
- 2. Pelan ini dirangka berlandaskan lima (5) aspirasi yang menyokong sistem pendidikan secara keseluruhan iaitu Aspirasi Sistem yang merangkumi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan bagi menyediakan negara mencapai kejayaan dalam konteks pendidikan tinggi dan berprestasi di peringkat antarabangsa. Bagi aspirasi yang menyokong pelajar secara individu iaitu Aspirasi Pelajar, terdiri daripada etika dan kerohanian; kemahiran bahasa; kemahiran memimpin; kemahiran berfikir; identiti nasional dan pengetahuan.**

Setiap aspirasi mempunyai petunjuk utama yang digunakan untuk memantau kemajuan.

3. Selain itu, PPPM (PT) menggariskan 10 Lonjakan bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Empat (4) Lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam (6) Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh daya (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.
4. Di bawah kualiti aspirasi sistem, PPPM (PT) juga telah menggariskan untuk mencapai kadar kebolehpasaran graduan menjelang tahun 2025 melebihi 80% dan KPT telah mencapai kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 89.8% pada tahun 2023.
5. Selain itu, lima (5) buah universiti awam juga telah kekal berada di kedudukan 200 teratas dalam QS *World University Rankings* tahun 2025, iaitu Universiti Malaya (Tangga ke-60), Universiti Kebangsaan Malaysia (Tangga ke-138), Universiti Sains Malaysia (Tangga ke-146), Universiti Putra Malaysia (Tangga ke-148) dan Universiti Teknologi Malaysia (Tangga ke-181).
6. Penilaian pencapaian prestasi dibuat secara berterusan bagi memastikan kemajuan pendidikan tinggi terus menyumbang nilainya kepada negara. Pencapaian setiap lonjakan PPPM (PT) ini dipantau berdasarkan program yang dilaksanakan di bawah setiap inisiatif dan melalui pelaporan secara berkala.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Bagi mentransformasikan sistem pendidikan tinggi Malaysia dalam mendepani cabaran baharu landskap pendidikan tinggi Malaysia dan global, KPT sedang membangunkan pelan pembangunan

pendidikan tinggi jangka panjang yang baharu **iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035**. Pelan jangka panjang untuk tempoh 10 tahun ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT).

8. Bagi memastikan agenda pendidikan tinggi terus diperkasa dan berkesinambungan, pembangunan pelan baharu ini juga akan menerapkan elemen baharu berbentuk prospektif, selain daripada pencapaian secara retrospektif untuk menganjak prestasi pendidikan tinggi sekali gus memperkukuh kewujudan Malaysia di peringkat global.
9. Justeru, KPT telah menyediakan perancangan gerak kerja yang komprehensif untuk memacu sistem pendidikan tinggi selaras dengan hala tuju negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI YEW**

**NO. SOALAN : NO. 119**

**SOALAN**

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf status institusi pendidikan tinggi yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Sarawak, seperti Universiti Curtin, Universiti Teknologi Sarawak, dan Universiti Swinburne daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), bagaimana langkah ini dapat mempercepatkan pengeluaran tenaga kerja mahir dalam industri negara khususnya di negeri Sarawak?

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, *Curtin University Malaysia*, Universiti Teknologi Sarawak dan *Swinburne University of Technology Sarawak Campus* merupakan tiga (3) Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].
2. Walaupun ketiga-tiga IPTS ini dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Sarawak, mereka ditubuhkan oleh sebuah syarikat berhad menurut syer atau syarikat berhad menurut jaminan selaras dengan ketetapan seksyen 6 dan seksyen 12 Akta 555.

3. Pada masa ini, KPT hanya menyalurkan peruntukan kepada IPT yang disenaraikan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan di dalam Belanjawan 2025.
4. Sebarang penubuhan IPT baharu di mana-mana lokasi adalah tertakluk keputusan kolektif di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) yang melibatkan perancangan dan peruntukan besar Kerajaan secara keseluruhan dan bukannya keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**

**NO. SOALAN : NO. 121**

**SOALAN**

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menunaikan janji dalam manifesto Pakatan Harapan berkenaan pelaksanaan program pemansuhan hutang bersasar khas PTPTN untuk golongan miskin dan isi rumah B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi pembayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang.
2. Berhubung persoalan berkenaan manifesto tentang pemansuhan bersasar PTPN, seperti yang telah dimaklumkan oleh mantan Menteri Pendidikan Tinggi dalam sidang Parlimen yang lalu, kerajaan sekarang adalah merupakan sebuah kerajaan campuran iaitu Kerajaan Perpaduan. Oleh itu, manifesto yang telah dikeluarkan oleh mana-mana blok yang membentuk Kerajaan Persekutuan pada masa kini tidaklah secara automatik menjadi komitmen Kerajaan Perpaduan yang ada sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI  
BIN CHE SALLEH**

**NO. SOALAN : NO. 136**

**SOALAN**

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kurikulum pendidikan tinggi di Malaysia lebih relevan dengan keperluan industri dan mampu menyediakan graduan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kualiti graduan agar dapat melahirkan bakat terbaik yang memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara selaras dengan keperluan pasaran buruh.
2. Justeru, Universiti Awam (UA) perlu menjalankan analisis keperluan (*need assessment*) melalui Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) yang dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran. Ini adalah selari dengan ketetapan standard dalam COPPA.

3. Antara langkah yang diambil untuk memastikan program pengajian di UA kekal relevan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti graduan adalah:
  - (i) melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;
  - (ii) melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPTA;
  - (iii) memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik, Penyampaian Transformatif PdP dan Pentaksiran Holistik; dan
  - (iv) memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i.
4. Bagi kursus pengajian yang bernaung di bawah badan-badan profesional, penawaran kursus pengajian yang berkaitan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
5. Walau bagaimanapun, Kementerian memberi fleksibiliti bagi UA untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.
6. Kementerian juga menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

**DEWAN NEGARA**

**UCAPAN PENGULUNGAN**

**PETIKAN HANSARD  
SESI PENGGULUNGAN  
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025  
OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI  
12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

---

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun cuba akan meringkaskan, tetapi bagi memenuhi 14 soalan yang dikemukakan, dibincangkan, yang dibahaskan berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pertama sekali untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober yang lalu. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah diperuntukkan- ada mendapat peruntukan tambahan sebanyak 10.76 peratus.

Saya terus menjawab soalan-soalan, perkara-perkara yang dikemukakan oleh Ahliahli Yang Berhormat Senator, yang membahaskan perkara-perkara berkaitan dengan isu yang bertanggungjawab dengan kementerian ini.

Pertama dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad yang menyentuh berkaitan dengan penganjuran Festival Idea Putrajaya oleh KPT. Sebenarnya festival ini membuka satu dimensi baru dalam dunia pendidikan tinggi kita. Ia telah berlangsung dengan jayanya selama tiga hari daripada 27 hingga 29 November yang lalu. Dihadiri oleh lebih daripada 100,000 orang pengunjung kesemuanya.

Dalam hal penganjuran Festival of Ideas ini ataupun Festival Idea Putrajaya ini, kita telah melaksanakan pelbagai program dalam mencetuskan kesedaran baru di kalangan masyarakat kita agar prihatin,

menjaga tentang keperluan mewujudkan masyarakat yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan. Ini disebabkan oleh masa hadapan, termasuk jugalah masa-masa kini. Dunia kita sebenarnya di lingkunginya oleh ilmu pengetahuan dan idea. Kalau sekiranya kita ketinggalan daripada mencetuskan idea-idea baharu atau menggalakkan program-program yang berteraskan ilmu pengetahuan dan idea, maka Malaysia akan ketinggalan di belakang.

Saya nak *quote* satu pandangan yang sangat penting untuk kita renung daripada seorang negarawan. Di mana di tempat Tuan Yang di-Pertua belajar dulu iaitu di England iaitu Winston Churchill pernah mengingatkan, sebaik-baik saja selepas Perang Dunia Kedua iaitu katanya, kalau waktu itu empayar yang terbesar seperti Great Britain dan sebagainya berdasarkan kepada kuasa dari segi *military*-nya, tetapi katanya untuk masa hadapan- *The empire of the future*, dengan izin, *will be the empire of the mind*. Jadi itulah yang maka kita menggarap akan ruang yang ada ini bagi kita melahirkan satu idea untuk negara kita melahirkan generasi yang berteraskan kepada idea.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Azhar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita telah mengadakan pelbagai program termasuklah antaranya bual bicara forum, lepas itu ada juga *Putrajaya FOI Talk* bersama Perdana Menteri. Sesi Perkongsian *Idea Contemporary*. Lepas itu kita ada juga 10-sidang-sidang selari. Termasuk juga titah ucapan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berkaitan dengan *rethinking development ideas*.

Dalam pada itu juga kita turut mengadakan program apa yang dipanggil MyIDEAS Connect iaitu pameran inovasi. Kita memperkenalkan idea-idea besar anak-anak Malaysia, yang mungkin kita tidak sedar bahawa mereka ini telah berada, beroperasi dan mendapat dukungan daripada masyarakat dunia. Idea mereka itu berada di serata dunia. Kita perkenalkan mereka kali ini. Ini untuk menunjukkan bahawa Malaysia tidak kurang hebatnya berbanding dengan negara-negara lain.

Kemudian festival ini juga turut menarik penyertaan antarabangsa iaitu sebanyak 80 buah negara pelajar-pelajar yang belajar di Malaysia. Selain itu juga, kita telah berjaya mengadakan 97 sesi pertukaran atau penyerahan memorandum MOU, memorandum perjanjian bersama ataupun MOA, surat setuju terima peluncuran produk buku dan lain-lain lagi.

Selain itu juga apa yang menarik ialah karnival kerjaya bagi kita menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada pelajar mahasiswa, mahasiswi kita iaitu kita berjaya mengumpulkan 145 orang majikan kesemuanya dengan memberikan peluang pekerjaan sebanyak 10,000 peluang itu. Kebanyakan mereka telah pun di interview. Kita harapkan dengan proses interview yang dilakukan, kita dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita.

Saya terus ke persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah. Berkaitan dengan infrastruktur kepada warga kurang upaya. Ini saya ingin tekankan dalam Dewan yang mulia ini iaitu, kita sentiasa memberi komitmen khas, khusus kepada akses pendidikan yang berkualiti kepada golongan OKU dan ini termasuklah di bawah *Rolling Plan* Keempat, tahun 2024. KPT juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM11.24 juta bagi memastikan supaya accessibility di kawasan di kampus, termasuk juga di politeknik-politeknik dan lain-lain tempat yang berkaitan dengan fasiliti-fasiliti pendidikan tinggi dapat disediakan kepada golongan OKU ini.

Sementara itu juga dan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menambahkan, membantu untuk memastikan supaya keperluan kepada masyarakat OKU, golongan OKU ini dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim iaitu berkaitan dengan kemudahan sukan di sektor pendidikan tinggi. Ini merupakan salah satu daripada penekanan yang diberikan juga oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kerana kita ingin melahirkan mahasiswa-mahasiswa yang bersifat holistik dan

berdaya saing. Jadi kita menggunakan apa yang kita istilahkan sebagai *the thinking athletes*.

Jadi kita telah pun memberikan ruang yang terbaik kepada golongan mahasiswamahasiswa kita, yang mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam bidang sukan. Ini termasuklah kita memberikan ruang dipanggil green lane untuk kemasukan pelajar-pelajar kita yang mempunyai potensi dalam bidang sukan, terus masuk ke kampus-kampus yang ada kaitan dengan bidang fakulti sukannya.

Keduanya, kita juga menyediakan satu program yang kita panggil sebagai Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan juga Pusat Sukan Tumpuan. Yang ini kita lakukan bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan bagi kita memberikan tumpuantumpuan dalam bidang-bidang yang tertentu yang boleh memberikan potensi besar pada Malaysia untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Selain itu juga, satu Jawatankuasa peringkat tertinggi telah pun ditubuhkan untuk pembangunan sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri I dan beberapa siri mesyuarat khas telah pun diadakan. Dalam kita memastikan supaya peningkatan kualiti ataupun bidang-bidang yang perlu diberikan perhatian dalam kita membangunkan sukan di negara kita dan melahirkan olahragawan dan olahragawati di negara kita.

**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad:** Datuk Yang di-Pertua, minta mencelah lagi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Dah lewat, dah habis....

**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad:** Tahniah Yang Berhormat Menteri, sejak menerajui KPT ini saya dengar macam-macam program yang telah dilaksanakan oleh kementerian di bawah Dato' Seri. Ada tiga campur tiga, jadi ada lima program yang besar libat urus semua peneraju Universiti Awam, peluncuran program AI dan iFUTURE.

AI akan beralih kepada iFUTURE, kecerdikan masa hadapan melibatkan kepimpinan negara dan pimpin pelajar antaranya program Temu PMX,

program Dr. Zambry, terbaharu FOI dan lain-lain yang dirancang oleh Kecemerlangan KPT. Lagi satu istilah yang selalu Yang Berhormat sebut adalah dunia pendidikan memerlukan idea di luar kotak pemikiran dan memerlukan ketepatan dan kecekapan dalam membentuk generasi berteraskan otak dan watak.

Baik, kesemua itu ialah melahirkan insan-insan kamil bagi menerajui masa hadapan Malaysia yang cemerlang. Jadi, persoalannya, adakah Yang Berhormat merasa dah puas hati segala rancangan harapan yang dalam hari ini dunia pemikiran dunia pendidikan yang sentiasa berubah-ubah progresif dan dinamik. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Dalam dunia pendidikan, sama ada pendidikan asas mahupun pendidikan tinggi Datuk Dr. Azhar dan rakan-rakan sekalian, tidak ada noktah daripada segi kita sudah satisfied ataupun sudah berpuas hati dengannya. Dunia sedang bergerak dengan begitu pantas, maka dalam sistem pendidikan juga mesti bergerak dengan pantas bagi menangkap apa yang berlaku di hadapan kita itu supaya kita tidak ketinggalan. Lantaran itulah seperti yang kita lihat apa yang disusun di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi pada hari ini ialah dengan melihat semula dalam sistem pendidikan tinggi kita.

Sehubungan dengan itu, kita sedang merangka satu pelan jangka panjang pendidikan tinggi kita iaitu untuk tahun 2025 hinggalah 2035 nanti yang akan disiapkan pada tahun-tahun hadapan dengan apa yang kita istilahkan, istilah ini dan dipanggil kalau pendidikan sebelum ini dianggap ada satu bundle, tapi kali ini proses untuk kita mara ke hadapan, kita boleh, kita perlu lakukan apa yang dipanggil unbundling education. Maksudnya kita buka balik, kita teroka balik, lihat balik akan keperluan masa kini dan itulah yang kita lakukan dengan mengambil pendekatan-pendekatan yang lebih kreatif, inovatif dan untuk kita berhadapan dengan dunia yang ada di hadapan kita ini sendiri.

Jadi, pelbagai program termasuklah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi program-program pembinaan manusia kerana pada hari ini kita jangan hanya tertumpu disebabkan oleh AI semata-mata ataupun pembangunan-pembangunan yang bersifat teknikal tetapi kita lupa satu lagi dimensi yang berkaitan dengan pendidikan. Kerana pendidikan itu fokusnya kepada pembinaan manusia, manusia yang perlu ada kepakaran mesti terbina dalam dirinya itu dua aspek satu lagi apa yang dipanggil dari mindanya dan satu lagi

yang dipanggil sebagai wataknya ataupun daripada segi moralnya, daripada segi nilainya yang ini yang perlu kita berikan penekanan dan itulah kita memberikan penekanan kepada kedua-dua aspek ini supaya manusia itu membangun secara seimbang. Boleh begitu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, masa depan nanti anak-anak muda tak perlu Ijazah lah ya.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Dia bukan soal tidak ada ijazah ataupun ada ijazah. Ini soalan daripada Yang di-Pertua ini menarik juga. Sebagai contoh, dia berdasarkan kepada sistem pendidikan yang berteraskan kepada fokus-fokusnya. Zaman Datuk Yang di-Pertua dulu, beliau seorang Akauntan, beliau tidak masuk ke universiti, betul, tetapi beliau adalah seorang Akauntan yang *Certified Accountant* dan inilah yang kita lihat pada hari ini, kita sedang menuju kepada satu dimensi pendidikan yang baharu.

Kalau dulu pendidikan yang bersifat teknikal, yang bersifat vokasional itu tidak diberikan perhatian. Satu lagi yang dipanggil istilahnya sebagai work-based learning (WBL). Kalau dulu dia tidak ada istilah itu, lebih kepada program-program yang bersifat profesional, tetapi sekarang ini lebih kepada work-based learning di mana mereka yang pergi mendapatkan certificate dan sebagainya itu yang akan dikira lebih mempunyai nilai dalam bidang-bidang pekerjaan yang akan mereka pilih.

Ini kerana pekerjaan nanti akan menjadi lebih terkhusus dalam bidang-bidang tertentu untuk membangunkan di industri-industri tertentu yang ada di hadapan kita ini. Apatah lagi dalam konteks dunia AI yang sedang kita hadapi kepantasan yang berlaku di hadapan kita terlalu luar biasa yang perlu kita buat persiapan untuk negara kita.

Saya terus pergi ke Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah berkaitan dengan program Latihan Keselamatan Siber di universiti. Saya ingin maklumkan di sini kepada Senator bahawa ia- daripada segi program yang dilaksanakan di peringkat universiti berkaitan dengannya memang terus dilaksanakan melalui fakulti yang ada di seluruh universiti dan selain daripada program-program yang kita masukkan juga kursus penghayatan etika dan peradaban dalam mata pelajaran umum sebagai contoh. Ini biasa telah pun dilakukan.

Bagi menjawab soalan daripada Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah, ini satu soalan yang menarik iaitu supaya- beliau meminta tidak berlaku layanan berat sebelah bagi golongan T15 yang telah dikenal pasti dan subsidi dirasionalisasikan di sektor pendidikan tinggi. Saya ingin jelaskan di sini bahawa isu layanan berat sebelah sebenarnya tidak timbul sama sekali. Ini termasuklah perkhidmatan yang diberikan di peringkat hospital. Ini yang dibangkitkan kalau tidak silap saya iaitu berkaitan dengan di hospital pengajar universiti. Di mana dia ada dua wing dan dibangkitkanlah ialah the private wing kemungkinan diberikan keistimewaan yang lebih. Manakala di peringkat hospital biasa itu tidak diberikan.

Ia tidak bersifat begitu kerana seperti yang kita sedia maklum bahawa hospital pengajar universiti ini- yang ini Dr. Hatta boleh tolong verified-kan beliau sebagai seorang doktor perubatan, tidak ada diskriminasi kerana mereka semuanya tertakluk dengan profesionalisme mereka untuk memastikan supaya kualiti yang diberikan itu perlu dipelihara.

Cuma, di peringkat universiti-universiti dia ada *private wing* nya kerana *private wing* itu memang diwujudkan bagi memudahkan kepada universiti-universiti pengajian itu, selain daripada menambahkan sumber pendapatan mereka, tetapi fasiliti termasuklah bilik yang diperlukan yang itu yang diberikan sedikit keutamaan kepada mereka dengan pembayaran yang dikenakan. Saya tengok macam tekan hendak tanya soalan.

**Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Boleh.

**Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang penjelasan terperinci, terima kasih. Saya hendak memberi cadangan dan pandangan juga daripada Yang Berhormat Menteri *to err is human, to forgive divine*, dengan izin. Sebab kadangkala manusia ini dengan keletihan dengan tanggungjawab yang berat kemungkinan akan berlakunya sifat yang tidak digemari atau disenangi oleh pesakit-pesakit.

Boleh tak cadangan saya, kita beri *training* yang sentiasa diberi training kepada jururawat, semangat, motivasi sebab mereka ini manusia dan tanggungjawab mereka adalah tanggungjawab yang sangat berat sekali. Jadi, saya hendak mengesyorkan mereka diberikan training dan juga motivasi supaya meneruskan perjuangan mereka. *Because is not a job, it's not just responsibility, but* satu perjuangan oleh *our nurses* juga, terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Terima kasih. Satu cadangan dan- tetapi tidak bermakna kita tidak langsung melakukan proses itu. Ini kerana di setiap universiti dan juga di hospital-hospital pengajar dan saya yakin begitu juga di peringkat Kementerian Kesihatan.

Proses untuk memberikan motivasi kepada para Jururawat itu adalah penting kerana mereka yang mengendalikan setiap hari. Daripada segi tahap ketahanan mental mereka, emosi mereka perlu juga dijaga dan yang ini dilakukan secara berterusan di peringkat hospitalhospital pengajar kita.

Baik, saya terus pergi soalan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen berkaitan dengan the National AI Office. Menjadi sebuah entiti yang menjalin hubungan tiga lagi inisiatif kerajaan yang lain seperti hala tuju bakat AI, Fakulti AI di Universiti Teknologi (UTM) dan Konsortium AI Malaysia (MAIC). Saya ingin menjelaskan di sini bahawa daripada segi kerjasama dengan ketiga-tiga entiti ini, tidak ada masalah langsung kerana arahan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu untuk memastikan supaya kesemua yang berkaitan dengan AI perlu bekerjasama. *The whole-of-government approach.*

Maksudnya, ia bukan hanya tertakluk kepada satu kementerian semata-mata iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi ataupun MOSTI. Dalam hal ini seperti mana yang dirujuk oleh Yang Berhormat Senator iaitu MAIO ini berada di bawah kementerian sains dan kita telah pun mengadakan perbincangan dengan kementerian sains juga kerana fakulti-fakulti yang ada dengan- yang ada kaitan dengan AI ini berada dalam pengawasan Kementerian Pendidikan Tinggi.

ia tidak bermakna bahawa setiap kementerian perlu buat kerja masing-masing kerana ia akan merugikan daripada segi tenaga yang ada ataupun kepakaran yang ada di setiap kementerian ataupun di setiap-bahagian-bahagian yang berkenaan. Maka, apa yang kita lakukan iaitu yang kita panggil sebagai kita Konsortium AI Malaysia ini ataupun *the Nexus Approach* iaitu kita bawa semua berada sama-sama menggunakan kepakaran yang sama bagi kita memberikan impak yang tertinggi dalam bidang AI negara kita.

Baik, saya menjawab soalan daripada Dato' Sivaraj berkaitan dengan program-program TVET yang hendak ditawarkan sebagai salah satu daripada hala tuju transformasi politeknik kita. Saya ingin tegaskan di sini bahawa memang kerajaan memberikan penekanan yang sangat istimewa kepada bidang TVET ini.

Oleh yang demikian, daripada segi program-program yang ada yang ditawarkan bukan semata-mata kita menawarkan program-program biasa. Ia ada kaitan dengan keperluan dalam industri termasuk juga kerjasama yang kita lakukan dengan kementerian-kementerian yang lain, seumpama KESUMA, seperti MITI dan bagi memastikan supaya setiap program yang diatitkan ataupun yang dikemukakan itu mesti ada kaitan dengan keperluan industri yang berkenaan dan kualiti juga kita berikan keutamaan.

Baik, bagi menjawab soalan daripada Senator Robert Lau yang berkaitan dengan universiti sama ada Universiti Teknologi Sarawak, Universiti Curtin dan Swinburne di Kuching itu dapat mengiktiraf sebagai universiti pendidikan awam. Kita- saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa daripada segi akta, universiti awam- ada universiti awam, universiti IPTS. Termasuk juga universiti-universiti negeri itu berada dalam lingkungan IPTS. Bukan berada dalam IPTA. Jadi, saya ingat saya jelaskan itu kerana universiti-universiti ini pun ditubuhkan atas inisiatif swasta.

Bagi menjawab soalan daripada Tan Sri Dato' Low Kian Chuan iaitu berkaitan dengan mekanisme pembayaran balik PTPTN dan terima kasih kerana memberikan pandangan-pandangan sama ada untuk

membuat bayaran balik melalui potongan gaji dan sebagainya. Pihak PTPTN juga telah pun melakukan langkah-langkah bagi memastikan supaya kutipankutipan bayaran balik itu dapat dibuat dengan lebih sempurna, tetapi apa yang paling mustahak Yang Berhormat ialah kesedaran yang perlu ada kepada di kalangan mereka yang meminjam ini.

Ini kerana sering kali kerajaan menekankan bahawa pinjaman yang diberikan kepada mereka, kutipan yang akan diambil balik itu adalah akan digunakan pula untuk generasi yang akan datang. Bayangkan ada di kalangan mereka, sebanyak 473,000 di kalangan mereka yang tidak pernah langsung sekali pun membayar ataupun mengetuk pintu PTPTN memaklumkan kepada PTPTN bahawa, *“Saya belum mampu untuk membayar. Boleh tak dipertimbangkan untuk saya bayar kemudian?”*.

Ini 473,000 yang tidak bertanggungjawab langsung ini dan sebab itulah kita kerajaan perlu bertegas dan memastikan supaya golongan ini dapat memberikan. Kita ada juga yang lain yang dia bayar. Adakala dia tidak bayar, tetapi dia akan maklumkan. Dia kata saya tidak mampu kerana saya sudah tidak ada pekerjaan dan dalam hal ini, pihak PTPTN akan memaklumkan. Kita faham dan kita susun balik daripada segi aturan bagaimana dia nak membayar, tetapi yang kita sebutkan ini ialah golongan yang langsung tidak mempedulikan ini. Kita terpaksa melakukan pelbagai pendekatan dan kita harap agar Ahli-ahli Dewan dan rakyat sekalian akan memahami apa yang kita lakukan ini...

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Dato' Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan pencelahan.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi peluang kepada YB Menteri untuk habiskan.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Oh, baik. Oh, dah habis ya. *Sorry*.

### **Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]**

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Saya nak benarkan tetapi Tuan Yang di-Pertua tak benarkan. Baik, saya terus masuk ke YB Dr. Mohd Hatta yang meminta supaya kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPT menumpukan kepada bidang-bidang yang diperlukan industri. Ia juga terkait apa yang telah pun saya jawab tadi. Saya harap saya telah pun menjawab juga soalan yang berkaitan dengannya. Seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Sivaraj tadi.

Berkaitan dengan Dato' Halim Suleiman bertanyakan kolej komuniti di Tebrau dan juga di lain-lain termasuklah di Kelantan, Perak dan sebagainya. Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya faham akan keinginan Yang Berhormat untuk mengadakan institusi-institusi ini di kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, tetapi dalam masa yang sama saya harap Yang Berhormat juga memahami akan keperluan kerajaan untuk membuat penilaian kepada tempat-tempat itu dan juga kursus-kursus yang nak ditawarkan dan juga berkaitan dengan bajet yang ada kepada kerajaan.

Saya mengambil kira, mengambil maklum apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat itu dan sebahagiannya nanti kita akan masuk dalam pelan perancangan yang akan datang. Mungkin ada yang boleh, ada yang tak boleh.

Berkaitan dengan isu yang dibawa oleh Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan yang membangkitkan tentang berkaitan dengan pendidikan RAHMAH, pendidikan percuma. Seperti yang kita sedia maklum Yang Berhormat- Yang Berhormat juga merupakan mantan profesor, pensyarah- bagaimana kebajikan pelajar dijaga dengan begitu baik dari sudut yuran-yuran pendidikannya dan Malaysia adalah antara negara yang mengenakan yuran pengajian yang cukup-cukup rendah sekali.

Keduanya, kita juga memberi bantuan kepada pelajar-pelajar sebagai contoh bagi kelompok B40 atau B40 yang tidak berkemampuan

langsung ataupun daripada keluarga B40 yang merupakan anak sulung, anak pertama yang dapat masuk ke universiti daripada satu keluarga empat orang, lima orang atau 10 orang.

Ada anak seorang yang pertama dapat masuk ke universiti, kita lancarkan pula satu program yang kita panggil Program SULUNG. Program SULUNG ini bagi free kepada mereka untuk belajar sehinggalah mereka habis pengajian mereka. Inilah antara pendekatan-pendekatan kreatif dalam kita memastikan supaya anak-anak golongan miskin itu dapat kita bela. Kita pastikan supaya mereka dapat masuk belajar dan habis pengajian mereka dan mereka dapat membela ahli keluarga mereka apabila mereka keluar nanti. Ini penekanan yang sangat-sangat kita berikan perhatian.

Berkaitan dengan kepimpinan-kepimpinan di kalangan akademik dan mahasiswa, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pendekatan dilakukan melalui AKEPT yang telah kita lakukan. Sepanjang tahun kita lakukan untuk kita pastikan supaya kita dapat lahirkan barisan kepimpinan di peringkat universiti dengan kualiti-kualiti terkini kerana kita perlu membina mereka daripada masa-ke-semasa. Bukan itu sahaja, ia juga berkaitan dengan pensyarah-pensyarah muda dan juga pimpinan-pimpinan pelajar yang kita maksud.

Sebab itu Yang Berhormat lihat, bagaimana saya masuk ke universiti berinteraksi dengan pelajar termasuk juga berinteraksi dengan para pensyarah untuk kita pastikan supaya nilai-nilai kepimpinan dapat kita laksanakan. Pelbagai program yang telah pun dilaksanakan untuk pastikan lonjakan-lonjakan kepimpinan itu dapat kita lakukan.

Berkaitan dengan pemartabatan Bahasa Melayu di IPT. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat adalah merupakan dipanggil Munsyi Bahasa Melayu, antara yang unggul dalam negara kita bagi mengingatkan kita tentang dasar-dasar kita. Kita telah menyusun sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, sejak tahun 2023 lagi sampailah tahun ke-2030 nanti iaitu kursus-kursus bagaimana laporan akhir pembangunan untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pendidikan tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Daripada segi, daripada segi pelannya itu tidak kita berganjak sama sekali. Kita meneruskan pelbagai program-program. Saya ada daripada segi detilnya. Insya-Allah, kalau Yang Berhormat hendak, saya akan sebut. Malah Yang Berhormat sendiri berterusan menjadi penasihat kita sebenarnya untuk melihat, memantau sejauh mana pelaksanaan penggunaan Bahasa Melayu di universiti-universiti. Terima kasih saya ucapkan.

Yang juga ada kaitannya berkaitan dengan penggabungan Majlis Profesor Negara dan Akademi Profesor Negara, ini juga merupakan satu lagi perkara yang dibangkitkan kerana seperti yang kita sedia maklum, kita ada dua buah institusi ini yang kita sedang mencari jalan supaya kedua-dua ini dapat gabung. Saya sering kali bertanya, berapa Majlis Profesor yang kita nak buat. Bukankah cantik kalau semuanya dapat kita satukan. Ada satu pemikiran. Satu platform untuk kita berbincang dan menyelesaikan masalah, termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan negara. Baik.

Yang Berhormat, yang masuk juga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mustafa bin Musa, nilai jati diri yang perlu kita bina dan alhamdulillah, kita telah pun melaksanakan pelbagai program pembinaan jati diri ini melalui program yang kita panggil sebagai karisma dan sehingga kini, lebih daripada 100,000 sudah pun terlibat dalam program-program yang kita anjurkan bersama dengan Akademi Kenegaraan Malaysia.

Saya faham apa yang dimaksudkan juga tentang hal-hal yang berkaitan dengan buli dan sebagainya. Kita harap ia akan dapat kita atasi...

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Mohon mencelah.

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tak benarkan kerana masa dah habis sebenarnya. Ini masa cedera, yang amat cedera ini yang saya bagi...  
*[Ketawa]*

**Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir:** Baik. Berkaitan dengan Senator Tuan Michael Mujah Lihan iaitu tentang kebolehpasaran graduan. Kita telah pun sebutkan ada pelbagai program dan kita akan lakukan program kita, semakan kita dan termasuk juga program-program yang kita lakukan dengan pelbagai kementerian yang lain seperti KESUMA. Untuk kita pastikan supaya ruang untuk mereka mendapat pekerjaan itu lebih mudah lagi.

Jadi Datuk Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas ruang diberikan kepada saya walaupun rakan di belakang saya itu sudah tidak selesa lagi. Tunggu masa untuk beliau membahar. Saya harap beliau akan menjawab soalan-soalan semuanya dan terima kasih sekali lagi bagi isu yang saya tak sempat jawab. Saya akan memberi jawapan secara bertulis.

**URUS SETIA PARLIMEN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

Puan Fazidah binti Mustafa  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan Strategik

YBrs. Dr. Aini Andria Shirin binti Anuarudin  
Timbalan Setiausaha Bahagian  
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu  
Bahagian Perancangan Strategik

Encik Mohammad Ihsan bin Abdul Monir  
Pegawai Tugas-tugas Khas  
YB Menteri Pendidikan Tinggi

Encik Ahmad Farid bin Sainuri  
Pegawai Tugas-tugas Khas  
YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

Puan Che Hazwani binti Che Mansor  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Parlimen  
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu  
Bahagian Perancangan Strategik

Encik Abdul Syafiq bin Abdul Samat  
Penolong Setiausaha Kanan  
Unit Parlimen  
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu  
Bahagian Perancangan Strategik

Encik Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf  
Penolong Setiausaha Kanan  
Unit Parlimen  
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Perneriksaan Bahasa Melayu  
Bahagian Perancangan Strategik

Puan Akmal Khairani binti Kassim  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Unit Parlimen  
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Perneriksaan Bahasa Melayu  
Bahagian Perancangan Strategik

Puan Nurshamimi binti Hussain  
Pembantu Khidmat Am  
Unit Parlimen  
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Perneriksaan Bahasa Melayu  
Bahagian Perancangan Strategik



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI